**PARLIMEN KESEBELAS**

**PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT KETIGA**

**Bil. 71** *Rabu* **8 November 2006**

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Halaman 26)

**RANG UNDANG-UNDANG:**
Rang Undang-undang Perbekalan 2007
**Jawatankuasa:**
**Jadual**
Maksud B.10, B.11dan B.12 (Halaman 27)

**USUL:**
Anggaran Pembangunan 2007
**Jawatankuasa:**
Maksud P.10 dan P.70 (Halaman 27)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 08 November 2006**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat ]***

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

*[**Soalan No. 1** – YB Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) tidak hadir]*

*[**Soalan No. 2** - Y.B. Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) tidak hadir]*

3. **Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

(a) apakah tindakan untuk membanteras pukat-pukat tunda dari mencerobohi laut Zon 'A' terutamanya perairan Langkawi dan Kedah; dan

(b) berapakah bilangan yang telah ditangkap, di kompaun dan dirampas sejak lima tahun kebelakangan ini dan apakah pendekatan baru yang diambil oleh kementerian bagi mengatasi masalah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Dalam usaha untuk membanteras pukat-pukat tunda dari mencerobohi laut Zon 'A' terutamanya di perairan Langkawi dan Kedah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan telah dan sedang mengambil tindakan-tindakan berikut:-

(i) meningkatkan aktiviti penguatkuasaan secara rondaan berkala atau berjadual di kawasan yang dikenal pasti bermasalah;

(ii) mengadakan operasi mengejut dan serta-merta ke lokasi aduan berasaskan maklumat yang diperoleh serta bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan maritim yang lain dalam usaha pengawalseliaan yang lebih bersepadu; dan

(iii) mengadakan majlis-majlis dialog dengan nelayan dari masa ke semasa bagi memberi penerangan dan kesedaran di kalangan nelayan untuk menjaga kepentingan bersama.

Bagi jawapan soalan,

(b) Dari setahun 2002 hingga Julai 2006, jumlah tangkapan vessel pukat tunda yang mencerobohi Zon 'A' perairan negeri Kedah kecuali Langkawi adalah sebanyak 406 kes. Tindakan yang diambil mengikut Akta Perikanan 1985 terhadap vessel-vessel tersebut adalah seperti berikut:

| TINDAKAN YANG DIKENAKAN | BILANGAN KES |
|---|---|
| Bebas | 3 |
| Amaran | 11 |
| Kompaun | 202 |
| Denda mahkamah | 28 |
| Sita | 162 |
| **Jumlah** | **406** |

Manakala di perairan Langkawi dari tahun 2002 sehingga Julai 2006, jumlah tangkapan vessel pukat tunda yang mencerobohi Zon A adalah sebanyak 165 kes. Tindakan yang diambil mengikut Akta Perikanan 1985 terhadap vessel-vessel tersebut adalah seperti berikut:

| TINDAKAN YANG DIKENAKAN | BILANGAN KES |
|---|---|
| Amaran | 5 |
| Kompaun | 158 |
| Denda mahkamah | 1 |
| Sita | 1 |
| **Jumlah** | **165** |

Di antara pendekatan baru yang diambil oleh kementerian bagi menangani isu pencerobohan ini ialah:

(i) Program Pengurusan Perikanan oleh komuniti nelayan. Di bawah program ini, komuniti nelayan setempat akan diberi kepercayaan untuk mengurus sumber perikanan di tempat mereka. Mereka akan diberi penerangan dan tunjuk ajar tentang aspek-aspek pengurusan sumber perikanan mapan. Kerjasama ini secara langsung akan dapat memupuk budaya saling hormat-menghormati terhadap hak masing-masing dan betapa pentingnya

peranan mereka di dalam menjaga sumber yang ada. Persatuan Nelayan Kuala Teriang, Langkawi telah dipilih sebagai komuniti perintis bagi merealisasikan konsep ini sebelum ia dibawa ke tempat-tempat lain.

(ii) Usaha pembinaan tukun-tukun tiruan sedang dijalankan dengan menggunakan bahan-bahan seperti blok konkrit, vessel-vessel rampasan dan sebagainya. Tukun-tukun tiruan tersebut bukan sahaja akan menjadi struktur perangsang pertumbuhan hidupan marin malah ia juga akan bertindak sebagai pemusnah kepada pukat-pukat yang tersangkut pada tukun-tukun berkenaan.

Terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Jawapan yang telah diberikan adalah baik tetapi saya percaya jawapan itu adalah sama. Beberapa tahun yang lepas pun sama juga.... *[Disampuk]*

Jadi, saya hendak tahu, apakah tindakan yang berkesan kerana dalam dialog-dialog yang telah diuruskan dengan pihak nelayan, nelayan mengatakan tindakan kementerian adalah bagaikan melepaskan batuk di tangga sahaja. Malahan tidak ada apa yang berkesan yang telah diadakan. Kadang-kadang itu mereka menuduh pegawai-pegawai kerajaan terlibat dalam aktiviti bot-bot ini kerana kadangkala apabila mereka telefon pihak agensi ataupun kementerian ataupun jabatan, telefon di sebelah petang melihat bot-bot nelayan di Kuala Teriang, selepas itu setengah jam kemudian bot itu akan lalu, angkat pukat dan selepas itu baru pegawai datang. Inilah yang selalu berlaku seolah-olah tidak ada tindakan bersepadu yang diambil oleh pihak kementerian.

Saya hendak tahulah bagaimanakah caranya kita hendak lakukan lagi kerana pada tahun lepas apabila kita berbincang dengan Jabatan Perikanan, mereka kata tidak ada diesel, tidak ada minyak. Saya kata kepada mereka kalau tidak ada minyak mintalah pada kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sudah faham itu.

**Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]:** Mintalah tindakan yang lebih tegas. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat dan segala apa Yang Berhormat sebutkan tadi kita akan mencari usaha yang lebih lagi untuk memperbaiki. Tetapi Yang Berhormat pun sedia maklum bahawa lautan ini begitu luas, kadang-kadang untuk sampai ke sesuatu tempat itu memang mengambil masa tetapi memang kementerian sentiasa mencari jalan untuk berusaha memberi yang terbaik menjaga keselamatan, khasnya kepada nelayan. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya hendak tanya kementerian, adakah kementerian berhasrat untuk mengkaji balik Akta Perikanan ini. Ini kerana pada hari ini macam-macam bentuk lesen dikeluarkan tetapi yang malangnya nelayan-nelayan kecil ini dihadkan. Sebagai contoh nelayan di Melaka, nelayan di Melaka tidak boleh

mencari ikan di Muar kerana ada sempadan batas negeri. Kalau di Melaka, Melaka sahaja tidak boleh pergi ke luar. Tetapi nelayan pusat tunda ini, ia boleh *round* semua.

Nombor dua, saya hendak minta juga Kementerian Perikanan, kadang-kadang sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Langkawi tadi hanya bak menyelesaikan batuk di tangga sahaja. Kita ada dialog, di kawasan saya di Jasin ada dialog dengan LKIM, Jabatan Perikanan. Masalah nelayan-nelayan yang sampai hari ini tidak diberi lesen. Bila tidak diberi lesen, yang kerajaan umumkan subsidi diesel ini mereka tidak berhak, dan apabila di dalam dialog, dia kata kita akan selesaikan.

Tetapi sehingga hari ini senyap dan sunyi. Apabila Ahli Parlimen kompelin, dia kata lesen telah dibekukan. *[Ketawa]* Jadi, sampai bila macam ini? Kita hendakkan supaya sektor perikanan ini menyumbang kepada ekonomi negara tetapi sekatan-sekatan inilah yang membuatkan industri ini tidak boleh berdaya maju, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, mengenai dari segi bot tradisi atau nelayan tradisi yang dikatakan tidak dapat keluar ke negeri-negeri lain dan hanya, macam Melaka itu, hanya di Melaka sahaja sebab, Yang Berhormat, ini satu juga masalah. Kalau kita benarkan, negeri-negeri lain pula yang akan mengadu kepada kementerian menyatakan kenapa nelayan dari negeri lain pula masuk ke kawasan dia.

Oleh yang demikian, kita cuba menjadi seadilnya, kita kata silalah beroperasi di dalam zon masing-masing, iaitu mengikut negeri. Sebenarnya, Yang Berhormat, Yang Berhormat tadi katakan bahawa pukat tunda boleh pergi ke mana-mana, itu tidak betul, Yang Berhormat, sebab apa, pukat tunda pun ada zon-zonnya. Sebab pukat tunda pun tidak boleh masuk di dalam Zon ‘A’. Zon ‘A’ ini hanya kita hadkan kepada nelayan tradisi iaitu sehingga 5 batu nautika dan selepas itu ia tidak boleh masuk. Jadi, nelayan pantai itu, sebenarnya nelayan pantai boleh di mana-mana tetapi pukat tunda ia harus berada di dalam zon-zon yang ditetapkan mengikut saiz bot. Jadi, pukat tunda hanya B ke atas.

Untuk makluman Yang Berhormat, memanglah kita mengambil maklum dari segi pengeluaran lesen sebab sekarang ini pemegang lesen sudah terlampau banyak. Jadi kita merasakan bahawa yang ada pemegang lesen sekarang ini pun menghadapi masalah. Kalau kita tambah lagi dengan lesen baru, ini akan menambahkan lagi populasi yang berada di lautan. Oleh yang demikian, kita mengambil langkah yang berhati-hati supaya yang mana betul-betul tidak beroperasi kita batalkan lesen dan selepas itu kita akan mengeluarkan lesen yang baru kepada yang betul-betul mereka yang tulen dan yang berminat sebab lesen ini ada kena-mengena juga dengan subsidi petrol dan juga diesel. Terima kasih.

4. **Dato' Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapakah kadar keuntungan jangka pendek dan jangka panjang semasa pameran udara dan maritim di Langkawi setiap kali ianya diadakan.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** *Waalaikum salam*! Yang Berhormat bagi Pasir Puteh dan Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab soalan ini, pameran LIMA dianjurkan oleh syarikat swasta dengan mendapat sokongan kerajaan pada setiap tahun mulai 1991. Pelbagai acara termasuk pameran aeroangkasa dan maritim diadakan pada setiap acara pada tahun-tahun yang berkenaan. Persoalan yang ditimbulkan ialah mengenai keuntungan. Dari segi matematiknya adalah susah untuk dipamerkan kerana ini adalah pameran.

Kini, pameran LIMA telah termasuk di dalam kalender acara antarabangsa. Satu keuntungan yang ternyata sangat susah mana-mana aktiviti negara seperti LIMA di Langkawi boleh dimasukkan di dalam kalender antarabangsa untuk perkara-perkara yang tertentu. Kita rasa sangat bertuah. LIMA membawa satu keuntungan untuk perkara-perkara termasuk maritim dan aeroangkasa.

Penganjur LIMA telah menyumbangkan beberapa faedah jangka panjang dan jangka pendek Malaysia seperti menjalin hubungan di kalangan industri. Kepakaran di antara pengeluar, pengguna dan industri pertahanan tempatan dan di antarabangsa. Menarik pelancong tempatan dan luar negara. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa bilangan pelancong yang datang dalam pameran LIMA di Langkawi, daripada kalangan jumlah pelawat sahaja, saya diberitahu untuk tahun 2005, 41,565 orang; daripada kalangan pelawat awam, iaitu rakyat tempatan ialah 68,879 orang. Ini menunjukkan satu pendekatan bahawa dengan adanya LIMA, kemasukan para pelancong dalam industri pelancongan di dalam negara kita bersebab menjadi tarikan yang baik untuk kehadiran dan kedatangan mereka.

Ini juga menggalakkan satu pertumbuhan ekonomi setempat. Ini kerana aktiviti sampingan para pelancong turut menghasilkan pendapatan tambahan bagi pengusaha-pengusaha hotel dan industri kecil dan sederhana di Langkawi serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi tempatan.

Saya percaya kalau dari segi bilangan yang telah saya sebutkan tadi, bagi tahun 2005 sahaja, maka rakyat di Langkawi setidak-tidaknya akan menanti kedatangan lambakan ataupun kedatangan pelancong-pelancong yang besar bagi memberi peluang kepada mereka untuk mencari pendapatan tambahan.

Langkawi LIMA juga meningkatkan satu imej yang besar kepada negara kita. Di dalam dunia antarabangsa ada *air show* seperti di Paris dan lain-lain termasuk di Singapura, tetapi *air show* dan *maritime show* di Langkawi adalah satu yang agak boleh menarik kerana peserta-peserta yang datang pada setiap kali kita adakan adalah ramai. Saya ingin sebutkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa jumlah negara yang menyertai ini iaitu dalam tahun 1997 – 38 negara; 1999 – 32 negara; 2001 – 32 negara; 2003 -32 negara, tetapi 2005 – 21 negara. Ini bersabit dengan keadaan kerancakan ekonomi dunia yang menjejaskan penyertaan mereka yang berkenaan.

Di dalam pameran ini juga selain daripada yang saya sebut kedatangan pelancongan dan pakar-pakar dalam pembinaan penggunaan pesat dan maritim pengangkutan ini, kita melihat bahawa pameran-pameran pesawat yang agak canggih dapat dilihat. Ini mengurangkan beban tetapi menambahkan pengetahuan dapat dilihat secara, *can see through* pengetahuan dan kecanggihan yang dibina dalam menghadapi pertumbuhan teknologi yang baik di Langkawi sendiri. Bagi anak-anak yang berminat dalam *aerospace* dan maritim ini boleh melihat keadaan dan tambahan di Langkawi seperti yang telah diadakan pada setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap bahawa dengan adanya pertunjukan dan pameran di Langkawi ini, walaupun kerajaan telah memberi peluang kepada anak tempatan mengelola satu pertunjukan antarabangsa yang besar, ini boleh mengadakan satu pendekatan dan pengalaman yang tidak secara langsung bagi melahirkan *human investment* dari segi pengelolaan pertunjukan antarabangsa itu dapat dijayakan dalam pertunjukan Langkawi ini.

Ini yang saya katakan kalau daripada segi *mathematic calculation*, Tuan Yang di-Pertua, tidak susah untuk kita mengimbangkan, membentangkan satu persatu tetapi bagi keseluruhannya keuntungan dapat dirasai dan dapat kita capai dalam satu jangka masa yang panjang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri kerana turun menjawab soalan saya walaupun pendek tapi bermakna. Saya yakin bahawa dengan adanya pameran ini....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan tadi panjang lebar.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Ya, panjang lebar. Dengan panjang lebar tadi cukup bermakna kepada negara. Saya yakin imej negara begitu terkenal di arena antarabangsa. Juga saya lihat tadi sebelum soalan saya, boleh menjana kepakaran dalam dan luar, yang kedua menarik pelancong tempatan dan luar. Jadi ini satu perkara yang menguntungkan besar kepada negara, cuma saya hendak tanya soalan tambahan saya apakah ada kementerian-kementerian yang bersikap pro-aktif yang cuba mempromosikan ataupun menjual produk-produk daripada kementerian masing-masing.

Contohnya perdagangan, Kementerian Kesenian Kebudayaan, Pelancongan saya rasa ini juga termasuk *halal hub*. Saya lebih mirip kepada *halal hub* kerana *halal hub* sudah menjadi satu kegemaran bagi antarabangsa. Maka apakah ada tindakan ini, kalau tidak ada apa langkahnya? Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya percaya Yang Berhormat berpuas hati walaupun pendek ataupun panjang. Yang Berhormat agak sensitif dalam perkara saiz ini, tetapi dalam membicarakan persoalan yang dibangkitkan penyertaan kementerian-kementerian yang bersabit dengan kesempatan yang ada di Langkawi mungkin, dan kesempatan yang dipermudahkan oleh kerajaan tentang peluang-peluang yang lain. Saya percaya kementerian-kementerian lain ada

mempunyai strategi-strategi yang tertentu dari segi pembinaan, pengeluaran, kebudayaan, makanan dan lain-lain. Ini dapat kita lihat dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kementerian dan agensi-agensi kementerian yang berkenaan.

Sebagai contohnya, bahawa kita lihat dari segi pengeluaran makanan, kita agak penyesuaian bukan sahaja dengan adanya Pameran LIMA ini kerajaan mengadakan projek ataupun usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai *halal hub*. Maka dalam kementerian, industri tekstil juga kita dapat lihat bahawa pertumbuhan, penerbitan dan pengeluaran batik-batik yang termasyhur yang boleh setanding dengan rekaan-rekaan, pakaian-pakaian yang berwarna-warni di antarabangsa.

Saya percaya kalau dapat digandingkan semua ini, terutama sekali Kementerian Perdagangan dan Kementerian Kebudayaan, di mana saya tidak mahu menyentuh bahawa seperti saya katakan tadi, saya amat yakin bahawa wakil-wakil kerajaan yang berada di luar negara boleh memainkan peranan dengan menggunakan masa Pameran LIMA ini untuk menonjol, menjadikan di mana mereka berada dan apakah mereka jalankan untuk menjadikan bahawa penyertaan LIMA di Langkawi ini akan bertambah pada setiap tahun.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Pendang.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Daripada 1997 hingga 2005, daripada 38 buah negara menjadi 21 buah negara, yang paling sedikit ialah pada 2005. Saya bertanya kepada peniaga kecil di Langkawi, mereka mengatakan 2005 merupakan perniagaan yang paling merosot kalau dibandingkan dengan LIMA sebelum 2005 tersebut. Mungkin disebabkan oleh kurangnya negara yang terlibat dalam pameran tersebut. Soalan tambahan saya adalah berapakah jumlah syarikat-syarikat tempatan yang mengambil kesan kepakaran daripada pameran tersebut untuk menjadikan mereka syarikat pembuat mungkin kapal-kapal perang, senjata-senjata ketenteraan ataupun kapal-kapal angkasa untuk memasuki pasaran antarabangsa. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dihujahkan oleh Yang Berhormat mengenai perniagaan kecil, pendapatan peniaga-peniaga di Langkawi sama ada dari segi penjualan makanan dan barangan yang lain, tidak sangat berasaskan kepada bilangan kedatangan pelancong. Kalau ia berasaskan kedatangan pelancong, kalau kita dapat lihat bahawa kedatangan pelancong pada tahun 2003 ialah 30,000 tapi 2005 ialah 41,000. Ini bermakna kalau RM1.00 seorang, ia menjadi RM11,000 tambahan. Kedatangan pelancong tempatan agak berkurangan daripada 70,000 tinggal 68,000, itu kurang 2,000.

Saya tidak tahu bagaimana menjadikan dari segi pendapatan orang melancong di Langkawi ataupun pendapatan rakyat Langkawi berkurangan. Saya yakin bahawa, kalaulah dilihat dari segi kekurangan penyertaan jumlah negara di dunia dalam Pameran LIMA di Langkawi daripada 32 buah, 2003 kepada 21 buah, itu agak jelas kalau kita bandingkan dengan perbelanjaan mereka tetapi kalau

kita bandingkan dengan penyertaan rakyat tempatan dan pelancong yang datang adalah tidak seimbang.

Penyertaan dari segi pameran yang dibuat oleh rakyat tempatan berbanding dengan yang luar, umpamanya dari segi *aerospace,* penyertaan syarikat-syarikat tempatan ialah 30 daripada 95. Iaitu 30 syarikat tempatan menyertai pertunjukan *aerospace*. Tetapi agak berkurangan dari segi maritim, iaitu tiga daripada 164 penyertaan keseluruhannya.

Kita berharap pendekatan ini boleh menyedarkan pengeluar-pengeluar dan pekerja-pekerja dalam teknikal ataupun terbitan bahan-bahan maritim pada masa yang akan datang. Di samping itu, saya percaya dengan adanya pertunjukan seperti ini boleh membuka minda mereka untuk menerbitkan setidak-tidaknya perkara yang sama ataupun mengelokkan lagi dalam menentukan kejayaan, kita boleh menerbitkan ataupun mengeluarkan perkara-perkara yang dikehendaki perdagangan antarabangsa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat bagi Lipis.

5. **Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, sejauh mana kekuatan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dalam menyuarakan suara ahli di peringkat antarabangsa ketika konflik dunia yang semakin meruncing dan tidak menentu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Lipis, Yang Berhormat bagi Kuala Pilah pada 21 November 2006, Yang Berhormat bagi Sekijang pada 22 November 2006, Yang Berhormat bagi Bera pada 27 November 2006, Yang Berhormat bagi Beluran 28 November 2006 dan Yang Berhormat bagi Kudat pada 30 November 2006 di atas soalan-soalan yang dikemukakan. Izinkan saya menjawab kesemua soalan-soalan tersebut secara serentak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, hampir kesemua soalan-soalan yang berhubung isu Lubnan dan Palestin yang dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini sebenarnya telah pun dijawab. Baik secara langsung, tidak langsung dalam sesi perbahasan yang lepas. Kementerian Luar Negeri ingin terus menekankan bahawa langkah Malaysia menganjurkan pelbagai persidangan antarabangsa, sama ada melalui ASEAN, NAM dan juga OIC adalah bukti yang kukuh bahawa Malaysia memberi komitmen yang tinggi dalam usaha membela nasib mereka yang tertindas termasuk rakyat Lubnan dan Palestin.

Dalam kes Lubnan, Malaysia telah meneruskan komitmen untuk membantu dan mengekalkan keamanan Negara tersebut walaupun selepas gencatan senjata di capai menerusi resolusi 1701 pada 14 Ogos 2006. Seramai 360 orang anggota tentera Malaysia akan berkhidmat di bawah pasukan UNIFIL Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu sebagaimana persetujuan yang diberikan oleh badan dunia tersebut. Selain menghantar pasukan pengaman, Malaysia turut menyumbang bantuan

kemanusiaan bernilai AS1 juta kepada Lubnan di mana penghantaran akhir bantuan tersebut telah disempurnakan pada 13 dan 14 Oktober yang lalu. Di samping itu bantuan kemanusiaan yang bernilai 250 ribu dolar Amerika juga telah disalurkan kepada Lubnan melalui program makanan sedunia dengan izin, *World Food Program* yang bernaung di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pada masa yang sama isu berkaitan Palestin tetap kekal sebagai antara agenda utama yang sentiasa dibangkit dan diperjuangkan oleh Malaysia di pelbagai persidangan forum yang berkaitan sama ada di peringkat serantau dan antarabangsa. Malahan untuk makluman Dewan yang mulia ini Malaysia telah bersetuju untuk bekerjasama dgn sekretariat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi menganjurkan mesyuarat Serantau Asia dan Pasifik berhubung isu Palestin atau dengan izin, *UN Regional Meeting for Asia and Pacific on the questions of Palestine* yang dijadualkan berlangsung di Kuala Lumpur pada 15 hingga 17 Disember 2006 ini. Pada masa yang sama Malaysia amat berharap agar semua pihak yang terlibat dalam proses politik, Palestin terutama pucuk pimpinan Hamas dan Fatah akan dapat memecah kebuntuan dan mencari jalan penyelesaian bagi membolehkan kerajaan perpaduan atau dengan izin, *unity government* ditubuhkan di Palestin.

Sebagai kesimpulan Malaysia akan terus mengusahakan dan bekerjasama dan bekerja keras dengan masyarakat antarabangsa di dalam apa jua organisasi sama ada diterajui ataupun disertai oleh Malaysia ke arah mewujudkan keamanan yang menyeluruh di Asia Barat dan di lain-lain tempat di dunia ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *Assalamualaikum w.b.t.* Salam sejahtera, selamat pagi dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila Hamas menangi pilihan raya secara sah, dipilih oleh rakyat Palestin maka bantuan kewangan telah disekat oleh Amerika dan juga Negara-negara Eropah sehingga menimbulkan kesusahan, penderitaan yang berganda. Saya hendak tanya dalam hubungan seperti itu, dalam suasana seperti itu apakah OIC telah menyalurkan bantuan kewangan dan adakah OIC mempunyai tabung bantuan kerana OIC antara tujuan besarnya memberikan pertolongan, bantuan kepada negara-negara Islam.

Jelas dan terang kerajaan Hamas di Palestin yang sah menghadapi masalah saya tidak dengar atau mungkin di luar pengetahuan saya, OIC memberikan bantuan kewangan untuk mengganti kewangan yang harus diterima oleh mereka daripada punca-punca kewangan yang telah disekat oleh Amerika dan negara-negara Eropah. Saya ingin bertanya apakah ada tabung bantuan yang dikhaskan kepada negara-negara miskin kebanyakan macam jawapan Yang Berhormat di luar semalam OIC di dokong oleh negara-negara miskin. Tetapi ada juga di kalangan OIC ini, negara-negara yang kaya-raya, apakah tidak ada usaha untuk membantu negara-negara sahabat seperti ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Dalam isu yang berkaitan dengan soal tekanan yang dikenakan oleh terutama sekali negara Arab terhadap Hamas di Palestin, isunya bukan soal sama ada OIC mempunyai tabung atau tidak ataupun OIC ingin

menggantikan kewangan yang ditahan ataupun tidak. Tetapi dalam konteks bantuan ataupun apa-apa jua saluran kewangan yang hendak disampaikan di bumi Palestin yang masih lagi dibelenggu oleh rejim Israel sekarang ini, ianya banyak perkara yang mesti melalui negara rejim Israel tersebut, ini yang menjadi satu kesulitan walaupun daripada masa ke semasa Malaysia dan juga negara-negara OIC yang lain dapat memberi bantuan secara kecil-kecilan tetapi ianya sudah tentu tidak dapat menyamai bantuan yang besar misalnya Amerika Syarikat sendiri sudah dikatakan memberi bantuan yang bernilai beratus juta dolar Amerika berbanding mungkin berapa juta sahaja yang dapat dibantu oleh negara-negara seperti kita.

Jadi soalnya ialah yang keduanya ialah walaupun ada saluran tabung yang diberikan, soalnya sekarang ini di dalam Palestin itu sendiri terdapat perpecahan antara pihak Fatah yang menguasai pucuk pimpinan, Presidennya adalah Fatah dan kerajaan ataupun Dewan Perundangan mereka dikuasai Hamas terdapat percanggahan yang berterusan ertinya walaupun saluran hendak disampaikan, kita akan berhadapan dengan masalah kepada siapa yang hendak disampaikan sejauh manakah saluran itu bantuan itu, dapat digunakan secara efektif melalui kerjasama pihak-pihak yang bertelagah di sana, terima kasih.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita bahawasanya Malaysia telah memainkan banyak peranan di dalam Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) seperti mana Yang Berhormat katakan dan kita juga diberi kepercayaan turut terlibat dalam beberapa jawatankuasa kumpulan penting dalam OIC seperti kumpulan Bosnia Herzegovina, Kosovo, Palestin, Somalia, Sierra Leone di mana Malaysia adalah pengerusinya. Kita juga dilantik sebagai pengerusi dalam kumpulan 13 negara OIC, mengenai keganasan.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, ialah bagaimana dengan peranan OIC masa ini dalam menyelesaikan konflik Selatan Thailand yang berhampiran dengan kita kerana ada umat Islam di sana dengan mengambil kira sikap diplomasi dan rendah diri yang telah dilakukan oleh Perdana Menteri yang baru, Surayud Chulanont yang telah meminta maaf secara terhormat kepada masyarakat kita di Malaysia ini dan semalam kita menerima perkhabaran bahawa mereka akan membayar ganti rugi sebanyak lebih kurang 42 juta Baht atau pun 4 juta ringgi di Malaysia kalau tidak silap saya.

Jadi apakah setakat meminta maaf kita telah boleh melupakan apa juga keganasan yang telah dilakukan ke atas masyarakat Islam sebagai contoh di Selatan Thailand. Kalau mungkin berlaku di tempat-tempat lain, jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tindakan seterusnya peranan kita yang telah hari ini dilihat sebagai melakukan sesuatu untuk kepentingan masyarakat Islam sejagat. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Larut yang bertanya soalan yang menggambarkan keprihatinan Yang Berhormat terhadap isu yang berlaku di Selatan Thailand. Terdapat dua perkara yang perlu kita lihat dalam kes ini iaitu

pertamanya soal simpati kita kepada umat Islam yang berada di Selatan Thailand yang dikatakan memerlukan pendekatan daripada OIC.

Yang keduanya ialah kerana hubungan yang rapat antara Thailand dengan Malaysia di bawah kerjasama yang kita sebutkan sebagai Asean mempunyai sekatan ataupun mempunyai kaedah-kaedah yang tertentu dalam kita melihat konflik yang berlaku di Selatan Thailand. Jadi dalam soal ini kita merasakan bahawa hubungan kita dengan negara jiran di bawah semangat Asean itu perlu dikekalkan dan kita sudah tentu menghormati beberapa dasar ataupun prinsip Asean yang tidak mencampuri apa yang berlaku di negara lain.

Walau bagaimanapun, kita sentiasa menyuarakan pandangan kita dan sensitiviti kita kerana apa juga masalah yang berlaku di negara jiran akhirnya akan memberi kesan kepada kita bukan sahaja di Selatan Thailand itu ialah melibatkan orang Islam, orang Melayu yang bertutur bahasa Melayu mempunyai saudara mara di sana tetapi sebarang perkara yang menimbulkan ketidakstabilan di negara jiran sudah tentu akan memberi kesan kepada negara kita jua.

Jadi dalam soal ini kita telah menyampaikan melalui saluran-saluran diplomatik kita secara langsung tanpa perlu semestinya menggunakan kaedah OIC tetapi sebagai negara jiran telah kita sampaikan pandangan kita, rasa risau kita dan rasa bimbang kita tentang apa yang berlaku di negara jiran iaitu di Thailand dalam soal ini. Dan kita melihat bahawa perkembangan yang berlaku adalah suatu perkara yang kita alu-alukan di atas kesediaan Perdana Menteri yang baru untuk meminta maaf di atas kesediaan mereka untuk membayar ganti rugi, kita melihat ini adalah satu perkara yang sangat positif yang seharusnya perlu dialu-alukan juga oleh pihak yang tidak bersetuju dengan kerajaan yang sebelum ini, harus dia menganggap bahawa perkara ini satu -langkah yang perlu diambil secara hati yang terbuka supaya tindakan-tindakan yang dikaitkan dengan bersifat keganasan dapat dikurangkan dan kita cari jalan untuk menyelesaikan secara aman dan kerjasama. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

6. **Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]** minta Menteri Sumber Manusia dan Alam Sekitar menyatakan :-

(a) mengapakah sulfur oksida dijumpai dalam alam sekitar dan ini membahayakan kesihatan penduduk yang tinggal di kawasan bersempadan dengan ‘tasik’ Kawasan Perindustrian Ipoh; dan

(b) ada apa-apa siasatan atau tindakan diambil terhadap pemilik-pemilik kilang.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak buat sedikit pindaan kepada soalan (a) itu, perkataan “tasik” itu patut dibaca dengan “Taman Tasik Jaya.” Terima kasih.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat,

(a) Sulfur dioksida terhasil daripada proses pembakaran bahan api yang mengandungi sulfur dan juga pembakaran sulfur. Di kawasan perindustrian Ipoh, antara penyumbang kepada pelepasan sulfur dioksida adalah kilang-kilang yang menggunakan asid sulfurik di dalam proses kilang dan kilang-kilang yang mempunyai alat pembakaran bahan api seperti dandang, jana kuasa dan sebagainya. Di samping itu, kenderaan bermotor juga ada melepaskan sulfur dioksida.

Berdasarkan pengawasan kualiti udara, paras sulfur dioksida di Ipoh pada tahun 2005 adalah dalam lingkungan 0.001 sehingga 0.0025 p.p.m. atau *parts per million.* Dan paras ini adalah jauh lebih rendah dan mematuhi paras yang tidak melebihi 0.04 p.p.m. yang ditetapkan mengikut garis panduan kualiti udara di negara ini. Oleh itu, ianya tidak mendatangkan kesan yang buruk kepada kesihatan penduduk di kawasan tersebut.

Untuk bahagian,

(b) Kawasan pelepasan sulfur dioksida dari alat pembakaran bahan api adalah dengan mengehadkan paras sulfur dalam bahan api dan juga menetapkan ketinggian cerobong. Setiap pemasangan cerobong perlu mendapat kelulusan bertulis daripada ketua pengarah kualiti alam sekeliling. Dan pada tahun 2005, hanya satu tindakan kompaun yang telah diambil ke atas pihak kilang di kawasan yang telah dipersoalkan tadi.

Sekian, terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, kualiti udara yang bersih adalah satu perkara yang sangat mustahak. Dalam jawapan yang diberi oleh kerajaan, nampaknya p.p.m. yang dikatakan itu mungkin adalah pada masa dibaca pada hari bukan semasa kelepasan am dan cuti. Ini adalah kerana di taman tersebut di mana di Jalan Tasik itu, bila kita pergi pada tarikh cuti atau pada hari Sabtu dan Ahad, bau di sana amat kuat. Dan saya difahamkan, saya sendiri telah pergi ke tempat tersebut, beberapa laporan telah dibuat kepada Kementerian. Akan tetapi setiap kali mereka datang, tidak ada tindakan yang tegas diambil terhadap kilang-kilang tersebut.

Dan ini, apakah bau ini, bau ini adalah satu bau yang nampaknya dengan izin *very sweet* tetapi ia akan mengakibatkan bronkitis, asma, *cronic cough* dan kanser dan ini juga akan mengakibatkan *acidic rain* dan ia boleh turun *effect* kepada pokok-pokok dan masuk ke sungai mencemar kualiti air. Jadi macam manakan satu tindakan yang tegas boleh diambil terhadap kilang-kilang ini? Kerana saya difahamkan pada setiap masa cuti, mereka melepaskan sulfur oksida ini ke udara dan menyebabkan perkara ini.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita akui bahawasanya kualiti udara yang kita ambil adalah berdasarkan kepada purata dan tidak masa-masa tertentu. Berkemungkinan

pada masa-masa tertentu akan berlaku keadaan sedemikian. Tapi ingin saya nyatakan di sini, bau ini sebenarnya Yang Berhormat, kita tidak ada pengukurnya. Kadang-kadang bau Yang Berhormat saya kata busuk, tapi isteri Yang Berhormat kata sedap. Jadi kita tidak ada kayu pengukur dan bau ini tidak boleh dijadikan sebagai pengukur bahawa bau busuk itu adalah mengandungi pencemaran udara. Seperti juga tahap penglihatan dengan jerebu dan sebagainya. Kita kata kalau tahap penglihatan itu dekat, kita tidak nampak jauh maksudnya tercemar. Tetapi tidak semestinya kerana kadang-kadang hari yang dingin, hari yang berkabus, memang tahap penglihatan kita akan menjadi lebih kurang.

Jadi apa yang saya ingin nyatakan di sini, sekiranya ada aduan bertulis, sekiranya pada masa-masa tertentu kilang-kilang ini mengeluarkan sulfur dioksida dengan cara yang amat banyak sekali, saya minta Yang Berhormat panjangkan ....

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ada aduan sudah dibuat, sudah aduan beberapa kali.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Sila panjangkan terus kepada saya, mungkin pegawai saya salah pandang dan sebagainya. Tapi saya yakin apabila sampai ke tangan saya, bagi kepada saya, saya akan tindakan sewajarnya. Terima kasih.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang pengeluaran bahan-bahan tercemar oleh kilang-kilang tertentu ini, biasanya mereka mengeluarkan waktu petang sebab mereka tahu bahawa tidak ada pegawai penguatkuasaan yang memantau mereka. Jadi apakah strategi sekarang supaya Kementerian boleh memantau *around the clock*, 24 jam. Kerana pengeluaran ini memang, saya telah pun menyaksikan dan memanggil pegawai JAS di Kuching tentang hal ini. Sekian.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Kita akui Yang Berhormat memanglah orang hendak buat jahat ini kan, nak buat salah, dia mencari masa-masa tertentu yang pihak kerajaan tidak ada seperti petang, malam dan sebagainya. Dan sebab itu kita akan menubuhkan, insya-Allah pada tahun depan, awal tahun, pasukan pengawas yang dianggotai oleh Ahli-ahli Parlimen, ADUN dan juga JKKK supaya dapat membantu kita di dalam menangani masalah pencemaran dan pembuangan sisa-sisa toksik ini. Jadi saya ambil cadangan daripada Yang Berhormat bagi Mambong berkenaan dengan itu, dan ambil maklum berkenaan dengan pelepasan pada waktu yang kita tidak bekerja dan insya-Allah kita akan lakukan sesuatu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat bagi Sepanggar.

7. **Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang telah dikendalikan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) di setiap negeri dan langkah-langkah kerajaan menangani kenaikan harga bahan binaan yang mendadak demi untuk meneruskan rancangan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Oktober 2006, Syarikat Perumahan Negara Berhad telah meluluskan

sebanyak 6,954 permohonan untuk skim Rumah Mesra Rakyat dengan kos sebanyak RM297.5 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,001 unit telah disiapkan dan diserah kunci, 925 unit dalam peringkat pembinaan manakala bakinya dalam peringkat pemilihan kontraktor dan proses penawaran.

Bilangan permohonan rumah mesra yang telah diluluskan, yang telah siap dibina dan yang dalam pembinaan mengikut negeri-negeri seperti berikut:

| Negeri | Permohonan Yang Telah Diluluskan (Buah) | Siap Dibina (Buah) |
|---|---|---|
| Terengganu | 1,021 | 547 |
| Kelantan | 1,249 | 230 |
| Pahang | 424 | 158 |
| Perak | 800 | 210 |
| Pulau Pinang | 81 | 24 |
| Kedah | 811 | 192 |
| Perlis | 166 | 15 |
| Selangor | 396 | 166 |
| Negeri Sembilan | 510 | 56 |
| Melaka | 230 | 69 |
| Johor | 677 | 222 |
| KL /Putrajaya | 14 | 3 |
| Sabah | 448 | 86 |
| Sarawak | 55 | 3 |
| Labuan | 1002 | 20 |

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengimbangi kesan kenaikan harga bahan-bahan binaan, kerajaan telah meluluskan kenaikan kos pembinaan rumah mesra bagi kawasan-kawasan seperti berikut.

Untuk kawasan bandar dan luar bandar, harga kos yang baru, harga baru ialah RM46,000 satu unit. Bagi kawasan terpencil, pulau-pulau atau tanah-tanah tinggi, harga baru ialah RM55,000. Harga untuk Sabah dan Sarawak satu unit ialah kekal pada RM57,000 Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Terima kasih atas kelulusan yang telah diberi tapi pembinaan itu agak lembap sekali oleh sebab kalau kita tengok kepada keseluruhannya kurang daripada 10 peratus telah siap dibina. Jadi apakah langkah-langkah kementerian untuk memperkasa pembinaan ini dengan cepat?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh program rumah mesra ini ialah rumah ini dia tidak setempat Tuan Yang di-Pertua. Ada kawasan terpencil, luar bandar dan sebagainya. Jadi masalah pelantikan kontraktor, dia kalau satu sahaja dia susah sikit Tuan Yang di-Pertua. Kerana kalau satu sahaja nak dibina oleh kontraktor, maka dia agak kurang minat.

Tapi kalau ada lima atau sepuluh sekali gus, maka barulah mereka berminat. Jadi ini maknanya SPNB terpaksa cari kaedah-kaedah untuk menyesuaikan keadaan setempatlah. Kadang-kadang masalah tapak, tanah kena timbus kena tambun dan sebagainya. Jadi, program SPNB dia terpaksa mencari jalan untuk kes-kes yang spesifik. Dia tak boleh buat sekali maknanya tindakannya tidak sama dari tempat ke tempat Tuan Yang di-Pertua.

Walau bagaimanapun SPNB juga cuba menggunakan kaedah baru seperti gunakan sistem, tapi sistem ini juga perlu melibatkan jumlah yang banyak. Kalau jumlah sikit pun tak *available* juga Tuan Yang di-Pertua, jadi terpaksa ikut cara lama juga. Jadi masalah kelewatan ini berbagai-bagai sebablah. Kalau saya nak huraikan memang panjang Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Saya sebenarnya masih belum berpuas hati dengan pelaksanaan rumah mesra rakyat ini. Dan sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat maklumat banyak sebahagian besar yang belum dilaksanakan, bukan setakat belum dilaksanakan.

Bahkan terdapat banyak rumah mesra rakyat ini yang telah terbengkalai pembinaannya. Saya pernah mengemukakan beberapa kes kepada bahagian perumahan ini, Syarikat Perumahan Negara ini di mana mereka yang sebenarnya susah ini berharapkan rumah yang segera ini telah tidak dapat duduk akibat daripada rumah mereka tidak siap kerana kontraktor, masalah kontraktor.

Saya pernah bercakap dengan bahagian syarikat perumahan, di mana ada mencadangkan kepada kita supaya kita mencadangkan kontraktor yang kita kenal, bukan ada syer dengan kita Tuan Yang di-Pertua. Yang kenal kita dan kita tahu mereka ini boleh buat. Tapi akhirnya apabila kelulusan keluar, kontraktor yang melaksanakan di luar maklumat kita. Apakah ini di antara sebabnya dan saya ingin tahu daripada kerajaan, berapakah jumlah rumah mesra rakyat ini yang terbengkalai. Yang perlu dilaksanakan segera. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, tentang bahagian kedua soalan daripada Yang Berhormat bagi Maran itu tadi iaitu tentang berapa jumlah rumah terbengkalai, ini saya tidak ada perangkaan yang tepatlah. Tapi yang saya ada cuma di pelbagai peringkat pelaksanaan memang ada pada sayalah. Mungkin itu tidak menepati soalan.

Yang keduanya tentang pelantikan kontraktor. Yang ini memang masalah. Kalau ikut peraturan memanglah kena panggil tender.

Jadi ini pandangan, saya mengambil perhatian tentang pandangan Yang Berhormat tadi iaitu pihak Ahli Parlimen sendiri mencadangkan kontraktor dan makna kita kena ubah suai pula sistem cara kita bekerja, cara pelaksanaan kontrak ini. Makna selalunya kalau keadaan biasa, kalau projek itu RM20,000 ke bawah, memang boleh lantik terus. Tapi kalau lebih RM20,000 dia kena tender ataupun sebut harga. Ini kita kena semak baliklah. Saya akan bawa balik kepada kementerian, menyemak balik tentang perkara yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Maran tadi. Terima kasih.

8. **Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan usaha-usaha yang berkesan ke arah mengenal pasti, melatih, membimbing dan melahirkan belia-belia ke arah pencapaian konsep 3K yang diharapkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kementerian ini mengenal pasti bahawa pendekatan pembangunan belia di negara ini wajar difokuskan dengan tiga aspek utama iaitu yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu aspek kepimpinan, kemahiran dan keusahawanan - 3K. Pembangunan belia yang berpaksikan perspektif 3K ini dilaksanakan dalam konteks menyediakan golongan belia yang berpengetahuan, kemahiran dan memiliki kepakaran bertaraf global tanpa mengetepikan nilai-nilai positif budaya dan norma hidup bangsa. Semangat patriotisme dan semangat jati diri yang kental.

Antara strategi-strategi yang diaturkan oleh kementerian ini dalam pelaksanaan pendekatan 3K tersebut adalah seperti berikut:

(i) aspek kepimpinan, pemugaran kurikulum modul dan pendekatan latihan kepimpinan;

(ii) pembangunan dan pengembangan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang latihan kepimpinan;

(iii) merealisasi potensi kepimpinan belia sebagai agen pembangunan sosioekonomi negara;

(iv) penyediaan peluang dan pendedahan awal kepimpinan kepada lepasan SPM; dan

(v) meluaskan peluang latihan kepimpinan belia melalui kerjasama strategik dengan NGO belia, institusi sosial, agensi kerajaan, IPT dan sektor swasta.

Dalam aspek kemahiran pula Tuan Yang di-Pertua:

(a) latihan kemahiran belia berteraskan tuntutan pasaran semasa dan akan datang;

(b) penawaran peluang latihan kemahiran belia diperluaskan melalui kerjasama strategik dengan pelbagai pihak;

(c) latihan kemahiran menyeluruh yang menggabungkan elemen kemahiran, kepimpinan dan keusahawanan dalam setiap program latihan kemahiran; dan

(d) pembangunan modul dan kurikulum latihan kemahiran yang berasaskan ilmu pengetahuan dan kepakaran serta *research* dan *development,* dengan izin.

Aspek Keusahawanan:

(i) meneroka disiplin ilmu keusahawanan belia yang berwibawa;

(ii) mewujudkan sistem latihan dan pembangunan keusahawanan belia yang berkesan;

(iii) meningkatkan kualiti latihan keusahawanan dari segi kurikulum dan pendekatan latihan;

(iv) membangun dan mengembangkan *enterprise* belia melalui, dengan izin, *consultancy* perniagaan. Latihan peningkatan kemahiran serta jalinan kerjasama; dan

(v) perluasan penawaran peluang latihan dan pembangunan keusahawanan melalui perkongsian bijak dengan sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua strategi tersebut direalisasikan ke arah membentuk program-program anjuran kementerian ini seperti latihan kepimpinan, latihan kemahiran berinstitusi dan tidak berinstitusi. Latihan keusahawanan dan pengurusan perniagaan dan sebagainya. Kementerian ini juga mewujudkan rangkaian kerjasama dengan sektor swasta, NGO, IPT dan lain-lain lagi dalam pelaksanaan program pembangunan belia yang berteraskan 3K tersebut dari masa ke semasa. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Mungkin disebabkan oleh masalah belia yang ketara sehingga menyebabkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyarankan supaya konsep 3K ini dilaksanakan. Baru-baru ini saya rasa terkejut apabila satu kajian daripada Institut Pembangunan Belia Negara secara rambang menyatakan 80 peratus belia di negara kita ini bermasalah dan mungkin saya tidak boleh menerima hakikat ini.

Tetapi rata-rata saya mendapati bahawa ramai di kalangan penjawat-penjawat jawatan belia di peringkat daerah, di peringkat negeri, seperti pengerusi-pengerusi biro kebanyakannya adalah tidak berfungsi tetapi mereka bersemangat untuk memegang jawatan. Jadi hasrat untuk melahirkan 3K ini yang memfokuskan kepada belia ini, saya percaya mungkin akan seterusnya mencapai jalan yang tidak sebagaimana yang diharapkan. Apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan selain daripada pengupayaan yang telah dibuat, saya ucap terima kasih, Y2Y dan sebagainya. Dan apakah langkah-langkah seterusnya yang dibuat oleh kementerian? Terima kasih.

**Tuan Sa. Vigneswaran:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan apa yang diterbitkan di dalam Utusan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, maklumat yang saya ada, yang keluar dalam Yo! Utusan itu, 80% mengatakan belia-belia yang tidak bermasalah. Dan institusi tersebut di bawah kementerian saya membuat kesimpulan ini kerana 80% dari belia ini tidak minum arak, 98% tidak hisap dadah, 88% tidak membaca bahan lucah, 73% tidak lepak, 95% tidak melibatkan diri dalam lumba haram dan 94% tidak vandalisme.

*So,* saya kurang pasti dengan maklumat yang diberi oleh Yang Berhormat. Tetapi walaupun demikian, berkenaan dengan ahli-ahli pertubuhan yang lesu, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Belia dan Sukan memberi berbagai-bagai kursus kepada persatuan-persatuan belia supaya pertubuhan-pertubuhan mereka ini aktif untuk program-program belia. Kita juga memberi

bantuan dari segi kewangan kepada pertubuhan-pertubuhan tersebut dan selepas Akta Belia ini yang akan dibawa ke Dewan yang mulia ini untuk perhatian Yang Berhormat, kami pasti semua persatuan itu akan berada di bawah bidang kuasa kementerian dan tindakan-tindakan yang sewajarnya akan diambil kepada persatuan-persatuan yang lesu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya tentang Program Belia Niaga. Setakat manakah Program Belia Niaga ini telah mencapai hasratnya dan berjaya menggerakkan tenaga muda untuk mereka mengembangkan bakat keusahawanannya. Yang keduanya, sejauh manakah mikro kredit yang dulunya dijanjikan untuk diberi sebagai galakan kepada belia niaga ini telah dapat diteruskan dan setakat manakah pula kutipan bayar pinjaman daripada mikro kredit ini telah dapat diperoleh daripada belia-belia ini?

**Tuan Sa. Vigneswaran:** Untuk makluman Dewan yang mulia ini berkenaan dengan tabung, kita memang ada Tabung Ekonomi Belia di bawah kementerian kita dan pada dua tahun yang lalu tabung itu dibekukan tetapi pada tahun ini, 2006 kita telah mula mengeluarkan bantuan kepada belia-belia yang ingin berniaga. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka-angka yang diminta oleh Yang Berhormat dan saya minta supaya Dewan yang mulia ini memberikan saya masa supaya saya memberi jawapan-jawapan yang ditanya oleh Yang Berhormat secara bertulis. Terima kasih.

9. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Pelancongan menyatakan:-

(a) apakah kriteria yang diambil oleh pihak kementerian di dalam melabelkan sesebuah hotel itu dari segi bintang dan standard; dan

(b) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kementerian mengenai masalah pengurusan dan perkhidmatan hotel di Malaysia masih lagi di tahap yang rendah dan kurang memuaskan.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua untuk jawapan,

(a) Dalam usaha untuk mempertingkatkan dan memantau kualiti pengurusan dan perkhidmatan industri perhotelan, Skim Pengelasan Hotel bagi taraf bintang (satu hingga lima) telah dilaksanakan secara seragam di seluruh negara sejak 13 Julai 1996 dan bagi taraf orkid (satu hingga tiga) mulai tahun 1999 oleh Kementerian Pelancongan. Skim Pengelasan Hotel ini merupakan sistem penggredan hotel yang menjadi alat pengukur dan penentu kepada mutu kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan dan menjadi garis panduan kepada pengguna atau pelancong membuat pilihan yang tepat bagi mereka.

Oleh itu, setiap premis penginapan pelancong yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Malaysia akan digredkan melalui Skim Pengelasan Hotel ini.

Skim yang dilaksanakan ini adalah mengikut standard yang ditetapkan oleh *World Tourism Organization* iaitu WTO dan disesuaikan dengan ciri-ciri budaya tempatan. Kriteria skim ini meliputi enam aspek utama bagi menilai hotel yang bertaraf bintang. Aspek-aspek ini memberikan penekanan kepada kualiti dan perkhidmatan serta kemudahan seperti berikut:

(i) *qualitative and 'ecstatic' requirement;*

(ii) *common areas;*

(iii) *bedroom's requirement;*

(iv) *services;*

(v) *safety standard and hygiene;* dan

(vi) *staff*

Manakala taraf orkid adalah dikhaskan bagi premis penginapan pelancong yang tidak mencapai tahap minimum di bawah kategori pengelasan taraf bintang. Kriteria yang digunakan untuk menilai hotel taraf orkid adalah meliputi lima aspek utama seperti berikut:

(i) *cleanness and hygiene standard;*

(ii) *building safety and gas security;*

(iii) *facilities and services;*

(iv) *bedroom's requirement;* dan

(v) *staff*

Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan,

(b) Kementerian sememangnya telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang wajar untuk mengatasi masalah pengurusan dan perkhidmatan hotel di Malaysia yang bertahap rendah dan kurang memuaskan. Bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang diberikan, kementerian telah menetapkan kriteria supaya semua pegawai dan kakitangan hotel diberi latihan secara berterusan. Hotel-hotel yang telah berdaftar dan telah diberikan taraf bintang atau orkid akan dikelaskan semula oleh kementerian setiap tiga tahun. Dengan cara ini mutu sesebuah premis dapat dipantau dan dipertingkatkan lagi.

Selain daripada itu, kementerian juga akan bertindak sewajarnya terhadap sebarang aduan dari orang ramai tentang kemerosotan dan mutu perkhidmatan premis penginapan pelancong. Di antaranya termasuk mengarahkan hotel-hotel memperbaiki kelemahan, menambahbaikkan

kemudahan dan perkhidmatan. Mengambil tindakan menurunkan taraf ataupun menarik balik taraf bintang atau orkid yang telah diberikan kementerian ini boleh mencadangkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan atau PBT agar lesen perniagaan premis tersebut dibatalkan dan tidak dibenarkan beroperasi.

Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri. Jawapan itu, memang kita standard yang tinggi, kriteria memang cukup hebat. Tidak tahulah Timbalan Menteri ada pernah melawat hotel-hotel di negara kita. Timbalan Menteri ada sedar kah atau tidak hotel kita ini contohnya lima bintang, tapi tadi kata bilik mesti sampai standard. Kemungkinan bilik sampai standard tetapi kemudahan dalam belum lagi tentu. Contoh *towel* dia, sudah pakai empat, lima tahun tidak pernah tukar baru.

Macam mana kita boleh *meet the standard of* lima bintang? *Renovation* tidak ada. Ada juga hotel di Kuala Lumpur sudah 10 tahun tidak ada nampak tukar *carpet* pun.... *[Disampuk]* Masuk, kita pun boleh cium bau, bukan bau wangi. Jadi saya mahu tanya kementerian ini, adakah kementerian ambil tindakan proaktif melawat hotel-hotel untuk mendapatkan standard bintang-bintang yang ditarafkan itu betul atau tidak betul? Ada ke tidak ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Nanti ada satu lagi... Mustahak ini untuk semua rakyat kita dan politik ini. Sampai bila-bila masa kita ada mesyuarat. Contoh sekarang UMNO, MCA, Gerakan ataupun mana-mana parti. Bila ada mesyuarat dua, tiga hari, semua hotel cukup hebat, terus naik tiga kali ganda tinggi.... *[Disampuk]* Jadi macam mana Kementerian Pelancongan tidak *control* ke?

Kalau ada orang melawat itu seksi memang cantik dan seksi, orang mahu melawat Kuala Lumpur, harga itu tinggi sedikit, banyak *tourism* masuk, itu lain cerita. Ini cuma kita rakyat sendiri mari hendak mesyuarat, terus harga naik. Semua kasi, Orang Iban kata, "Kasi barai semua rakyat dah".... *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Apa itu "barai"?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** "Barai" itu kasi matilah rakyat semua, mati orang politik. Jadi saya mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri tolonglah jawab baik-baik.... *[Ketawa]*

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bintulu yang begitu berehat, selalu duduk hotel, saya pun tidak tahu dia buat apa di hotel. Memang aduan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu, tuala di hotel lima bintang tidak ditukar, *carpet* 10 tahun tidak ditukar, itu memang kita tahu. Kalau ada hotel yang begitu seperti saya katakan tadi, kita akan ada aduan, ada *information*, kita memang boleh..

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itu memang betul, Yang Berhormat Timbalan Menteri mesti melawat itu.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Untuk makluman yang berhormat buat masa ini hotel yang sedia ada di negara kita ini ada 2,269 pada Disember 2005. Memang itu angka yang besar. Takkan kita selalu lawat ini, lawat itu. Kita buat audit tiga tahun sekali, kalau ada. Dalam masa tempoh itu kalau ada aduan, kita akan buat tindakan yang saya katakan tadi iaitu kita akan turunkan bintang atau orkid, kita akan buat apa yang kita boleh supaya mereka capai tahap yang kita hendak dalam peraturan kita.

Tentang soalan yang kedua itu, harga yang naik itu bukan di dalam bidang kuasa kementerian saya. Sekian.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mahu bagi pandangan sedikit kepada sahabat saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri ini. Yang Berhormat, kita hendak *promote* Tahun Melawat Malaysia. Saya dapat lihat di hotel-hotel lima bintang, tiga bintang atau empat bintang, tidak ada langsung pertunjukan kebudayaan, kesenian, kerja tangan dan sebagainya yang harus kita *promote*kan. Kita pergi hotel lima bintang, kita dengar muzik '*wok wi wok wi'* menjerit, di mana-mana pun ada.

Jadi kalau orang luar negara mai ke Malaysia, dia hendak tengok macam mana lembutnya tarian kita, macam mana orang buat raga, buat *handicraft*, buat *pewter, silver wear* dan sebagainya. Jadi apakah ini boleh kita lakukan kerana saya tengok, Tuan Yang di-Pertua, orang Putih dia bukan cerdik, dia tidak berapa cerdik. Kadang-kadang hak yang kita buat itu mudah tetapi dia tengok macam seolah-olah tidak ada di dunia. Ini yang kata orang Putih, dia bukan cerdik, orang Barat ini.... *[Disampuk]* Dia tidak cerdik tetapi tidak bodoh pasal kita hendak duit dia.

Jadi boleh tidak kementerian buat benda ini? Kita panggil orang-orang kampung kita yang tahu buat *handicraft*, mai duduk di sini, duduk di lobi hotel itu, buat kerja-kerja macam ini. Macam saya lihat satu, dua hotel, Yang Berhormat bagi Arau, dia buat lukisan. Muka Tuan Yang di-Pertua dia boleh lukis sebiji, Tuan Yang di-Pertua. Kalau ada tahi lalat satu pun, dia lekat satu di gambar itu. *[Disampuk]* Jerawat pun ada. Jadi boleh tidak kementerian buat yang ini?

Satu lagi saya tengok tadi Yang Berhormat kata orkid dan bintang. Pasal apa kita hendak guna orkid? Bunga kebangsaan kita, bunga raya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi tukar orkid ke bunga raya. Orkid ini, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakannya diguna di negara Singapura. Kita naik kapal terbang dia, dia bagi bunga orkid. *Stewardess* dia pakai baju orkid. Jadi kita guna bunga raya, bunga kebangsaan. Di Parlimen kita bubuh bunga raya, Tuan Yang di-Pertua. Di *carpet* ada bunga raya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bijak laksana ini? Terima kasih.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat yang telah buat dua cadangan. Pertama itu kementerian kita akan bincang dengan Kementerian KeKKWa dan juga operator hotel

supaya persembahan kebudayaan negara kita akan diadakan. Cadangan bunga raya itu kita akan bincang di kementerian. Sekian.

10. **Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]** minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah langkah-langkah dalam melibatkan semua pihak secara bersama yang dilaksanakan oleh kementerian untuk mengatasi isu buta 3M (membaca, menulis dan mengira) di kalangan murid-murid sekolah yang amat serius dan bagaimanakah keadaannya di negeri-negeri.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan ini. Kementerian Pelajaran Malaysia mengakui masalah tidak menguasai kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira berlaku di semua negeri sama ada sekolah-sekolah di bandar mahupun di luar bandar. Sehubungan itu Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan pelbagai program secara serius untuk mengatasi masalah tersebut.

Di antaranya Program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis atau dikenali sebagai KIA2M. Untuk semua murid Tahun Satu, program pemulihan untuk murid Tahun Dua hingga Tahun Enam dan yang terkini, Program Pemulihan 3M Pasca UPSR atau PROTEAM. Jabatan Pendidikan Negeri juga telah memainkan peranannya dalam melancarkan Projek Gerak Gempur 3M di negeri-negeri yang menghadapi masalah penguasaan 3M yang tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas pelaksanaan KIA2M untuk murid Tahun Satu selama tiga bulan bagi ujian pelepasan tahap pertama sehingga Julai 2006, didapati sebilangan besar murid yang mengikuti KIA2M sudah boleh membaca dan menulis. Adalah diharapkan selepas tempoh tiga bulan dalam ujian pelepasan, tahap yang kedua nanti iaitu pada bulan 10 atau 11, 2006, kesemua murid Tahun Satu boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu. Terima kasih.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri. Saya rasa soalan saya ini belum begitu terjawab. Tetapi saya merakamkan terima kasih sebab soalan saya ialah apakah langkah-langkah dalam melibatkan semua pihak secara bersama yang dilaksanakan oleh kementerian untuk mengatasi isu buta 3M. Saya sebenarnya sangat mengalu-alukan segala program dan perancangan yang telah dibuat oleh kementerian termasuklah memperkasakan profesion perguruan yang memberikan semangat yang begitu besar kepada guru-guru untuk berkhidmat dengan lebih baik. Tetapi apa yang saya kesan, kalau saya ambil di Selangor, khususnya Sabak Bernam, hampir di setiap sekolah ada pelajar yang menghadapi masalah buta huruf ini sama ada di sekolah rendah ataupun di sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua dan timbalan menteri, saya lihat pihak sekolah tidak ada masalah. Malah dalam konteks kelengkapan termasuklah APD (alat pandang dengar) dan sebagainya tidak ada masalah. Yang menjadi masalah ialah masyarakat ataupun ibu bapa. Soalan saya ialah apakah rancangan pihak kementerian ini untuk memperkasakan profesion keguruan di dalam masyarakat?

Kerana yang menjadi masalah di sini ialah ibu bapa. Sebenarnya di rumah kalau kita pergi ke rumah pelajar-pelajar yang bermasalah ini memang punca masalahnya di situ.

Jadi kalau boleh Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri saya ingin bertanya dan kalau perlulah, perlu ada rancangan supaya profesion keguruan ini di perkasakan untuk mereka masuk dalam masyarakat terutama sekali anak-anak yang ada masalah 3M ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan banyak terima kasih. Memang saya mengakui bahawa setiap anggota masyarakat mempunyai peranan yang sama untuk membantu supaya para pelajar kita tahu membaca, menulis dan mengira. Memang itu hasrat Kementerian Pelajaran tetapi kadangkala sikap masyarakat dan tindakan akan diambil kadangkala memang di luar bidang Kementerian Pelajaran.

Jadi apa yang kita buat ialah dalam Kementerian Pelajaran sendiri maka kita lancarkan beberapa program dengan adanya program yang saya sebutkan tadi dengan harapan ibu bapa akan juga terus memberi perhatian dan juga memastikan program-program yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran dapat kita jayakan. Saya memang amat setuju bahawa kalau kita boleh menyuruh bahawa masyarakat khususnya kepada PIBG dan juga ibu bapa sentiasa peka kerana ini tentang harapan murid-murid masa depan anak-anak mereka. Jadi ini lah sama-sama kita memainkan peranan supaya kita dapat mengatasi masalah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** *Alhamdulillah*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dia orang tertawa kepada saya sebab saya bangun banyak kali. Terima kasih. Saya juga tadi telah diterangkan masalah tidak boleh membaca, mengira dan menulis. Dan saya tahu rancangan ini telah pun banyak kali disarankan pada kementerian, tetapi persoalan saya ialah apakah instrumen yang telah kita wujudkan hari ini untuk menjalankan segala macam ujian untuk memastikan bahawa anak-anak di sekolah rendah dan telah pun saya bangkit dahulu iaitu daripada darjah satu hingga darjah tiga.

Dan kita dapati masalahnya ialah bagi mereka yang tidak mengikuti kelas-kelas prasekolah memang bermasalah. Itu memang kita akui, tetapi buat masa ini adakah pihak kementerian merancang untuk mewujudkan beberapa *specialist* untuk mewujudkan satu instrumen bagi mengukur kebolehan anak-anak ini di peringkat sekolah rendah dan apakah langkah-langkah selanjutnya di peringkat menengah sekiranya masalah ini masih berlaku. Sebab ini akan kita akan menambahkan lagi mereka yang tercicir daripada sistem pelajaran negara kita. Akhirnya saya hendak tahu juga apakah rancangan ini juga telah dilakukan dalam pengkhususan di maktab-maktab perguruan, mereka yang akan mengendalikan kelas-kelas khusus bagi mereka yang tidak boleh menguasai 3M tadi. Terima kasih

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat. Memang Kementerian Pelajaran mengalu-alukan cadangan cara yang terbaik untuk membantu pelajar kita . Pada pandangan saya memang K2M yang telah dijalankan memang menunjukkan kesan untuk membantu murid. Misal kata saya sebut contoh untuk memberitahu kepada ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Pada tahun ini apabila program K2M dilaksanakan, ujian yang kita jalankan pada bulan 4 tahun ini mendapati bahawa seramai sebanyak 187,830 murid darjah satu yang tidak lulus sampai tahap yang memuaskan.

Dan kini selepas mengikuti program K2M, ujian yang kita jalankan pada bulan enam dan tujuh menunjukkan bahawa bilangan ini pun telah dikurangkan sampailah hanya 69,691 orang sahaja yang masih belum menguasai 2M iaitu membaca dan menulis. Jadi langkah ini atau program ini kita yakin dan percaya boleh bantu dan masih kita akan buat penilaian pada hujung tahun dengan harapan lepas murid-murid yang masih belum menguasai 3M mengikuti kursus program K2M selama satu tahun mereka boleh membaca dan menulis sekurang-kurangnya dalam bahasa Melayu. Jadi inilah cara kita buat jadi Yang Berhormat, biarlah Kementerian Pelajaran melakukan apa yang terbaik untuk murid-murid kita dan harap semua Ahli Yang Berhormat akan terus memberi sokongan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua boleh minta soalan tambahan satu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat bagi Pendang.

11. **Dr. Mohd. Hayati Bin Othman [Pendang]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, jumlah rakyat Malaysia yang berkahwin dengan warga asing sejak 5 tahun yang lalu dan dari negara mana.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri[ Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua untuk maklumat Ahli Yang Berhormat jumlah rakyat Malaysia yang mendaftarkan perkahwinan mereka dengan warga asing sejak tahun 2001 hingga Ogos 2006, bagi lelaki warganegara Malaysia yang berkahwin dengan perempuan warganegara asing seramai 30,465 orang. Manakala perempuan warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki warganegara asing dalam tempoh yang sama ialah berjumlah 11,112 orang.

Walau bagaimanapun, maklumat perkahwinan ini hanya untuk orang bukan Islam sahaja. Bagi warganegara beragama Islam maklumat adalah di bawah bidang tugas Jabatan Agama Islam negeri masing-masing. Mengikut statistik, warganegara asing perempuan yang paling ramai adalah warganegara Indonesia diikuti oleh China, Vietnam, Thailand, Taiwan dan Filipina. Manakala warganegara asing lelaki pula terdiri daripada warganegara Britain, India, Singapura, Indonesia dan China. Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Soalan saya ringkas sahaja adakah Malaysia mempunyai dasar *domicile,* maknanya isteri mesti mengikuti suami. Ini kerana kita dapati ramai di antara rakyat asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia apabila pulang ke tanah air dia meninggalkan isteri di sini dan menjadi bebanan ataupun menganiayai isteri untuk memelihara anak-anak zuriat beliau tersebut dasar *domicile*

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, selepas mereka berkahwin di mana-mana mereka hendak tinggal tiada kaitan dengan Kementerian ini. Jadi selepas berkahwin jadi mereka hendak tinggal di mana atau isteri hendak tinggal di mana atau suami hendak tinggal di mana jadi kita tidak boleh buat apa-apa.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, statistik yang diberi menunjukkan bahawa warganegara Malaysia lelaki lebih ramai kahwin dengan warganegara asing...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua ini belum kahwin boleh tanya ke?

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jangan ada diskriminasi saya harap Yang Berhormat bagi Kinabatangan

**Seorang ahli:** Yang kahwin dua boleh tanya, yang tidak kahwin pun boleh tanya.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah ada buat tapisan sama ada perkahwinan dengan warga asing terutama daripada negara Indonesia, China ini adalah perkahwinan yang tulen. Ada ramai yang mendakwa bahawa ada di kalangan warganegara Malaysia lelaki ini hanya menjadi mengadakan perkahwinan dengan warga asing agar warga asing itu boleh tetap berada di negara dan membuat aktiviti-aktiviti yang tidak sihat. Ini amat merisaukan dan statistik menunjukkan warganegara Malaysia wanita yang kahwin dengan warga asing lelaki lebih rendah. Pada pendapat saya ini bukan menunjukkan mereka kurang minat warga asing, tetapi malangnya adalah kerana peraturan imigresen yang masih mendiskriminasikan perbezaan di mana warganegara Malaysia wanita kahwin dengan lelaki warga asing, lelaki warga asing tidak boleh menetap di sini masih ada diskriminasi ini dan bilakah ia akan dihapuskan?

**Datuk Tan Chai Ho:** Ini isu mengenai hak cinta ya, *love affair* jadi....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Tan Chai Ho:** Yang Berhormat tidak tahu? *[Ketawa]* Apa yang saya hendak kata perkahwinan di antara dua orang apabila mereka sudah jatuh cinta *fall in love* jadi kita susah untuk kita hendak pastikan sama ada mereka berkahwin secara sah *genuine* atau tidak. Walau bagaimanapun apabila mereka datang memohon pendaftaran perkahwinan kita akan cek akan siasat dokumen-dokumen sama ada sah atau tidak khususnya perempuan warga asing. Kita hendak pastikan mereka mempunyai dokumen yang sah. Jadi adalah susah untuk kita pastikan sama ada perkahwinan mereka adalah *genuine* atau tidak *genuine*. Jika kita terima aduan *complains* penguatkuasaan, akan membuat pemeriksaan atau kita akan membuat siasatan. Jadi soalan yang kata lelaki warga asing yang kurang

hendak kahwin dengan perempuan orang Malaysia jadi saya sebut ini adalah hak *love affair.* *So* susahlah untuk kita hendak buat apa-apa Yang Berhormat.

Yang Berhormat memang tadi ada Yang Berhormat kata Yang Berhormat belum tahu apa yang di mana *love affair* jadi Yang Berhormat kena cari seorang *boyfriend….* *[Disorak]* Ini cadangan saya Yang Berhormat... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekian sahajalah sesi Jawab Lisan ya.

***Masa bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat***

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG KOPERASI (PINDAAN) 2006
**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Koperasi 1993 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN) 2006
**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973: dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG PERSATUAN NELAYAN (PINDAAN) 2006
**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Persatuan Nelayan 1971: dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007**
**DAN**
**USUL**
**ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 2007**
**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan Anggaran Pembangunan 2007 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” ***[Hari Ketiga]***

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

[Tuan Pengerusi ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Maksud B.10, B.11 dan B.12 [Jadual] -**
**Maksud P.10 dan P.70 [Anggaran Pembangunan 2007] –**

**Tuan Pengerusi:** Kementerian Kewangan. Kepala Bekalan B.10 sehingga B.12 dan Kepala Pembangunan P.10 dan P.70 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya Beluran.

**11.34 pagi.**

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 010000 dan juga 020000. Saya melihat bahawa di bawah Perkara 010600 e-Perolehan RM3,257,000 telah digunakan pada tahun ini dan dirancang agar tambahan RM3 juta lagi digunakan untuk tahun hadapan. Soalannya adakah kementerian berpuas hati tahap pencapaian e-Perolehan setakat ini dari segi aplikasinya, dari segi penglibatan jabatan agensi kerajaan secara menyeluruh dan juga penglibatan orang ramai terhadap e-Perolehan ini.

[Tuan Pengerusi (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Saya ingin tahu tahap pencapaian yang dicapai dalam program e-Perolehan dan apakah kerajaan berpuas hati dengan peruntukan sebanyak ini yang telah digunakan dan peruntukan sebanyak RM3 juta lagi untuk tahun hadapan yang akan digunakan untuk program ini mencapai matlamat yang disasarkan.

Tuan Pengerusi tiga bulan yang lalu kita melihat bahawa apabila harga minyak meningkat hingga USD65 satu *barrel* sistem penerbangan Malaysia dan juga AirAsia antara agensi kerajaan yang menaikkan harga tambang dalam bentuk *fuel surcharge*. Itu tiga bulan yang lalu hinggalah *fuel surcharge* ini mencecah kepada RM51.00 pada ketika ini. Tetapi jika kita berpandukan kenaikan *fuel*

*surcharge* ini kepada tahap minyak antara harga minyak antarabangsa pada ketika itu mungkin ianya satu perkara yang tidak boleh dielakkan. Tetapi kalau kita lihat harga minyak se *barrel* pada ketika ini yang kurang daripada USD58 apakah kementerian ini tidak melihat bahawa langkah penurunan *fuel surcharge* yang dikenakan oleh AirAsia dan MAS ketika ini perlu dikurangkan mengikut penurunan harga minyak yang ada sekarang. Tentulah kalau kita lihat harga minyak dunia sekarang yang turun ini dibandingkan tiga bulan yang lalu satu langkah kementerian untuk melihat *fuel surcharge* yang dikenakan oleh sistem penerbangan kita juga diturun samakan mengikut kadar harga minyak yang ada pada ketika ini.

Saya inginkan penjelasan daripada kerajaan tentang perkara ini kerana kita lihat MAS dan AirAsia, AirAsia terutamanya........

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** .....Akan telah pun mengaut keuntungan yang besar dan MAS itu sendiri juga telah membuat projeksi keuntungan yang begitu besar juga menjelang dua tahun dan tiga tahun ini. Dan tentulah Tuan Pengerusi langkah sewajarnya dan juga arahan sewajarnya oleh kementerian harus diambil untuk menangani isu kenaikan *fuel surcharge* oleh kedua penerbangan ini. Ya sila.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Beluran. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Beluran sedar kah Yang Berhormat bahawa MAS pada hari ini harga tambang tiketnya adalah yang tertinggi di dalam rantau Asia ini. Kalau hendak dibandingkan dengan SIA, kalau hendak dibandingkan Brunei Airlines malah pada hari ini rakyat-rakyat kita kebanyakannya lebih-lebih lagi orang berniaga kalau hendak ke Eropah dia akan pergi *through Singapore*, SIA *offer* harga lebih rendah daripada MAS. Dan laporan tahunan SIA tidak pernah yang rugi dan belah-belah timur belah yang Yang Berhormat sana di Sabah Sarawak kebanyakan di antara orang kita kalau hendak melancong ke Australia dan New Zealand mereka akan pergi ke Brunei. Menggunakan Brunei *Airlines* yang menawarkan harga tiket lebih murah daripada MAS.

Jadi apa pendapat Yang Berhormat adakah kita hendak terpaksa minta kerajaan supaya kerajaan mengkaji balik harga-harga tambang yang pada hari ini lebih-lebih lagi dibebani dengan *fuel surcharge* ini. Apa pendapat Yang Berhormat Beluran?

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Itu merupakan tujuan saya membawa isu ini dalam Parlimen. Saya menyokong saranan, ucapan yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Jasin mengenai perkara ini. Tuan Pengerusi, itu merupakan hakikat yang berlaku ketika ini. Jika Ahli Parlimen telah menyuarakan begitu lantang masalah tambang yang tinggi dikenakan oleh MAS untuk penerbangan domestik dan juga untuk penerbangan antarabangsa tidak diendahkan oleh Kementerian Pengangkutan. Makanya kali ini kita membawa isu ini di bawah Kementerian Kewangan itu sendiri untuk melihat agar isu ini....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat. Tadi, Yang Berhormat sudah sebut Butiran. Saya sedang semak mana satu Butiran.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Perkhidmatan analisis ekonomi.... *[Ketawa]* Analisis, dan juga perkhidmatan kewangan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang ini kita...

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Kita minta kerana Kementerian.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya hendak minta tumpukan kepada Bajet 2007 dan di bawah...

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Saya hendak masuk ke sana Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** ...Peringkat Jawatankuasa, tumpu kepada spesifik tajuk.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Saya dalam...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab bukan..., perkara ini telah banyak dibangkitkan di mana semasa Ahli-ahli Yang Berhormat membahaskan terhadap ucapan dasar. Jadi saya fikir tidak begitu sesuailah.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Tuan Pengerusi, saya tadi berucap tadi tentang harga minyak, pasaran minyak yang berlaku sekarang dan juga *fuel. Surcharge* yang dikenakan oleh sistem penerbangan tetapi, dicelah kepada satu tajuk yang agak luas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jangan sampai MAS Malaysia sampai dunia punya....

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Saya akan masuk sana.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Saya minta Kementerian Kewangan melihat perkara ini dan juga isu-isu yang dibawa tadi kerana kalau kita lihat, Menteri Pelancongan sendiri pun menegur sistem penerbangan kita terhadap perkara-perkara ini tentulah salah satu daripadanya *fuel surcharge* yang dikenakan oleh sistem penerbangan kita.

Tuan Pengerusi, satu perkara akhir yang ingin saya bawa adalah tentang dengan pinjaman kenderaan yang diberikan oleh kerajaan kepada kakitangan kerajaan yang ada sekarang. Tentu perkara ini di bawah pengurusan pinjaman, Butiran 020200. Kalau kita lihat sekian lama *interest* yang dikenakan oleh kerajaan kepada peminjam pinjaman kenderaan ini sebanyak 4% setahun dan ini telah pun menjadi satu tahap *interest* yang begitu lama dikenakan.

Tetapi, kalau kita lihat keadaan sekarang ini, di luar sana, bank-bank komersial yang mengenakan *interest* lebih rendah daripada 4%. Kalau matlamatnya adalah untuk memberikan pinjaman yang menarik kepada kakitangan kerajaan, tentulah keadaan sekarang ini membawa kita untuk melihat sama ada bunga yang dikenakan 4% ini perlu dikaji oleh Kementerian Kewangan. Di luar sana Tuan Pengerusi, kurang daripada 4%. Ada bank mengenakan 2%, ada bank mengenakan

2.5%. Jadi, kalau melihat objektif untuk memberi kemudahan pinjaman yang lebih rendah bunganya kepada kakitangan kerajaan, tentulah dalam keadaan sekarang ini, kerajaan harus melihat sama ada ini sesuai lagi ataupun perlu dikaji untuk menurunkan bunga itu sesuai dengan komersial bunga yang dikenakan oleh komersial bank pada ketika ini. Ini saya minta agar kementerian melihat.

Begitu juga kalau kita terima soal pembinaan rumah mesra, pembinaan PPR yang silingnya ditentukan oleh Kementerian Kewangan, siling satu unit rumah itu ditentukan oleh Kementerian Kewangan. Kalau dahulu ditentukan satu unit rumah RM75 ribu untuk satu unit rumah, untuk PPR ini, tetapi dalam keadaan harga simen naik, harga besi naik, gaji pekerja naik, harga tanah naik, apakah kementerian tidak melihat keperluan untuk mengkaji siling ini? Saya ada PPR di kawasan saya, yang hingga sekarang ini, tidak dapat dilaksanakan lagi kerana soal siling yang tidak boleh menguntungkan mana-mana kontraktor untuk melaksanakan PPR di kawasan saya.

Siling yang ada sekarang sebanyak RM75 ribu berdasarkan kepada unit rumah yang bertingkat empat. Tetapi, di luar bandar Kementerian Kewangan tidak mengizinkan rumah PPR empat tingkat ini dibina dan konsepnya harus tidak melebihi satu tingkat sama ada *single storey* ataupun cuma terhad kepada *double storey.* Itu di luar bandar, tetapi masalahnya silingnya juga siling yang dikenakan di luar bandar ini adalah merupakan siling yang dikenakan di buat untuk di kawasan bandar bagi rumah-rumah yang empat tingkat. Jadi soal di luar bandar satu, soal tidak dapat membina lebih banyak jumlah unit rumah. Bererti tidak ada *economy skill* bagi mana-mana kontraktor untuk melaksanakan PPR di kawasan luar bandar.

Jadi, bererti Kementerian Kewangan tidak boleh *summarize across the board* satu siling untuk PPR bagi kawasan bandar dan juga kawasan luar bandar. Soal jumlah unit yang rendah, *economy skill,* soal konsep bangunan yang berbeza empat tingkat dengan satu tingkat, ini harus diambil kira oleh kementerian ini untuk mengkaji siling mengikut keadaan di mana projek itu harus dilaksanakan dan ini merupakan faktor-faktor yang melambatkan pelaksanaan program-program seperti PPR untuk kawasan luar bandar. Jadi, saya membuat isu ini agar kementerian melihat kehendak untuk mengkaji mengikut kesesuaian bandar dan juga luar bandar.

Kalau kita melihat sekarang ini banyak PPR yang telah, sedang dilaksanakan di luar bandar. Tetapi, bagi kawasan luar bandar ini merupakan isunya. Tuan Pengerusi tentulah tidak ada kontraktor yang ingin membuat projek yang marginnya tidak ada, yang marginnya terlalu kecil jika dibandingkan dengan margin kontraktor-kontraktor yang melaksanakan program yang sama di kawasan bandar.

Itu sahaja, isu-isu yang ingin saya bawa dan saya minta agar kementerian melihat isu ini secara lebih dekat, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Serdang.

**11.47 pagi**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak membangkitkan Butiran 04400 - Institusi-Institusi Kewangan.

Tuan Pengerusi, pada 26 Oktober tahun ini, semasa perayaan Hari Raya Aidilfitri di mana berlaku kes jenayah di mana peti simpanan keselamatan bank di Publik Bank Serdang telah dipecahkan dan disamun. Sebanyak 92 peti simpanan keselamatan di bank tersebut terlibat. Perkara ini bukan perkara baru yang berlaku sedemikian kerana beberapa tahun lalu, kes-kes semacam ini terlibat dengan peti simpanan keselamatan bank juga berlaku demikian.

Seperti pada tahun 1993, MBF Kajang, pada tahun 1995, Maybank Finance di Cheras dan juga pada tahun lalu Perwira Habib Bank di Subang Jaya juga berlaku dan dengan beberapa kes lagi semacam ini berlaku. Ini telah menjadikan satu isu keyakinan dan kepercayaan orang ramai terhadap sistem perbankan atau peti simpanan itu. Tetapi, sepanjang masa ini kita dapat perhatikan bahawa, wujudnya satu corak kes peti simpanan kawalan bank mengikuti rekod-rekod yang lepas menunjukkan bahawa kejadian kes berlaku telah berlaku semasa musim perayaan dengan cuti panjang.

Sepatutnya pihak institusi-institusi kewangan mendapat pengajaran daripada kes-kes peti simpanan keselamatan bank yang dipecahkan dan disamun, yang melibatkan harta benda pelanggan-pelanggan yang bernilai jutaan ringgit pada waktu dahulu. Tetapi kejadian atau kes yang berlaku ini tidak dapat dikawal dan terus berlaku sehingga baru-baru ini kes berlaku di Public Bank, Serdang. Pada tahun 1994, pihak Persatuan Bank Malaysia telah mengemukakan cadangan supaya satu set sistem keselamatan peti simpanan keselamatan bank dapat diwujudkan di mana dicadangkan bahawa peti simpanan itu perlu disimen.

Dengan adanya alat pengesan, fungsi *sensor* dan penggera, membunyikan *alarm*, serta dihubungi terus kepada talian sistem kawalan utama ataupun balai polis. Juga, hendaklah diingatkan bahawa kes berlaku di Cheras iaitu di bawah Maybank Finance itu, mahkamah telah memberi satu keputusan supaya sistem keselamatan asas hendaklah dilengkapkan dan didapati bahawa Maybank Finance Bhd. di Cheras itu, bahawa semua tanggungan kerugian harus dibiayai oleh pihak bank, kerana terdapat sistem keselamatan asas tidak mencukupi. Dengan demikian itu, walaupun cadangan daripada Persatuan Bank Malaysia tetapi masih terdapat bahawa kelalaian atau kecuaian kepada sesetengah institusi-institusi kewangan termasuklah bank yang terus berlaku. Peti simpanan keselamatan dipecahkan dan disamun.

Tuan Pengerusi, mengikut fahaman yang didapati pihak bank bahawa untuk menjimatkan perbelanjaan, bajet untuk keselamatan dan kawalan bank tersebut sejak beberapa tahun ini, sungguhpun sistem ini perlu diteruskan, tetapi oleh sebab menjimatkan wang maka hanya memberi pengawal menjaga bank itu semasa waktu perniagaan. Tetapi pada masa malam, tidak ada lagi pengawal keselamatan untuk menjaga bank tersebut. Ini tentu memberi satu peluang kepada penjahat untuk mengambil peluang ini dengan menjalankan kes yang berlaku sedemikian.

Maka sebab itu, inilah satu masalah. Hendaklah diberi satu pengajaran bahawa kes yang begitu banyak berlaku, maka sepatutnya pihak institusi kewangan mendapat pengajaran supaya semasa musim perayaan begitu panjang itu, hendaklah memberi secukupnya keselamatan untuk mengawal kepentingan. Bukan sahaja bank, tetapi juga pelanggan-pelanggan yang telah memberikan kepercayaan kepada bank untuk menyimpan harta benda yang begitu bernilai tinggi itu di dalam peti simpanan. Juga pada tahun 1995, pihak FOMCA pernah mencadangkan bahawa institusi kewangan yang berfikir bahawa institusi kewangan mudah mengambil kesempatan terhadap pelanggan yang bersikap acuh tak acuh, dan pihak institusi kewangan itu tidak mementingkan dan mengabaikan hak asasi pengguna mereka.

Jadi, FOMCA telah mencadangkan untuk memperkemaskan lagi sistem kewangan, kawalan peti-peti simpanan dalam bank tersebut. Tetapi pihak-pihak institusi kewangan masih mengabaikan cadangan yang sedemikian untuk menjaga kepentingan pelanggan-pelanggan yang memberi satu kepercayaan kepada mereka. Jadi, macam mana keselamatan yang boleh diberi kepada pelanggan-pelanggan untuk meletakkan barang-barang yang bernilai tinggi? Dah tentu tak selamatlah. Kalau di rumah, takut disamun. Simpan dalam bank, pun kena curi. Macam mana caranya untuk memberi satu perlindungan kepada orang ramai terhadap harta benda mereka yang bernilai tinggi itu? Ini satu persoalan yang penting. Kepercayaan rakyat kepada bank kerana bank akan memberikan dengan secukupnya keselamatan untuk menjaga harta benda mereka. Tetapi tidak terdapat lagilah dengan kes yang berlaku sedemikian itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Yang Berhormat boleh alih kepada tajuk yang lain.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** *Okay*. Sehubungan dengan itu, dengan demikian saya mendesak pihak Bank Negara supaya mengkaji semula sistem kawalan peti simpanan keselamatan bank-bank dan juga supaya menaikkan taraf sistem keselamatan dari masa ke semasa mengikut perkembangan teknologi terkini bagi mencegah risiko dipecahkan masuk. Juga saya harap dengan demikian itu, Bank Negara sebagai pemantau untuk institusi-institusi kewangan itu, maka dia adalah bertanggung jawab untuk memberi satu cadangan sistem yang baru untuk menjadi satu garis panduan kepada pihak institusi-institusi kewangan untuk mengamalkan sistem keselamatan yang lebih sempurna untuk mengelakkan berlaku perkara sedemikian itu.

Maka dengan sebab itu, saya berharap ini adalah satu perkara penting dan mendesak untuk memulihkan kepercayaan orang ramai terhadap keselamatan bank dan institusi kewangan pada ketika ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi, saya hendak bertanya pihak Kementerian Kewangan iaitu Butiran 021100, bantuan kewangan kepada Indah Water Consortium Sdn. Bhd. dengan RM200 juta yang diberi pada tahun akan datang. Saya difahamkan bahawa ekuiti Indah Water adalah di bawah Kementerian Kewangan. Tetapi, didapati bahawa lagi satu projek pembetungan negara yang di bawah

Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi itu yang banyak peruntukan juga diperuntukkan untuk sistem pembetungan. Adakah peruntukan yang diberi oleh pihak Kementerian Kewangan dengan Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi itu sama atau bercanggah? Atau apa sebabnya kedua-dua peruntukan itu disalurkan kepada sistem pembetungan termasuk IWK.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan berkaitan dengan perkara demikian dan juga Butiran 021700, pengurusan sisa pepejal oleh syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. dengan sebanyak RM21 juta diperuntukkan. Tetapi saya dapati bahawa satu lagi peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, di mana juga banyak wang disalurkan untuk perusahaan sisa pepejal. Inilah dua perkara, ada dua kementerian yang telah menyalurkan begitu banyak wang untuk menguruskan sisa pepejal itu.

Jadi saya mintalah diterangkan apa sebabnya berlaku demikian dan apa sebabnya sampai kini Alam Flora Sdn. Bhd. masih belum secara rasminya untuk diswastakan untuk menjalankan usaha itu? Yang semua ini untuk beberapa tahun lalu, kerja-kerja ataupun pengurusan yang dijalankan oleh Alam Flora Sdn. Bhd. di negeri Selangor, terdapat bahawa di sesetengah tempat tidak memuaskan. Oleh sebab, masih terdapat bahawa hutang banyak di Majlis Tempatan yang tidak dibayar kepada mereka. Itu menjadikan masalah tersebut. Dengan adanya peruntukan begitu besar, saya berharap bahawa hutang-hutang daripada Majlis Berkuasa Tempatan itu dapat diselesaikan untuk menjalankan tugasnya supaya bayaran itu terus kepada kontraktor yang menguruskan sisa-sisa pepejal di kawasan tertentu. Dijadikan masalah besar kerana tidak ada kerja-kerja dijalankan, kerana hutang tidak dibayar. Dijadikan isu ini, maka saya minta penjelasan kerajaan, apa sebab dua peruntukan daripada Kementerian Kewangan dan juga daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan disalurkan kepada Alam Flora Sdn. Bhd. untuk menjalankan tugas itu.

Tuan Pengerusi, terima kasih.

**12.00 tgh.**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada 010000 mengenai perkhidmatan kewangan. Objektif Kementerian Kewangan ialah untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan pembahagian pendapatan yang lebih seimbang selari dengan dasar-dasar kerajaan. Tuan Pengerusi, saya berasa amat hairan dengan ucaptama yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan semasa menghadiri Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan China-ASEAN pada 31 Oktober, di mana beliau mengagung-agungkan perancangan pembangunan ekonomi dan pembangunan Malaysia merupakan model keterbukaan dan ketelusan untuk dicontohi oleh China dan negara-negara ASEAN yang lain demi menarik pelabur-pelabur asing.

Ucaptama ini mungkin lebih relevan jika ianya dibuat dua bulan lebih awal daripada sidang kemuncak tersebut dan bukan selepas Bank Dunia mengumumkan Laporan Penunjuk Urus Tadbir Sedunia atau *Worldwide Governance Indicators* 2006 pada bulan September dan Persidangan

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau UNTAT menerbitkan Laporan Pelaburan Dunia 2006 pada pertengahan bulan yang lepas. Mengikut enam penunjuk yang ditinjau oleh *Worldwide Governance Indicators* 2006, Malaysia menunjukkan prestasi yang lebih teruk dalam lima aspek daripadanya iaitu....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya ingat bukan ucapan dasar.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bukan dasar, dasar perkhidmatan mengenai bagaimana kita boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Ini spesifik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya faham tapi, Yang Berhormat....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tengok Peraturan Mesyuarat, dasar perkhidmatan dan ini perkhidmatan kewangan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya bersetuju itu tapi kita dalam peringkat Jawatankuasa.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tidak, kita pegang kepada Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Butiran mana, 010000?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tengok Peraturan 66. Saya baca 66....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya faham Yang Berhormat. Tak payah bacalah Yang Berhormat, saya faham.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya baca, saya baca. Ini dasar perkhidmatan bukan mengenai RM10 atau RM20.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat kepada butiran...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, butiran mengenai perkhidmatan, bajet.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** ...Bajet yang dicadangkan untuk tahun 2007.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, bagaimana kita boleh menggalakkan dasar ekonomi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak, Yang Berhormat. Saya faham. Semalam Yang Berhormat juga berucap.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, sebab tengok...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa yang panjang.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...Kita tengok, kita baca Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak payah tengok, tak payah tengok dan selama ini Yang Berhormat juga telah diberi peluang semasa Peringkat Jawatankuasa...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, selama ini....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:**...Cara bagaimana Yang Berhormat menyampaikan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Must be specific*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dasar perkhidmatan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak payah Yang Berhormat. Saya fikir tak payah baca apa yang...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Apa guna kalau kita tidak boleh bincang mengenai bagaimana kita boleh...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh bincang. Yang Berhormat!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...Memastikan pertumbuhan ekonomi yang pesat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik Yang Berhormat....

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *This is a wrong place!*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *You are stupid* lah!

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *You are too stupid!*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat, tak payah bacalah. Teruskan ucapan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *You are stupid!*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya cepat kepada itu. Itu ekonomi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat juga memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat yang lain.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, saya beri peluang. Mengikut enam penunjuk yang ditinjau oleh *Worldwide Governance Indicators* 2006, Malaysia menunjukkan prestasi yang lebih teruk dalam lima aspek daripadanya iaitu suara dan kebertanggungjawaban, kestabilan politik dan ketiadaan keganasan, keberkesanan kerajaan, kualiti peraturan, kedaulatan undang-undang dan kawalan rasuah....

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Peraturan Mesyuarat!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...jika dibandingkan dengan sepuluh tahun yang lalu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan apa itu?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya ada memberi amaran...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Peraturan Mesyuarat 36(1). Duduk dahulu, duduk dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Boleh.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Duduk dahulu. Tuan Pengerusi, 36(1) jelas perkara-perkara yang tidak boleh dibawa dalam akta induk, dasar! Ini berucap! Minta dia berhenti Tuan Pengerusi.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Apa itu 36(1)? *You are irrelevant*!

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini tidak boleh. Melanggar peraturan!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak apalah Yang Berhormat. Yang Berhormat memang benar dicadangkan kita tumpukan kepada perkara....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, dasar perkhidmatan 66(12).

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang kita bukan bincang dasar Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dasar perkhidmatan. Bukan dasar kerajaan tapi dasar perkhidmatan.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, *you laugh* lah. *Why don't you standing up*? Ingat RM10, RM20? Berjuta-juta ringgit tak mahu bahas. Semua bodoh ini!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Boleh saya teruskan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya fikir kalau kata semua bodoh, saya tak bersetujulah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kalau macam itu Tuan Pengerusi termasuklah, Tuan Pengerusi pun bodoh.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Isu negara mereka tidak mahu bahas!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat!

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya ingat dia bodoh sendiri, dia kata orang bodoh!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Boleh naik gaji sendiri sahaja!

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Minta dia tarik balik!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tak akan Yang Berhormat seorang sahaja yang pandai?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya tak pandai tapi mereka bodoh!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, jangan kata demikian. Baiklah teruskan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia bodoh sendiri!

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Bodoh!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya ada memberi amaran di Parlimen pada hari Isnin....

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa hak kuasa *you* beri amaran?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ....Bahawa penarafan Malaysia yang lemah mengikut *Worldwide Governance Indicators* 2006 terutamanya dalam aspek kawalan rasuah membayangkan kemerosotan kedudukan Malaysia. Pada indeks persepsi rasuah, *Transparency International* 2006 dan andaian tersebut telah dibuktikan apabila TICPI sedunia...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, perkara ini juga telah dibincangkan dengan panjang lebar.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Itu bincang. *In passing*, ini kita perlu tahu bagaimana kita boleh menarik iklim pelaburan apabila...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini ucapan dasar! Balik-balik dia berucap perkara ini!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...Ada Ahli Parlimen mereka bersubahat dengan korupsi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini ucapan dasar!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ini dasar perkhidmatan!

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sudah cakap kenapa mahu cakap lagi?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Itu dasar perkhidmatan! Itu dasar perkhidmatan!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat telah berucap secara panjang lebar terhadap dasar.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, sudah berucap berjam-jam, mahu cakap isu yang sama juga!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya. Ada isu yang *overlapping.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau Yang Berhormat tak mahu bersetuju dengan cadangan saya, saya terpaksa mengehadkan masa Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ini mengenai iklim pelaburan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Minta Tuan Pengerusi ambil keputusan!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Iklim pelaburan bagaimana kita boleh memastikan bahawa kita boleh menarik FDI dan korupsi ialah satu perkara yang penting.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** *Okay* Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bukan saya mahu cakap *by in passing*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, saya benarkan. Kalau bolehlah Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan saya, 20 minit habiskan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *In passing*, *in passing*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** 20 minitlah. Saya berikan 20 minitlah untuk Yang Berhormat berucap.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini macam kacaulah dia!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Andaian tersebut telah dapat dibuktikan apabila *Transparency International* mengumumkan CPI sedunia lima jam kemudian di mana kedudukan Malaysia telah menjunam dari tangga yang ke 39 pada tahun lepas kepada tangga yang ke 44 iaitu kejatuhan sebanyak lima tangga. Laporan UNTAT juga mendedahkan beberapa angka yang tidak menggembirakan Malaysia. Antaranya termasuklah, satu, pelaburan langsung FDI di Malaysia telah jatuh dari USD4.62 bilion pada tahun 2004 ke USD3.97 bilion pada tahun lepas. Untuk kali pertama sejak tahun 1990, Indonesia berupaya untuk menjangkau kebolehan Malaysia dalam menarik FDI.

Kemasukan FDI ke dalam Indonesia telah meningkat sebanyak 177% iaitu daripada USD1.89 bilion pada tahun 2004 mencecah USD5.2 bilion pada tahun lepas. Manakala kemasukan FDI ke dalam Malaysia merosot sebanyak 14.3%. Dan secara keseluruhan, FDI yang memasuki Asia

Selatan, Asia Timur dan Asia Tenggara telah mencecah RM165 bilion pada tahun lepas iaitu kenaikan 19% daripada tahun 2004 manakala China dapat USD72 bilion, Hong Kong USD36 bilion dan Singapura USD20 bilion yang merupakan negara penerima FDI yang terbesar pada tahun 2005. Dan kedudukan Malaysia pada tangga ketujuh yang juga merupakan sepuluh negara menerima FDI yang terbesar di antara negara-negara Asia Selatan. Asia Timur dan Asia Tenggara sedang menghadapi cabaran yang serius negara Thai, FDI ke dalam negara Thai meningkat daripada USD1.95 bilion pada tahun 2003 kepada USD3.69 bilion pada tahun lepas jika berbanding dengan Malaysia untuk meningkat daripada USD2.47 bilion kepada USD3.97 bilion dalam tempoh yang sama.

Dengan urus tadbir dan kemasukan FDI yang lemah, ucaptama Yang Amat Berhormat untuk Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan China-ASEAN harus ditulis semula. Walaupun terdapat beberapa fakta yang relevan sebelum terbitnya laporan UNTAT. Dalam tempoh tiga tahun yang lepas, China telah menarik FDI sebanyak USD168.53 bilion selama tiga tahun dari 2003 ke 2005.

Jika dibandingkan dengan Malaysia yang juga menarik FDI sebanyak USD11.06 bilion iaitu kalau kita bayangkan bagaimana sebuah negara yang hanya dapat menarik 5.93% daripada jumlah FDI sebanyak USD186.53 bilion yang memasuki China dalam tempoh tiga tahun yang lepas berani untuk menawarkan dirinya sebagai model perancangan ekonomi dan perindustrian yang tulus supaya dicontohi oleh negara China untuk menarik FDI.

Jelas Yang Amat Berhormat memerlukan penasihat dan penulis ucapan yang tangkas terhadap perkembangan tempatan dan antarabangsa supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tidak akan di cemuh di peringkat serantau mahupun antarabangsa.

Jikalau Malaysia ingin menjadikan diri sebagai model perancangan ekonomi dan perindustrian yang telus supaya contohnya oleh negeri China dan negara-negara ASEAN yang lain. Maka Malaysia harus memenuhi dua syarat iaitu menjadi magnet perdana untuk menarik FDI serantau dan bukannya untuk ketinggalan di belakang sehingga tewas kepada Indonesia dan mengambil kira bahawa daya saing negeri Thailand, Vietnam, pada peringkat antarabangsa adalah semakin meningkat serta mendatangkan kesan terhadap Malaysia.

Dua, mencetuskan revolusi untuk urus setia....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dasarlah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dasar perkhidmatan bagaimana kita..

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Biar dia ucaplah, biar dia ucap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Puchong, Puchong

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** 15 minit tinggal 5 minit, tinggal 5 minit, 5 minit lagi, 5 minit *.... [Dewan Riuh]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Saya baca kita bincang. *So,* 12 berkata berkenaan dengan masalah itu wang sejumlah, jadi sebahagian daripada jadual. Pampasan hendaklah dihadkan

kepada dasar perkhidmatan yang hendak diperuntukkan. Ini bermakna... *[Disampuk]* Yang Berhormat boleh menyoal mengapa jumlah wang yang diperuntukkan .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukup.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Ini dasar! Saya berharap...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, saya fikir Yang Berhormat perlu bersetuju. Selama ini memang apabila kita memasuki Peringkat Jawatankuasa, Yang Berhormat akan dihadkan masa 10 minit dan sebagainya untuk berucap. Dan kali ini memang kita memberi peluang lebih sikit, jadi Yang Berhormat juga kena ikut Peraturan Mesyuarat dan fikirkan peluang juga diberikan kepada Ahli-ahli Berhormat yang lain.

Saya ingin memberi contoh pada tahun 2004 semasa Bajet 2005, di Peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Kewangan, Yang Berhormat hanya berucap sepanjang empat minit. Dan bagi tahun lepas semasa kita membahaskan Rancangan Bajet 2006, di Peringkat Jawatankuasa Kementerian Kewangan, Yang Berhormat mula berucap pada jam 11.10 pagi sehingga 11.24, jadi sepanjang 14 minit. Jadi saya mintak jasa baik Yang Berhormat kerana Ahli-ahli Yang Berhormat lain juga ramai tunggu giliran mereka untuk berucap Yang Berhormat. Jadi sambung, teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Habis, Tuan Pengerusi bagi 20 minit, saya kira sudah 17 minit, tinggal tiga minit. Jangan berucap....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tak pe, tak pe, dengar.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jangan berucap!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mahu bodek, bodek sahajalah!

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat teruskanlah.

**Seorang Ahli:** Berapa minit lagi, berapa minit lagi?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kerajaan kita belum bersedia untuk mencetuskan revolusi urus tadbir yang baik, ketulusan serta integriti dan bukti kegagalan agenda perubahan dalam tempoh tiga tahun yang lepas lebih-lebih lagi atas bukti kegagalan Perdana Menteri untuk menunaikan janji awam supaya mengemukakan metodologi dan data Unit Perancangan Ekonomi EPU yang berkenaan dengan perkiraan ekuiti korporat.

Tuan Pengerusi, isu rasuah ada bersangkut paut....

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Pengerusi lah, mana ada Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Semua takut rasuahlah. Bila *transparency international index* jatuh, sudah semua diam. Ahli-ahli Parlimen diam. Mereka sebenarnya jenayah - *political criminals,* oleh sebab tiada seorang yang mahu timbulkan hal ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sekarang sepatutnya Tuan Pengerusi lah mana ada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat mereka mendengar ucapan macam mana boleh kacau semasa Yang Berhormat berucap mereka dengar....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dari mula mereka memang kacau.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau tidak dengar macam mana...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dari mula mereka memang kacau dan kalau mereka ada birokrasi, saya pun tidak akan buat begitu. Dan apa yang mustahak di sini, ialah apa yang kita dengar semalam mengenai kejatuhan TICPI daripada dari pada 39 ke 44. Tak ada kena mengena. Oleh kerana *corrupt*...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tak payah ulang lagi la..

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bukan ulang, itu aspek yang baru...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, semalam sudah cakap, tidak apalah...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Itu gangguan yang banyak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** *Okay* lah Yang Berhormat, jangan ganggu Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Saya akan minta beliau berhenti dalam masa 20 minit. Sekarang ada 15 minit.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tinggal lima minit

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukuplah Yang Berhormat.... *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kita patut rela berbincang kenapa kejatuhan *Transparency International Corruption Perception Index* oleh kerana ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, tak payah ulang. Boleh buat cadangan sekarang.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya tak ulang. Apa yang telah ditunjukkan semalam, yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri ialah bahawa *close one eye*, tutup sebelah mata seperti macam Yang Berhormat bagi Jasin, *close one eye*. Kata bahawa ini lah sekarang kita berhentikan trend itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah jemput beliau bangun. Tak payah la Jasin,tak payah...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Just close one eye*. Yang kedua bahawa salahkan Tun Dr Mahathir. Ini ialah rejim Tun Dr. Mahathir, ini adalah sindrom. Itulah *variation* yang baru mengenai jenayah sindrom.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat..

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah ini berkaitan dengan..., masa sekarang, di peringkat sekarang..

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kenapa Perdana Menteri ucapan dalam OIC apa dia kata, bahawa sebab...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sekarang Jawatankuasa lah...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tak boleh tarik FDI oleh kerana korupsi

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** FDI *investment,* itu ada sangkut paut..

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ini lah, kenapa kita lari dari kenyataan. Saya mahu tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju kah bahawa adalah bersangkut paut korupsi, *governance* atau bersangkut paut dengan *investment*...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Peraturan Mesyuarat!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah bangun.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor minta saya bangkit, untuk memberi ulasan. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, beri laluan.

Saya rasa satu ujian sama ada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ini menepati masa pada peringkat ini atau tidak ialah untuk melihat apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ini, bagi saya boleh dikatakan pada mana-mana sahaja kementerian. Bermakna dia tidak relevan di sini sahaja. Apa yang dikatakan ini boleh diucap semasa penggulungan Jabatan Perdana Menteri, semasa MITI, semasa macam-macam. Bermakna dia tidak relevan dengan apa yang di katakan di sini.

Kalau dia relevan bermakna di sini sahaja sesuai tetapi tidak sesuai jika diperkatakan semasa Jabatan Perdana Menteri, semasa MITI dan kementerian-kementerian yang lain. Jadi kalau kita lihat ini, ujian ini Yang Berhormat sudah gagal untuk menepati bahawa ia relevan dengan apa yang ada pada hari ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya pun bersetuju dengan Timbalan Menteri, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Menyampuk*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak ada orang yang tak bersetuju, hanya tempat, masa sekarang..

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ialah. Ini yang tepat

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ini janganlah kita melakukan jenayah...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, kalau saya benarkan, nanti besok atau di kementerian yang lain, sama. Yang Berhormat boleh ulang...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tak boleh! Sudahlah, ini Ketua Pembangkang tak pandai tugas lah...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Takut kah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, bagi saya tak takut, saya hanya menjalankan tugas. Tolonglah mengikut...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Peraturan Mesyuarat!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya tak takut, tak takut Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Lim Si Cheng [Tuan Pengerusi]:** Tolonglah Yang Berhormat, balik kepada cadangan, kalau ada lah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sebab itu saya harap bahawa..

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Peraturan Mesyuarat! Peraturan Mesyuarat mesti kena ikut!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kira batal. Masa dia pun sudah habis.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ini orang sudah gila kah?

**Datuk Lim Si Cheng [Tuan Pengerusi]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, *mic, mic* pasang...

**Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya harap bahawa khasnya kerajaan, Kementerian Kewangan ada tanggungjawab untuk memastikan ada suasana iklim di mana kita boleh menarik FDI termasuk *good governance*. ini adalah tanggungjawab, tak boleh kata ini bukan tanggungjawab kita. Ini tanggungjawab Kementerian Kewangan bukan satu kementerian, tak boleh *compartmentalize*. Dan sebab itu jangan adalah *close one eyes complex,* janganlah *blame* Mahathir *complex*. Rela memikul tanggungjawab.

Keadaan lebih teruk ini memikul tanggungjawab mengenai keadaan sekarang, mengenai *Tranparency International Corruption Perception Index,* mengenai apa yang berlaku di masa lampau pun. Kalau perlu bukalah semua skandal yang lama supaya *injustices* yang ada berlaku boleh dibetulkan sama ada mengenai krisis kehakiman 1997, oleh kerana *judicial* 1988 - oleh kerana *judicial independence* satu faktor yang penting mengenai *creating good condition for investment.*

Di sini saya mahu menyebut satu perkara sahaja yang secara langsung atau *directly*, tanggungjawab Kementerian Kewangan ialah mengenai skandal Bank Negara - FOREX, kenapa tidak

dibukakan supaya perkara ini adalah satu bab yang baru. Dalam bulan Julai, dalam perbahasan Central Bank rang undang-undang itu, saya ada bangkitkan perkara ini dan semasa itu Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan kata bahawa RM5.7 bilion adalah kerugian yang dihadapi dan ini sebenarnya tidak betul. Ini tidak bertanggungjawab oleh kerana bukankah benar bahawa dalam satu audit Bank Negara mengenai *FOREX scandal* ini adalah seperti berikut:

(i) *on the 1992 Bank Negara report of the revaluation loss of RM12.35 billion for the financial year ended December 31st 1992, about RM8.5 billion was attributed to loss or occurred in foreign exchange transaction. This loss has been embedded in the revaluation loss of RM8.58 billion for the bank not most through account balance;*

(ii) *the bank had understated its total nett contingent liabilities in the annual report for the financial year ended December 1992, the actual nett contingent liabilities of the bank was RM14.7 billion instead of the RM2.7 billion as stated in the notes of the bank account; and*

(iii) *the bank was involved in voluminous foreign exchange transaction, the average buy and sell transaction maturing per month was RM149.7 billion and RM153.4 billion respectively in 1992, as a substantial portion of these foreign exchange transaction to a speculative in nature and not related to the management of the countries reserve as stated in section 4 of the Central Bank of Malaysia Ordinance the bank could have been deem to a breach section 3(a) of the ordinance which stipulated that the bank may not engaged in trade or otherwise who has a direct interest in any commercial, agricultural, industrial or any other 'the gain', except with the approval of the minister.*

Bukankah ini satu ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh gulunglah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tadi diganggu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Gulunglah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bukankah ini menunjukkan *there was a big scam, a big* penipuan dan perlu *the right, the ray of investigation* perlu dibenarkan untuk siasat apa yang berlaku dan Bank Negara *Forex scandal*, kalau tidak bagaimana boleh salahkan Tun Dr. Mahathir masa itu.

Satu perkara yang terakhir ialah pada bulan lalu dalam surat khabar kita ada baca mengenai "*Senator in Clone AP's Scam*". Inilah satu perkara in a *close to the heart of* Yang Berhormat bagi Jasin. Dalam bulan Februari ada 20 AP yang palsu. Kastam, *Finance,* ya! 20 AP yang palsu ada didapati oleh pihak Kastam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini boleh dibenarkan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sikit-sikit bolehlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi yang sebenar tidak boleh dibenarkan tetapi Yang Berhormat*....[Disampuk]* Bagi jugalah*. [Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** 20 AP *Scam* didapati dan apa yang dalam disiasat didapati bahawa ada 1,000 AP palsu. Satu AP palsu dan satu AP tidak palsu berharga RM30 hingga RM40 ribu. Kalau berharga RM40 ribu ini bererti RM40 juta. Siapa yang terlibat? Seorang senator UMNO, DMG - Datuk Muhammad Ghani. Dia sendiri mengakui. Ini saya sebut dan dia salah anak dia. Dia kata apa? *"His son is not clever at doing it. To be a fraudster you need skills."* Mahu *skill*, mungkin *skill s*emacam Yang Berhormat bagi Jasinlah, ya? *"Fraudster should always be a notch above their victims. If one were smart, one wouldn't clone all the APs in a week*. *There should at least be a three month interval"... [Disampuk] "I could have given him some tips,"*

Apa yang sudah berlaku? Masa itu kata semua akan didakwa dalam mahkamah. Apa sudah berlaku? Selepas itu semua diam sahaja dan Senator Datuk Muhammad Ghani kata dia enam tahun jadi senator dia tidak ambil - terlibat dalam urusan niaga. Ini semua bukan benar. Saya ada dokumen-dokumen di sini*... [Menunjukkan beberapa dokumen]* Syarikat-syarikat tersebut - Perisai Wira Sdn. Bhd., mengenai DMG Holding Sdn. Bhd., mengenai GAPEMAL Holding Bhd. Dalam tahun 2006 DMG sendiri, Senator Datuk Muhammad Ghani ada dokumen menunjukkan dia masih ambil bahagian dalam pentadbiran dan perolehan syarikat-syarikat tersebut.

Inilah yang kena ambil tengok. Adakah pemimpin-pemimpin UMNO ada menikmati kekebalan, di mana selepas isu ini menjadi begitu besar dalam surat khabar semuanya senyap. Semacam kes Yang Berhormat bagi Jasin, orang ramai tanya, *"What has happened to a case one eye, Jassin*?" Diam-diam. *One eye,* Jasin diam-diam.

**Seorang ahli:** Tidak ada kes!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Clone* AP DMG pun diam-diam. Semua diam-diam. Zakaria pun diam-diam. Nampaknya begitulah. Kalau begitu bagaimana kita boleh dapat iklim pelaburan yang baik dan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat. Cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Cukup. Akhirnya saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab apa yang dia tidak boleh jawab semalam khasnya mengenai *corporate equity,* kenapa jatuh sektor itu dalam kewangan, dalam utiliti, dalam pengangkutan, bumiputera dan orang Cina ...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Oleh kerana saya sangat terperanjat Yang Berhormat Timbalan Menteri belum baca *Dr. M. Fazilah report, ASLI report*...inilah contoh yang tidak baik dan apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam mengenai ekuiti pun bukan seratus peratus. Sepuluh soalan - contoh yang saya beri kenapa tidak ada jawapan, mahu jawapan bertulis? Kenapa menteri tidak ada di sini oleh kerana RM50 juta di bawah *settlement* tidak boleh menghadapi

Dewan Rakyat di sini. Oleh kerana RM50 juta menunjuk bahawa ia bukan sahaja bumiputera tetapi NEP bumiputera.

Berapa orang selepas 36 tahun NEP? Akhirnya berapa orang Melayu ada kebolehan? Satu peratus sahaja RM50 juta untuk di bawah *settlement.* Satu peratus pun tidak ada? Ini menunjukkan ketidakadilan Dasar Ekonomi Baru. Sekian. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak kawal, Yang Berhormat memang .... Yang Berhormat bagi Kinabatangan lima minit, ya?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak lama.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Lima minit.

**12.28 tgh.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya kecewa mendengar ucapan perbahasan Ketua Pembangkang, tidak *knowledgeable* langsung, penuh dengan emosi dan prasangka. Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada soal pokok iaitu Butiran 04400 Institusi Kewangan.

Saya tidak mahu bercakap pasal ini. Tetapi sudah enam tahun saya bercakap soal ini, perwujudan bank di Kinabatangan dan Menteri Kewangan Kedua sudah memberi jaminan akan melihat perkembangan ini. Saya tunggu sampai dua tahun tidak ada juga. Kalau tidak boleh, cakap tidak boleh dan bagi saya tahu kenapa tidak boleh. Kalau boleh, bila? Jangan main politik dalam Dewan Rakyat ini seperti pembangkang. Ini Ketua Pembangkang main politik. Dia *wrong place, wrong time*. Apa punya Ketua Pembangkang tidak ada *standard*? Dia cakap ikut suka hati dia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini pun keluar daripada tajuk.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini sambutan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu pun keluar daripada tajuk.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini *side line*. Jadi saya mahu minta Kementerian Kewangan tolonglah! Kalau tidak bagi saya kebenaran untuk buka bank di sana.... *[Dewan riuh]* *[Ketawa]* Saya berpakat dengan kawan-kawan dari Beluran dan Batu Sapi, kita buka bank sendiri. Kalau tidak saya mungkin panggil "*Ahlong*" datang buka. Itu sahaja jalan dia sebab tidak ada penyelesaian.

Jadi kementerian ini harus lebih serius. Kenapa kita menunggu? Kata kita menuju Wawasan 2020, orang kampung terpinggir. Timbalan Menteri kena bawalah perkara ini dengan Bank Negara. Jangan-main-main. Ini serius.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *[Bangun] [Berjalan keluar Dewan]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ha, tengok Pembangkang keluar. Ucapan bagus, dia keluar.

Yang kedua, saya juga mahu kementerian ini melihat iaitu dulu di bandar Sandakan ada dua lot Bank Simpanan Nasional. Sekarang ini satu ditutup, satu dibuka di bandar. *Masya*-Allah, kalau hendak ambil duit berbaris sampai jalan raya. Kakitangan tidak cukup, dia punya tempat pun sempit, kecil. Ini saya tengok bukan lagi satu perkembangan yang baik, perlu dilihat secara relevan dan saksama. Jangan jadi Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Timbalan Menteri, mesti kita relevan. Sana tadi Timbalan Menteri pun cakap tidak relevan, jadi jangan cakap kita tidak relevan lagi mesti mahu dilihat perkara-perkara sebegini.

Yang kedua, ini sudah dua mini.... *[Ketawa]* iaitu Butiran 05000 – Tabung Bantuan Bencana Negara. Tahun lalu di Kinabatangan dilanda banjir sehingga terputus hubungan dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah datang ke Kinabatangan mengumumkan peruntukan membaik pulih jambatan dan jalan raya sebanyak RM20 juta. Sudah setahun setengah belum juga sampai-sampai. Ini saya mahu lihat sebab saya tanya pegawainya, dia kata, *"Yang Berhormat, kalau wang peruntukan Tabung Bencana ini tidak banyak masalah, ia sampai sahaja terus diberi".* Tetapi sekarang pun sudah tunggu-tunggu, orang sudah tanya-tanya.

Yang sedihnya terdapat empat syarikat dilantik membekal makanan, sudah setahun setengah belum dibayar-bayar. Syarikat ini meminjam daripada MARA, MARA sudah saman pula dia.... *[Ketawa]* Jadi, ini perlulah diambil perhatian supaya dapat dibayarlah kepada pembekal-pembekal ini, sebab sudah setahun lebih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh gulunglah

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Penggulungnya iaitu 06000 – Kastam. Saya mahu tanya, Pengarah Kastam Bahagian Penguatkuasaan ini, dia siasat sesuatu kes belum habis siasat dia sudah panggil surat khabar. Dia mahu jadi bintang filem kah? Ketua Polis Negara sendiri apabila ada siasatan, semalam dia kata, *"Saya belum boleh buat apa-apa kenyataan sebab mungkin menjejaskan siasatan saya".*

Dia sudah tuduh orang salah, dia buat PC ramai-ramai. Orang ini saya tengok sudah gila, sudah melampau. Mahu jadi pengarah filem. Saya cadangkan dia berhenti daripada Kastam, jadi *film producer*. Lebih baik mengeluarkan filem. Kementerian Kewangan harus lihat perkembangan ini, jangan benarkan di masa akan datang. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bintulu.

**12.33 tgh.**

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jangan panjang, ya.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini semua terlibat. Ini paling mustahak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, lima minit.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Jangan lima minit, lima minit tidak boleh.... *[Disampuk]* Pembangkang 20 minit tadi, kita janji.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apalah. Yang Berhormat memang pandailah

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Pengerusi, masalah yang saya mahu sentuh di sini B.10, Butiran 030000 – Perkhidmatan Sistem dan Kawalan. Sekarang saya mahu sentuh isu perkhidmatan bank-bank dan caj-cajnya. Sudah banyak kali kita soal dalam Dewan yang mulia ini. Akhir sekali, baru sebulan yang lepas, sudah dijawab oleh Menteri Kewangan II. Memang ada beberapa caj dihapuskan tetapi sekarang lagi kuat caj.... *[Disampuk]*

Sekarang saya mahu tanya Timbalan Menteri ini, siapa ambil alih sekarang, Kementerian Kewangan, Bank Negara ataupun bank-bank sendiri? Kalau kita, Dewan yang mulia ini, sudah buat keputusan, kenapa bank-bank itu tidak mahu ikut? Mana itu Bank Gabenor? Dia sudah mati kah? Sekarang rakyat sudah marah dengan saya, mereka cakap, *"Kamu ini soal dalam Parlimen untuk seronok sahaja. Semua Kerajaan Barisan Nasional tipu sama rakyat. Lagi-lagi kuat caj?"*

Saya bagi satu contoh.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, orang lain marah Yang Berhormat sukakah?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ha?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Orang marah awak, Yang Berhormat suka kah?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itulah, saya sudah kena marah, sekarang saya marahlah di sini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jangan ini macam.... *[Ketawa]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Apa boleh buat, sama-samalah.... *[Ketawa]* Sekarang contoh, sebelum bank buat *merged,* kalau kita masuk *cheque,* terus *clearance, immediate clearance* tetapi sekarang masuk *cheque*, mahu dua hari, baru boleh *clearance*. Tetapi dia kata kalau mahu *immediate clearance* boleh, RM10 kena caj.

**Beberapa Ahli:** Lagi kuat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Contoh satu lagi, kalau itu..........

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini mana satu butiran?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Perkhidmatan, ini kira caj... *[Disampuk]* Ini sudah usiklah.... *[Ketawa]* Mungkin suara saya kuat sikit, Tuan Pengerusi terkejut sedikit, tidak dengar.... *[Ketawa]* Sekarang *below* RM5,000 kena caj lagi RM5. Ini daripada RHB. Maybank lagi. Kalau kata kita hendak buka *current account* di KLCC, contoh *branch*. Kita mahu buat *appointment* lagi. Sampai *branch*, kita mahu *key-in* kertas sendiri lagi. Tetapi selalu orang sampai sistem *offline*. Satu contoh lagi, kalau pergi ATM, kalau kita buat transaksi lebih dari empat kali sebulan, kena caj 50 sen. Saya mahu tanya Kementerian Kewangan, bank-bank ini mahu tolong rakyat atau mahu kasi mati sama rakyat.

Dia hendak minta sekali keluarkan dari ATM berpuluh ribu keluar, simpan dalam poket, tunggu orang datang rompak kah atau dia betul-betul mahu tolong jaga orang punya wang. Nampaknya apa

keputusan yang kita buat, Gabenor Bank Negara tidak dengar, telinganya sudah tersumbat.... *[Ketawa]* Gabenor Bank Negara ini dikatakan paling *best in the world* tetapi saya nampak gabenor ini bodoh, bukan gabenor betul. Kalau masalah sikit ini pun tidak boleh selesai, menjaga keselamatan wang rakyat dan .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Bagi lagi lima minit*... [Ketawa]* Kalau pembangkang boleh 20 minit, saya tambah 5 minit sahaja. Kalau kacau nanti putus, idea sudah hilang.... *[Ketawa]* Saya minta kalau gabenor ini sedikit masalah pun tidak boleh selesai, saya pun tidak faham, kepentingan rakyat, kepentingan negara pun tidak boleh selesai, tidak boleh jaga macam mana hendak jadi *the world class Bank Governor*.

Paling teruk, saya selalu dengar Kementerian Kewangan panggil dia *meeting*, dia tidak mahu datang, dia hantar timbalan. Mana dia pergi? Kalau dia tidak boleh jalankan tugas, kenapa kita mahu *renew* dia punya gabenor lima tahun lagi? Kita tarik balik.

**Seorang Ahli:** Betul, betul.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kalau semua buat macam itu, mana ada pegawai-pegawai mahu hendak dengar. Kalau buat macam itu, kita bahas setengah mati, rakyat marah sama kita, keputusan buat pun tidak ada orang mahu ikut. Apa guna ada Dewan bersidang? Bagus kita tidak ada Dewan bersidang.

Saya minta Kementerian Kewangan ambil serius perkara ini. Hari itu sepatutnya semasa Menteri Kewangan II berjanji, sementara kita buat dulu ini, nanti kita akan kaji balik yang lain-lain. Tetapi dikaji pun tidak jalan, apa lagi mahu dikaji yang lain.... *[Disampuk]* Ini dikira janji bohong. Janji bohong. Dia orang bukan cakap bank itu janji bohong, ini Kerajaan Barisan Nasional janji bohong Lagi teruk punya, *char kuey teow* punya, saya mahu terus sebut di sini. *Char kuey teow* punya orang, saya punya kawasan dia marah. Dia masuk itu......

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa itu, Yang Berhormat?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ha?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** *Char kuey teow*, goreng kuey teow punya la*... [Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bercakap dalam bahasa Cina]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini bahasa tidak apalah, kampung sikit bagus.... *[Ketawa]* Ini kalau dia masuk macam Maybank, kalau *you* masuk *coin* seribu biji, kena caj RM10, *char kuey teow* punya kata, saya goreng kuey teow sama saya punya biji telur pun sudah masak. Senang untung RM10 kah?... *[Ketawa]* Saya mahu tanya Timbalan Menteri Kewangan ini, *you* ajar sama saya, macam mana saya mahu jawab.... *[Ketawa] [Disampuk]* Dia kata telor memang sudah masak. Masuk bank RM10 habis. Kalau kurang daripada RM1,000 kena caj RM5. Semua kena caj.

Saya haraplah sekali lagi saya minta semua perkara-perkara ini tetapi ini panjang saya tidak payah bahas nanti saya beri salinan ini kepada Timbalan Menteri Kewangan, saya haraplah perkara ini saya sentuh betul-betul kita mesti mahu ambil serius. Saya harap nanti petang, Timbalan Menteri boleh jawab, bagus-bagus dan betul-betul punya kalau tidak ada, lain kali kita goreng dengan Timbalan Menteri.. tengoklah! *[Ketawa]* Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kuala Terengganu, Yang Berhormat, sila dan ringkaskanlah Yang Berhormat ya sebab ramai tadi hendak berucap.

**12.40 tgh.**

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Ya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh 03000 iaitu Perkhidmatan Sistem dan Kawalan khususnya 030300 iaitu Kawalan dan Pemantauan yang objektifnya ialah mengawal, menyelaras, memantau dan mengambil tindakan susulan ke atas Laporan Ketua Audit Negara dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara, penyelarasan dan pemantauan pengurusan kewangan Badan-badan Berkanun Persekutuan dan juga pengurusan Aset Kerajaan. Di sini saya ingin tarik perhatian Laporan Ketua Audit Negara 2005 iaitu berhubung dengan wang dana khas Kerajaan Pusat yang dikatakan disalahgunakan. Yang saya hendak tanya di sini ialah sejauh manakah tindakan susulan dibuat untuk memastikan wang dana khas Kerajaan Pusat itu tidak diselewengkan dari segi fungsi-fungsinya kepada kumpulan sasar yang harus diberi keutamaan.

Yang keduanya ialah tentang *procurement* komputer oleh jabatan-jabatan kerajaan yang dilihat, dilaporkan berlaku pembaziran kerana yang dibeli adalah komputer-komputernya sedangkan cara yang lebih memanfaatkan ialah melalui cara lesing ataupun dengan cara kaedah yang lain yang membolehkan komputer ini digunakan dengan sepenuhnya. Selain daripada itu juga tumpuan sekarang telah diberi ke arah pengkomputeran sistem.

Maka dalam konteks ini juga diberi satu cadangan supaya penjimatan ke arah penggunaan dan pembelian komputer itu harus dibuat dengan cara yang cermat. Saya juga ingin mencadangkan penemuan-penemuan yang telah dikemukakan oleh Laporan Ketua Audit Negara jadikan asas kepada tindakan BPR supaya tindakan susulan dapat dilakukan bukan sekadar laporan itu dilihat sebagai laporan ritual tahunan sahaja.

Perkara seterusnya yang hendak saya sebut di sini ialah tentang masalah dan sindrom menggunakan kad kredit yang melampau dan meluas sekarang ini. Dalam laporan kewangan, Laporan Ekonomi Tahun 2006/2007, ini menunjukkan berlaku peningkatan 22.7% kepada kad kredit dalam tempoh 5 tahun terakhir ini. Ini menunjukkan kepada kita bahawa peningkatannya amat serius sekali dan di pasaran dalam edaran pasaran sekarang ini terdapat kira-kira 8.4 juta kad kredit pada akhir bulan Jun 2006.

Apa yang hendak saya timbulkan di sini adalah tentang pinjaman tidak berbayar daripada kad kredit ini. Saya mahu bertanya kepada pihak kementerian berapa peratus NPL kah daripada kad kredit yang terlalu berlambak-lambak di pasaran kita sekarang ini? Dan apakah tindakan-tindakan yang

harus dilakukan oleh pihak kementerian untuk mengawal limpahan kad kredit di pasaran sekarang ini? Yang boleh membawa kesan yang buruk kepada ekonomi negara khususnya dalam konteks NPL ataupun pinjaman tidak berbayar.

Dalam konteks pinjaman tidak berbayar juga saya ingin tarik perhatian tentang peranan LHDN. Dalam konteks ini saya ingin menyentuh 08000 iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri yang mempunyai fungsi untuk membuat pungutan, penaksiran cukai dan juga pengurusan dan perkhidmatan sokongan penyiasatan dan penguatkuasaan. Di sini saya ingin menyebut bahawa banyak hasil-hasil negara tidak dapat dipungut kerana beberapa masalah dari segi teknikal dan juga birokrasinya.

Saya juga ingin menyebut di sini ialah pinjaman yang dibuat oleh pelajar-pelajar kita iaitu menerusi badan yayasan negeri ataupun melalui Jabatan Perkhidmatan Awam, MARA mahupun PTPTN didapati sukar untuk dipungut semula pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh pelajar-pelajar itu. Saya ingin mencadangkan di sini supaya LHDN memperluaskan skop fungsinya agar ia memainkan peranan untuk mengutip terus yakni pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh pelajar-pelajar itu. Ini adalah dalam usaha kita untuk memastikan tidak berlaku dan bertambahnya NPL. Ini adalah kerana mengambil contoh daripada negara-negara yang maju kebanyakan daripada pinjaman-pinjaman yang diberi kepada pelajar peringkat pengajian tinggi terutamanya di negara seperti Australia, New Zealand, Sweden, Afrika Selatan, Thailand, Scotland dan United Kingdom. Bayaran balik itu dibuat secara langsung dan secara automatik oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri atau Jabatan Cukai.

Ini adalah untuk memastikan bahawa setiap pelajar-pelajar yang meminjam itu akan dikutip secara automatik melalui potongan *at-source* atau potongan pada punca pendapatan itu dan ini akan membawa kepada *sustainability* pinjaman terutamanya PTPTN sekali telah pun mengeluarkan hampir RM15 bilion untuk diberi pinjam kepada kira-kira 900,000 orang dan jumlah peminjam ini akan terus bertambah. Seandainya ada satu sistem yang mantap sekiranya LHDN boleh memperluaskan fungsi pungutan kepada pinjaman ini maka banyak masalah-masalah dari segi kutipan seperti mana yang tersebar dalam media terutamanya daripada MARA, pinjaman daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, yayasan-yayasan negeri dan juga PTPTN ini dapat diatasi.

Saya ingin juga mencadangkan supaya setiap seorang pelajar yang pinjam daripada agensi yang saya sebut itu, memiliki nombor cukai pendapatan atau *tax file number* nya sebaik sahaja mereka masuk ke pusat pengajian tinggi untuk mereka pinjam daripada dana-dana yang telah disebut itu dan sebaik sahaja mereka lulus daripada pusat pengajian itu, dapat dipantau, dapat dikesan dengan begitu mudah sekali dan secara automatik pula dapat dibuat pungutannya secara langsung dan ini akan memberi kutipan dan juga pungutan yang lebih berkesan.

Setakat ini sebagai contoh PTPTN menurut laporan yang dibuat di Dewan yang mulia ini dapat mengutip kira-kira 39.5% daripada jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan dan saya berpendapat di sini sekiranya LHDN dapat memperluaskan skop fungsinya untuk terus memungut daripada pelajar-

pelajar ini dengan secara automatik maka masalah NPL ataupun hutang tertunggak itu dapat diatasi. Sekian mohon penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jerai.

**12.47 tgh.**

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya berbahas dua perkara iaitu tentang Butiran B.10…

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Pendekkanlah Yang Berhormat, Yang Berhormat 5 minitlah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Hanya 5 minit ya, terima kasih, baiklah Tuan Pengerusi.... *[Ketawa]* Butiran 090000, tentang KPI iaitu berkenaan dengan syarikat-syarikat *GLC* ataupun syarikat-syarikat milik kerajaan.

Tuan Pengerusi saya berpendapat bahawa kita dapat lihat hari ini banyak syarikat-syarikat milik kerajaan yang telah kita beri peluang kepada CEO-CEO baru untuk menguruskan syarikat-syarikat oleh kerajaan ini. Ada yang berjaya dan ada juga yang tidak berjaya Tuan Pengerusi. Saya berharap, contohnya macam Penerbangan Malaysia, contohnya ada syarikat-syarikat lain yang kita lihat kadang-kadang mereka ini tidak memahami matlamat sosial dan juga keuntungan. Kadang-kadang mereka tidak memahami tentang agenda tersirat dan tersurat. Kadang-kadang kita melihat mereka hanya mencari keuntungan tanpa mengira kebajikan dan juga pekerja-pekerja. Kadang-kadang mereka membeli orang itu dengan bayaran VSS dan suruh berhenti. Kita anggap bayaran itu mencukupi untuk bekas-bekas pekerja untuk menyambung hidup dan menyelesaikan hutang-piutang dan anak-anak untuk belajar di sekolah-sekolah ataupun di universiti-universiti.

Ini adalah rintihan dan tangisan yang saya dengar daripada banyak pekerja-pekerja syarikat-syarikat milik kerajaan yang semata-mata untuk mencari keuntungan tanpa mengambil berat tentang kebajikan dan juga sosial pekerja-pekerja itu. Ini saya kira tidak adil Tuan Pengerusi, kerana kita tengok syarikat-syarikat besar yang lain pun, syarikat-syarikat swasta yang lain, mereka memberi manfaat hasil daripada keuntungan juga kepada pekerja-pekerja supaya pekerja ini mempunyai kasih sayang kepada syarikat itu. Mereka akan bekerja lebih kuat untuk menjayakan syarikat itu. Malah di negara Jepun mereka taat kepada syarikat itu, mereka menghormati syarikat itu dan mereka sayang kepada syarikat itu walaupun mereka ini adalah pekerja biasa dalam syarikat-syarikat yang mereka berkhidmat.

Ini harus kita suntik kepada pekerja-pekerja kita bukan kerana syarikat itu tidak mencapai keuntungan yang dihajatkan maka kita buang sana, buang sini dan akhirnya ini akan menjadi masalah kepada kerajaan. Jadi syarikat milik kerajaan, beri kepada pengurusan dan pengurusan itu hanya mengejar keuntungan, mengurangkan tenaga kerja dan sebagainya. Akhirnya masalah sosial kepada kerajaan apabila pekerja-pekerja ini tidak mendapat pekerjaan dan sudah menghadapi masalah ekonomi dalam rumah tangga.

Jadi ini Tuan Pengerusi, saya fikir pihak kementerian harus ambil kira. Bukannya saya marah, saya mahu syarikat-syarikat milik kerajaan ini untung tetapi kita kena lihat juga dari segi sebagai manusia, *social contribution* kita kepada pekerja. Apakah dengan RM100,000, RM200,000 itu, kalau umur kawan itu 40 tahun, mencukupi untuk dia menyambung hidup, menyelesaikan sewaan rumah atau beli rumah, atau kereta ataupun untuk membesarkan anak mereka di peringkat universiti dan sebagainya. Dan umur 40-an ini nak cari kerja tempat lain dah susah. Jadi ini harus kita ambil kira.

Macam MAS kita tengok, terlampau nak kan keuntungan, hinggakan tidak peduli masalah rakyat, tidak peduli masalah sosial, tidak peduli integrasi nasional, yang pentingnya keuntungan. Kalau kerajaan hendak mengejar keuntungan dalam semua syarikat ini maka saya ingat lebih baik macam sistem kerajaan dulu, Telekom Malaysia, Tenaga Nasional dulu milik kerajaan, semua orang dapat kerja dan sebagainya, semua *happy*.

Jadi ini harus kita ambil kira. Saya ambil contoh, kadang-kadang kelakuan CEO ini pun agak keterlaluan Tuan Pengerusi, tidak menghormati kerajaan sendiri. Tidak menghormati pemimpin-pemimpin masyarakat, kalau kita jadi bos Tuan Pengerusi, macam kita menjadi wakil rakyat, *title* Yang Berhormat, tapi kalau kita nak berlagak dan ego kerana kita Yang Berhormat, maka kita akan menghadapi padah kalau kita dicalonkan semula dalam pilihan raya. Rakyat akan jemu dan muak kepada kita.

Begitu juga dengan syarikat ini, syarikat ini ibarat macam politik juga Tuan Pengerusi. Dia hendakkan pekerja itu sayang kepada bos dia, supaya dia bekerja dengan penuh keseronokan di dalam organisasi itu dan dia akan menolong syarikat itu. Tetapi kalau bos itu terlampau sombong, tak mahu ambil berat. Saya biasa pergi Airport Berhad, malah bulan Ramadan, saya tanya *security,* “Buka puasa di mana?” Dia kata, “Kami belilah air plastik, hisap air kerana *on duty*”. Saya kata, “Takkan pengurusan tak bagi makanan untuk buka puasa?”. “Tak ada Dato’, kena balik makan di rumah”. Apakah sebungkus nasi tak boleh diberi oleh syarikat itu kepada pekerja mereka dalam bulan Ramadan? Ini adalah perasaan seorang manusia atau CEO yang bertanggungjawab.

Jadi saya merasa kasihan mereka duduk *check* keselamatan penerbangan, orang nak naik apa semua sedangkan benda nak buka puasa pun, saya lihat mereka pegang hanya air dalam plastik Tuan Pengerusi, nasi bungkus tak ada. Takkanlah RM2 nasi bungkus itu tak boleh syarikat itu membantu mereka semasa bulan Ramadan sedangkan dalam Islam bulan Ramadan itu kita boleh banyak untuk bersedekah.

Ini adalah benda-benda yang saya lihat Tuan Pengerusi. Rintihan dan tangisan pekerja-pekerja di dalam organisasi yang sedemikian rupa yang dimiliki oleh kerajaan. Dan akhirnya kami menjadi mangsa sedangkan mereka adalah CEO yang tidak bertanggungjawab. Kami terpaksa memperjelaskan kepada mereka. Jadi inilah yang harus pihak-pihak kalau kita nak letak KPI, apa I pun tak usah kiralah, tetapi *human*, perasaan manusia ini, kemanusiaan ini harus diambil kira.

Saya nak ambil contoh satu syarikat, Bina Darul Aman Berhad. Ini saya minta pihak kementerian siasat. Seorang CEO yang angkuh, yang sombong, sebuah syarikat yang mempunyai pekerja sebanyak 550 orang. Menyewa bangunan mereka dengan sewaan RM17 ribu sebulan. Adakah kerana syarikat yang menyewa itu tak dibenarkan menaikkan papan tanda syarikat, orang meniaga. Kalau di atas, dia tulis BDB, Bina Darul Aman Berhad, bangunan dia. Tapi kalau kita bagi orang sewa dalam bangunan itu, fasal apa orang yang menyewa itu tak boleh meletakkan tanda, sedangkan syarikat lain boleh.

Adakah CEO ini memerlukan sesuatu untuk menaikkan tanda syarikat ini? Tak kiralah syarikat bumiputera, tak bumiputera. Kalau dia menyewa, dia layak dan pengurusan dulu bagi naik, pengurusan baru suruh turun. Dan sampai hari ini syarikat ini merayu nak jumpa pengurusan pun tak boleh untuk berunding. Jadi apakah ini cara sikap seorang pegawai yang kita amanahkan untuk menguruskan syarikat milik kerajaan? Seorang CEO nama Razhan bin Abdul Rahim yang bekerja dalam organisasi itu, malu saya sebagai orang Melayu kalau ada Melayu yang sedemikian rupa Tuan Pengerusi. Saya berasa malu kerana kita adalah ketuanan, kita harus berlemah lembut apatah lagi kalau kita terlibat dalam perniagaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, satu lagi Tuan Pengerusi. Saya nak mintalah syarikat-syarikat milik kerajaan supaya - tak tahulah kalau bank, Eon Bank boleh bayar zakat, Bank Rakyat boleh bayar zakat. Bank-bank lain, Hong Kong & Shanghai Bank pun bayar zakat di unit perbankan Islam dia. Saya nak merayu pada syarikat-syarikat milik kerajaan supaya bayar zakat. Zakat ini dalam Islam Tuan Pengerusi, kita bagi, kita menolong orang yang susah.

Dan apabila kita beri zakat, Tuhan akan merahmati lagi, memberi rezeki yang lebih lagi kepada syarikat ini. Dan kalau ada pekerja kita yang susah, wajib kita memberi zakat kepada pekerja kita kalau dia termasuk dalam *asnaf* itu, bagi kerana ini kadang-kadang kita tengok surat khabar untung ratus juta, berbilion-bilion ringgit, tak akanlah nak bayar zakat 2.5% yang kemudiannya ditolak daripada cukai pun tak mampu kita bagi. Saya minta semua syarikat milik kerajaan, saya tak mahu nak tanya, saya tak mahu sebut satu persatu kerana saya tahu syarikat mana yang bayar, mana yang tak bayar. Kalau boleh buat satu *ruling* bahawa semua syarikat milik kerajaan diwajibkan membayar zakat supaya dengan wang zakat ini kita boleh membangun dan menolong masyarakat yang memerlukan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat cukup.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tuan Pengerusi, itulah saya akur kepada kehendak Tuan Pengerusi, saya tak mahu jadi macam perangai DAP, melanggar peraturan dan tidak menghormati Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu pun luar daripada tajuk. Baik Tebrau sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**12.57 tgh.**

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin sentuh satu perkara sahaja iaitu B.10, KSU Perbendaharaan Bil.04800 - Peningkatan Modal Berbayar SME bank.

Tuan Pengerusi, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah menumpukan usaha bagi memesatkan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana iaitu PKS ataupun SME untuk membolehkannya menjadi pemangkin pertumbuhan. Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan melalui portal info PKS dilancarkan pada Februari 2006 supaya menyediakan maklumat mengenai akses kepada pembiayaan, khidmat nasihat, program latihan, maklumat pemasaran serta peluang perniagaan dan jaringan hubungan. Pelbagai usaha telah dilaksanakan dan harapan rakyat adalah amat tinggi. SME bank yang dikhususkan untuk PKS telah juga memulakan operasi sebagai pusat sehenti perkhidmatan pembiayaan. SME bank dianggap lebih memahami keperluan perniagaan dan pembiayaan PKS dan memainkan peranan penting dalam usaha kerajaan bagi memesatkan pembangunan PKS.

Tetapi padahalnya, cara operasi bank SME masih jauh daripada memainkan peranan yang dianggap, dijangkakan dan diamanahkan. Hingga kini di Johor hanya terdapat sebuah saja SME bank di Bandar Baru Uda Johor Bahru bagi 100 ribu pengusaha SME di Johor. Saya telah menerima aduan mengenai sikap pegawai SME bank yang kurang mesra perniagaan ataupun kurang *business friendly.* Pegawai-pegawai ini bukan sahaja kekurangan pendedahan industri dan tidak memahami latar belakang industri. Selain daripada itu, mereka juga tidak menghayati tujuan kerajaan untuk membantu pengusaha-pengusaha SME. Ekoran daripada itu, pegawai bank SME seperti ini sering kali menolak *off the...,.* permohonan pengusaha SME untuk bantuan dan pinjaman tanpa meneliti dan memahami keperluan SME yang berkenaan.

Pengusaha-pengusaha yang tidak berbahasa Inggeris dan Melayu juga mengadu bahawa mereka juga mengalami kesulitan dalam berkomunikasi dengan pegawai yang hanya fasih dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu semasa menguruskan permohonan daripada pengusaha-pengusaha SME. Oleh sebab itu, saya ingin memohon kepada Kementerian Kewangan melihat kepada keperluan pengusaha-pengusaha SME di negeri Johor dengan menambahkan lagi bilangan bank SME di Johor. Dan juga menimbangkan permintaan rakyat supaya pegawai bank SME yang fasih dalam pelbagai bahasa juga dilantik untuk membantu mereka yang kurang fasih dalam bahasa Inggeris dan Melayu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**1.00 tgh.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya untuk pergi kepada Butiran 030300 mengenai kawalan dan ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh berucap nantilah selepas tengah hari.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang.***

***Mesyuarat bersambung semula pada pukul 2.30 petang***

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Majlis dalam Jawatankuasa. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, sila sambung ucapan.

**2.31 ptg.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya menyentuh di bawah Kepala B.13 tentang Perkara 030300, yang menyentuh tentang kawalan dan pemantauan. Di sini saya ingin meminta penjelasan daripada pihak Kementerian Kewangan khususnya mengenai sikap yang ditunjukkan oleh salah sebuah syarikat atau pun GLC kerajaan iaitu Telekom. Yang isunya baru-baru ini iaitu menamatkan perkhidmatan *call centre* yang jelasnya mendapat bantahan yang keras daripada kakitangan Telekom itu sendiri.

Saya mengharapkan bahawa Kementerian Kewangan tidak terlepas pandang di dalam melihat tentang isu ini di mana sebagai mana yang disebut oleh rakan-rakan yang lain sebentar tadi bahawa syarikat-syarikat milik kerajaan ini seharusnya dapat dipantau secara langsung oleh pihak Kementerian Kewangan supaya setiap tindakannya tidak akan melahirkan impak atau pun implikasi terhadap kebajikan pekerja dan juga apa yang dikatakan sosial *obligation* iaitu lah tanggungjawab sosial yang seharusnya dimainkan oleh semua syarikat-syarikat milik kerajaan.

Yang kedua, saya juga meminta penjelasan di dalam Dewan yang mulia ini dan diharapkan mendapat jawapan yang pasti daripada pihak Kementerian Kewangan tentang pemantauan terhadap mana-mana syarikat berkepentingan negara supaya isu sebagai contoh isu pemilikan ACM Libra dan juga Capital Avenue yang baru-baru ini melibatkan tentang pembelian Pantai Holdings tidak berulang lagi dan menjadikannya suatu *license* ataupun dengan izin suatu yang akan menggalakkan kes-kes yang seumpama ini boleh berlaku lagi pada masa yang akan datang.

Kita perlu sedar bahawa banyak syarikat-syarikat berkepentingan negara yang perlu diperhitungkan tentang yang pertama sekali keselamatan negara yang juga menjadi suatu yang kita mesti hargai dan yang keduanya tentang pemilikan-pemilikan saham walaupun kecil supaya syarikat-syarikat ini tidak melanggar proses FIC iaitu lah *Foreign Investment Committee* yang telah pun ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

Yang kedua Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Perkara 090300, yang boleh di baca bersama dengan Perkara 020500 tentang subsidi gas, cecair, diesel dan juga petrol di mana dalam membincangkan tentang tajuk ini, perlu saya menarik perhatian kembali iaitu apabila kerajaan menaikkan sekali gus harga bahan bakar ini sebanyak RM0.30 dalam bulan Februari yang lalu.

Pada waktu itu, harga minyak di pasaran dunia adalah lebih kurang USD60 satu tong. Demikian juga yang kita lihat secara urutan pada hari ini, harga minyak telah pun turun pada paras lebih kurang USD58 satu tong pada tahap semalam. Dan saya ingin bertanya dalam Dewan yang mulia ini dan jawapan daripada pihak Kementerian Kewangan yang pertama sekali, apakah sebenarnya niat kerajaan menaikkan harga yang begitu parah dan apabila harga bahan bakar ini turun pada tahap USD58 satu tong, adakah kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan harga bahan bakar ini.

Saya juga ingin bagi pihak rakyat di luar sana, inginkan jaminan yang pasti dalam Dewan yang mulia ini bahawa selepas daripada tengah malam 31 Disember ini, adakah ada satu jaminan yang konkrit dari pihak kerajaan bahawa harga bahan bakar ini tidak akan dinaikkan. Jadi, di atas lonjakan harga yang dimiliki, yang dinikmati oleh Petronas dan negara selama hari ini, adakah kerajaan tidak bercadang untuk memulangkannya kembali kepada rakyat dalam bentuk menurunkan kembali harga bahan bakar ini.

Kemudian tuan pengerusi, saya pergi kepada Perkara 20000 tentang CIQ Johor Bahru di mana selepas keputusan kerajaan untuk tidak membina Jambatan Indah dan bangunan CIQ yang tersergam indah itu, saya ingin satu laporan yang meyakinkan dari pihak Kementerian Kewangan, adakah CIQ ini memiliki sebuah prasarana yang terlebih orang kata ialah di buat CIQ itu untuk pandangan masa depan tentang Jambatan Indah, tetapi apabila jambatan itu tidak diteruskan projeknya adakah CIQ akan menjadi projek gajah putih? Adakah ia nya liabilitinya akan ditanggung oleh rakyat di atas *structure* bangunan yang begitu besar, dan sudah tentu kita melihat banyak duit atau pun perbelanjaan yang terpaksa digunakan bukan sekadar membina CIQ, tetapi proses *maintenance* nya yang dijangkakan akan menanggung beban yang begitu besar.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, tentang Perkara 120000 tentang Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin yang tercatat dalam bajet ini. Saya ingin mendapatkan satu kepastian dan jawapan segera, berapakah sebenarnya jumlah pelajar yang dapat menikmati hasil daripada Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin ini dan adakah mereka ini terjamin dari segi mendapat pendidikan seterusnya sehingga ke peringkat Ph.D. Adakah ini jaminan yang diberikan oleh Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin ini dan kepada siapakah mereka ini diberikan dan saya mengharapkan supaya dengan kumpulan wang yang sebesar ini, yang tercatat di dalam bajet ini, bahawa pelajar-pelajar miskin tanpa mengira kaum, saya mengharapkan akan dapat menikmati faedah iaitu mereka menikmati wang daripada kumpulan amanah ini dan bukannya mereka dibebankan dengan PTPTN atau pun mana-mana pinjaman bagi kumpulan miskin ini untuk mendapatkan faedah pelajaran pada peringkat paling tinggi.

Jadi itu sekadar yang hendak saya katakan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Puchong. Jangan lebih sepuluh minit Yang Berhormat.

**2.40 ptg.**

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *Okay*. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan di bawah Kementerian Kewangan mengenai Belanjawan ataupun Bajet 2007 ini. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Butiran 020000 iaitu mengenai perkhidmatan analisis ekonomi dan sumber. Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan tahniahlah kepada Kementerian Kewangan di bawah Menteri Kewangan yang baru, yang baru-baru ini telah mengumumkan bahawa kerajaan telah menjimatkan ataupun telah mendapat kelebihan ataupun penjimatan daripada RM1 bilion yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri baru-baru ini kerana kecekapan pengurusan kewangan negara.

Ini sejajar dengan dasar *expansionary physical policy* di bawah Bajet ini dan saya berharap ini dapat berjaya dan juga defisit negara dapat dikurangkan iaitu targetnya ialah 3.4% daripada GPP dan juga semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri juga telah mengumumkan bahawa ekuiti bumiputera dalam Bursa Saham Kuala Lumpur telah meningkat kepada 36.64%. Dan saya percaya ini kerana hasil daripada peraturan ataupun dasar kita iaitu 30% bagi setiap Initial Public Offering (IPO) ini yang telah berjaya mengekalkan angka-angka ini.

Tetapi pada masa yang sama, saya juga ingin bertanya kepada kementerian bahawa apakah dasar-dasar selanjutnya mengenai ekuiti 30% ini di dalam IPO-IPO yang akan datang ini kerana baru-baru ini saya telah membaca beberapa isu ataupun makluman daripada *The Edge* yang telah menyatakan bahawa ada beberapa syarikat yang besar, yang berdaftar dan mempunyai pemiliknya atau *owner,* adalah Malaysia tetapi mereka telah menangguhkan penyenaraian - *listing* mereka kepada Bursa Saham Kuala Lumpur kerana mereka bukan bimbang dengan dasar itu ataupun tidak *agree.* Mereka setuju dengan dasar itu 30% kepada ekuiti bumiputera, *no problem.* Tetapi apa yang mereka bimbang ialah bagaimana kita boleh kekalkan 30% ini kerana kalau mengikut peraturan-peraturan yang sedang ada sekarang ini, selepas IPO walaupun ada moratorium.

Saya faham moratorium maksudnya ialah satu perjanjian bahawa sekurang-kurangnya tiga tahun ini, pemilik yang baru ini tidak boleh jual sahamnya kepada pasaran umum. Tetapi masalahnya ialah bagaimana pula kita mengawal pemilik ataupun *owner of public listing company* ini supaya syer mereka tidak dijualkan kepada pihak lain dan peratusan dalam syarikat ini untuk *portion* bumiputera ini dapat dikekalkan. Saya difahamkan bahawa mengikut peraturan yang ada sekarang ialah bahawa setiap kali kalau sesuatu *corporate exercise,* maksud saya *corporate exercise* dengan izin, ialah seperti *bonus issue, right issue* ataupun apa-apa *corporate exercise* yang telah ditetapkan atau dijalankan.

Kalaulah ekuiti bumiputera 30% ini *target*nya belum mencapai 30% maka selepas *exercise* itu atau semasa *exercise* itu terpaksalah syarikat itu untuk *top-out,* dengan izin, kepada 30%. Dan ini

mungkin telah menjadi satu tanda tanya dan juga kebimbangan banyak syarikat yang sedang dan akan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Saya boleh bagi contoh. Sebagai contoh ialah JCI Holdings Berhad di mana ianya satu multi bilion *company, 'hard dry' company* yang mempunyai operasi di China dan di Singapura. Mereka terpaksa tangguhkan *listing*nya di Kuala Lumpur. Satu lagi ialah mengenai Wilmar International, satu syarikat perladangan yang besar yang telah disenaraikan di Singapura, mereka tidak mempunyai syarikat bursa di Kuala Lumpur kerana mereka bimbang dengan dasar-dasar ini ataupun peraturan-peraturan ini.

*So,* persoalan saya sekarang ialah adakah kementerian boleh memberi satu penjelasan yang baik dan juga yang konkrit berasaskan kepada keadaan ataupun keperluan semasa kerana kalau kita lihat prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur setakat tahun 2005 ini, bursa-bursa di serantau ini kebanyakan mereka menikmati pertumbuhan yang cukup menggalakkan tetapi bukan di Kuala Lumpur, *stock exchange* di Kuala Lumpur di mana kita mengalami satu kejatuhan iaitu negatif 1.8%.

*So,* saya berharap kementerian mungkin mempunyai peraturan ataupun dasar-dasar yang baru ini boleh lihatlah di mana daya saing kita ini. Saya tidak mahu lihat dan saya ingat semua rakyat Malaysia pun tidak mahu lihat di mana syarikat-syarikat kita yang berpotensi, syarikat-syarikat kita yang besar dan kukuh ini, terpaksalah mereka mencari bursa-bursa lain untuk disenaraikan di tempat lain seperti Singapura, Hong Kong ataupun saya difahamkan juga mereka ini sedang mencari bursa di Vietnam juga.

*So,* ini satu trend atau satu keadaan yang bagi saya adalah agak membimbangkan. Saya hendak mendapatkan sedikit penjelasan daripada pihak kementerian adakah kita ini membuat sesuatu supaya ini dapat kita kurangkan perasaan kebimbangan ini, *businessman* ini supaya mereka dapat meyakinkan diri lagi terhadap ekonomi kita pada masa-masa yang akan datang. Satu lagi mengenai pemilihan *shareholder* ataupun pemilik-pemilik semasa IPO ini ialah saya difahamkan dasar sekarang ini ialah setiap ataupun orang kata *owner* ini ataupun *shareholders* ini, yang pihak bumiputera ini sebelum IPO ini, setiap kelulusan adalah terpaksa dirujukkan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa iaitu MITI.

Saya tidak tahu adakah ini satu peraturan sedang ataupun masih digunakan tetapi bagi saya ini adalah mungkin satu peraturan yang kita harus melihat kembali. Kita mesti melihat kembali mengapa kita terpaksa rujuk kepada MITI. Bukankah ini lebih elok kalau kita terus *refer* kepada Kementerian Kewangan ataupun *as see it close* ataupun yang paling baik sekali ialah kerana kita sekarang ini dalam *free market* ini. *So,* mungkin kita berikan peluang kepada pihak-pihak yang tertentu yang menjalankan perniagaan, berikan peluang mereka memilih *partner* mereka atau memilih *shareholders* mereka supaya mereka ini ada satu perhubungan kerja yang lebih erat lagi bukan merujuk kepada mana-mana pihak mungkin selepas penyenaraian, mungkin ada banyak perkara yang tidak ingin atau perkara-perkara yang tidak seronok ini berlaku.

Saya hendak mendapat sedikit penjelasan bagaimana akan dasar sekarang ini? Masih kah kementerian ini masih merujuk kepada MITI semasa untuk mencari *shareholders* yang baru semasa IPO? Itu satu yang saya ingat saya hendak dapatkan sedikit penjelasan daripada itu... dan tadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, gulung Yang Berhormat.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Saya mempunyai dua perkara lagi iaitu pendek sahaja. Yang pertama mengenai Butiran 09000 iaitu pelbagai suntikan ekuiti iaitu mengikut Belanjawan ini, kerajaan terpaksa membelanjakan RM200 juta ini. Saya hendak tahu apakah suntikan ekuiti, ke syarikat mana ataupun ke entiti mana kerana ini satu angka yang bagi saya adalah sangat tinggi dan saya hendak minta sedikit penjelasan daripada kementerian. Akhir sekali ialah mengenai satu perkara iaitu 021700 iaitu pengurusan sisa pepejal oleh Syarikat Alam Flora iaitu berjumlah lebih kurang RM21 juta.

Saya difahamkan Alam Flora ini telah mempunyai satu perjanjian yang berkesan dengan semua PBT di Selangor dan Kuala Lumpur ini. Saya juga difahamkan mengapa kita terpaksa bayar RM21 juta lagi walhal di pihak PBT terpaksa juga membayar, ada yang PBT sampai 50% daripada berjumlah perolehan mereka ataupun *income* mereka termasuk kepada perkhidmatan Alam Flora ini.

Adakah RM21 juta ini kerana kesilapan atau mengapa kita terpaksa bayar lagi RM21 juta kepada Alam Flora walhal di peringkat PBT juga telah membayar sejumlah yang besar kepada mereka kerana perkhidmatan mengumpulkan sampah-sarap di kawasan-kawasan tertentu. Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Petrajaya.

**2.50 ptg.**

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin menyentuh satu perkara iaitu B.10, Butiran 020100 – Pengurusan Penganalisaan Cukai. Ini berkaitan dengan sistem tiket penerbangan, terutamanya khususnya berkaitan dengan AirAsia. Sebagaimana kita tahu kalau kita buat perbandingan di antara MAS dan AirAsia, bila berlakunya pembatalan tiket penerbangan, maka AirAsia akan melupuskan ataupun kita tidak boleh menuntut kembali apa-apa bayaran yang telah dibayar. Manakala MAS pula akan mengecaskan penalti sekiranya kita ingin menggunakan tiket tersebut.

Persoalan yang timbul dalam tiket penerbangan, ia ada tiga komponen bayaran. Satu ialah bayaran penerbangan. Kedua ialah cukai lapangan terbang ataupun *airport tax*. Ketiganya ialah *fuel charges* ataupun caj petrol, minyak. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian berkenaan dengan perkara persoalan dasar. Maknanya jika kita tidak jadi menaiki penerbangan tersebut tetapi kita masih dikenakan bayaran cukai lapangan terbang dan juga duit minyak, jadi apakah dasar kerajaan berkaitan dengan perkara ini?

Maknanya kalau cukai sepatutnya dikenakan bila kita menggunakan perkhidmatan tersebut. Maknanya kalau kita tidak jadi naik, kita tidak menggunakan lapangan terbang tersebut. Jadi adakah kita masih dikenakan cukai penerbangan? Adakah syarikat penerbangan yang telah dibayar tiket tadi boleh mengembalikan kepada penumpang yang tidak jadi menaiki penerbangan, cukai lapangan terbang.

Perkara kedua yang saya ingin dapat penjelasan ialah sekiranya dasar kita sama ada kita jadi atau tidak jadi naik penerbangan tersebut, kita masih kena membayar cukai dan juga *fuel charges*, adakah cukai yang dikutip oleh syarikat penerbangan dibayar kepada agensi kerajaan tersebut. Sekiranya dia bayar, berapakah jumlah yang telah dibayar? Daripada jumlah cukai yang dibayar tadi, apakah pecahan pula daripada cukai disebabkan pembatalan tiket penerbangan yang telah dikutip oleh pihak kerajaan. Jadi itulah penjelasan yang saya ingin dapat tahu. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bera. Yang Berhormat, sila sebut pecahan kepala bila membahas.

**2.53 ptg.**

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 03000, 030300 dan lain-lain.... *[Ketawa]* Saya ingin bertanya mengenai masalah kehilangan wang daripada bank hasil daripada penggunaan *e-banking*. Kalau kita lihat daripada laporan Utusan Malaysia di dalam beberapa bulan yang lepas, terdapat lebih 500 penyimpan yang telah kehilangan wang apabila melakukan *e-banking* mereka. Ini tentu sahaja akan menimbulkan rasa kurang percaya kepada penyimpan di dalam menggunakan *e-banking*. Sedangkan pada hari ini pihak kerajaan berkempen untuk menggunakan “e” di dalam segala urusan – *e-banking, e-government,* e-dagang dan pelbagai “e” lagi.

Tetapi kita takut jikalau kita tidak mempunyai akta yang boleh melindungi pengguna. Misalnya di dalam e-dagang, kita telah bentangkan di dalam Parlimen ini bahawa Akta e-Dagang yang dibentangkan tidak melindungi pengguna yang menggunakan elektronik dagang. Pada hari ini kita dapati bahawa banyak kes kehilangan wang apabila menggunakan *e-banking*. Kalau kita lihat di negara lain, di Amerika misalnya, ada *Phishing Act* – saya ingin membuat pembetulan dari segi *phishing*. *Phishing* bukan “f-i” tetapi “p-h-i”. Saya takut dalam *Hansard* nanti dia tulis “*fishing*”, memancing ikan tetapi “*phishing*”, “p-h-i”.

Jadi di negara lain ada *Phishing Act* tetapi kita tidak ada *Phishing Act* yang akan melindungi penyimpan-penyimpan wang di dalam bank dan juga pihak penyimpan juga tidak diberikan pendidikan dan pendedahan mengenai masalah yang timbul. Saya ingin tanya selepas kejadian itu berlaku, apakah tindakan Bank Negara? Apakah tindakan Bank Negara untuk menyedarkan bank-bank bahawa terdapat kecurian wang di dalam bank mereka? Apakah tindakan daripada Bank Negara untuk menyedarkan penyimpan-penyimpan bahawa apa yang sepatutnya dilakukan?

Tidak ada pengedaran. Saya sebagai penyimpan tidak menerima. Saya tidak tahu rakan-rakan yang lain, Ahli-ahli Parlimen lain. Saya sendiri tidak menerima satu *circular* daripada bank yang menentukan ataupun memberi kita pendidikan bagaimana cara untuk melindungi diri kita daripada terperangkap oleh penjenayah-penjenayah internet tadi, tidak ada. Saya juga ingin tahu daripada Bank Negara, apakah arahan baru Bank Negara kepada bank-bank dari segi menjaga kepentingan penyimpan supaya wang mereka tidak hilang akibat daripada *e-banking* yang dijalankan.

Saya lihat ada satu punca yang besar mengapa *phishing* lebih senang berlaku di negara kita. Puncanya ialah bank hanya meminta dua perkara daripada penyimpan sebelum wang dikeluarkan. Yang pertama ialah *password* ataupun kata laluan dan yang kedua ialah *username*. Dua sahaja perkara yang diminta oleh bank. Jadi bermakna penjenayah-penjenayah lebih mudah untuk melakukan penipuan. Misalnya penjenayah-penjenayah akan mengatakan akan menelefon, misalnya mungkin menelefon Yang Berhormat bagi Jasin, mungkin dia tidak berapa tahu perkara ini.

Dia akan telefon. Dia kata, "Yang Berhormat, kita akan buat pertukaran sedikit dari segi pengurusan bank Yang Berhormat, saya hendak minta nombor *username* dan *password*." Yang Berhormat mungkin percaya kepada perkara ini dan beri. Akhirnya lebih mudah bagi penjenayah ini sebab dia tahu bank cuma minta dua perkara. *Single* 'autofikasi' sahaja. Tetapi di negara lain sudah ada *double* 'autofikasi'. Di Malaysia misalnya ada satu bank, Hong Kong and Shanghai Bank, saya difahamkan mempunyai 'autofikasi' yang lain selain daripada dua perkara, *username* dan *password* tadi. Dengan itu lebih susah daripada penjenayah itu untuk tahu perkara yang diminta oleh bank.

Di Hong Kong dan Singapura, misalnya pihak berkuasa telah menetapkan bahawa sebelum akhir tahun 2006, setiap bank tidak boleh lagi mempunyai *single* 'autofikasi' ataupun *single* pengesahan tadi. Setiap bank mesti mempunyai *double* 'autofikasi'. Selain daripada dua tadi yang diminta, bank akan minta satu perkara lain yang tidak diketahui dan perkara ini akan sentiasa bertukar-tukar. Dengan ini akan lebih memberikan perlindungan kepada pengguna-pengguna dan sebagainya.

Jadi saya hendak tahu di Malaysia ini, apakah *double* 'autofikasi' ini sudah pun diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia? Yang kedua saya hendak tahu dari segi *education*, pendidikan tadi, sejauh mana yang dilakukan? Jikalau ada penipuan, kepada siapa misalnya akan diberi agar pengguna boleh membuat laporan dan sebagainya. Jadi saya rasa perkara ini perlu dipandang serius. Jikalau kita ingin terus maju, kita mempunyai *infra* yang secukupnya. Jikalau kita belum mempunyai *Phishing Act,* sekurang-kurangnya kita mempunyai peraturan-peraturan tertentu.

Jadi saya mencadangkan supaya pihak Bank Negara bolehlah mengarahkan bank-bank yang ada supaya menggunakan *double* 'autofikasi' yang keduanya memberikan pendidikan kepada pengguna dan yang paling penting akhirnya kita mesti mempunyai *Phishing* Act sendiri, supaya perkara-perkara yang telah berlaku dapat dilindungi.

Yang pertama ialah mengenai undang-undang perlindungan data saya sudah bercakap dua tahun perkara Undang-undang Data Perlindungan Peribadi iaitu *Personal Data Protection Act.* Sudah

dua tahun saya bercakap perkara ini di Parlimen, dan sehingga hari ini belum ada. Oleh kerana tidak ada Undang-undang Perlindungan Data Peribadi inilah maka perkara-perkara *phishing* mudah berlaku pada hari ini seperti saya telah jelaskan daripada dahulu banyak kali, bahawa data peribadi kita tidak dilindungi oleh mana-mana akta. Data peribadi kita akan boleh ditukar-tukar. Bank boleh bertukar sesama mereka mengenai data peribadi kita dan tidak ada akta yang menyekatnya. Memang dari segi moralnya salah tidak boleh, tetapi dari segi undang-undang sekarang kita bercakap soal perundangan dan kita tidak ada undang-undang yang melindungi data peribadi. Dan saya sangat berharap supaya akta perlindungan data peribadi ini dipercepatkan supaya lebih mudah *phishing* dan sebagainya berlaku.

Yang ketiga ialah saya ingin memohon penjelasan daripada pihak Kementerian Kewangan mengenai skandal pembelian arang batu dari Indonesia oleh TNB. Saya difahamkan bahawa akibat pembatalan kontrak dan juga *refinancing* pada pembelian arang batu tersebut, TNB terpaksa menyelesaikan hutang sebanyak USD27 juta kepada FAMA. Dan juga membayar sebanyak USD45 juta kepada Mizoho dan yang lebih berat lagi ialah terpaksa menanggung kerugian jangka panjang lebih daripada RM200 juta kerana harga arang batu yang naik berbanding dengan perjanjian awal dahulu. Saya ingin bertanya tentang perkara ini.

Dan akhir sekali Tuan Pengerusi ialah mengenai perkara yang telah lama dibangkitkan iaitu mengenai kedudukan peminjam. Kedudukan penjamin yang pada hari ini masih lagi sama dengan peminjam. Dah lama kita bercakap, jawapan daripada pihak Kementerian Kewangan kita akan arahkan bank, dan pada hari ini berapa ramai penjamin-penjamin yang *bankrupt* kerana tidak membayar hutang yang bukan hutang mereka tetapi hutang peminjam. Selagi arahan Bank Negara tidak dikeluarkan selagi pihak Peguam menerima arahan daripada bank bahawa penjamin adalah *jointly and severally liable* sama seperti tarafnya dengan peminjam jadi selama itulah pihak peguam akan boleh menuntut penjamin membayar sama tarafnya dengan peminjam.

Jadi perkara ini sudah lama kita bincang dan saya harap pihak Timbalan Menteri Kewangan akan menjawab pada hari ini. Seorang yang bijaksana yang saya tahu mempunyai kepakaran dan sebagainya bekas orang kuat di Bank Negara saya harap jangan kita aniaya penjamin-penjamin di luar sana yang kadang-kadang terpaksa menjadi penjamin. Akhirnya mereka bankrap, peminjam lari. Terima kasih, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Jasin.

**3.06 ptg.**

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi saya terus kepada Butiran 0600 Perkhidmatan Kastam. Saya bukan tujuan hendak itu, kerana saya pergi kepada butiran kecil 060300-Pencegahan. Saya hendak minta supaya kerajaan mengkaji balik bagaimana telah termaktub di dalam Akta Kastam tahun 1967 iaitu pemberian *reward* atau sagu hati kepada mereka-mereka yang berjaya menghalang penyeludupan. Sejak tahun 1967 benda ini bergerak orang ramai

diberi *reward,* kakitangan Kastam juga diberi *reward,* tetapi malangnya tiga empat tahun ini kemudahan itu telah ditarik balik. Bila telah ditarik balik kita lihat pada hari ini kerja-kerja pencegahan ini agak lesu Tuan Pengerusi. Kalau ada *reward* Tuan Pengerusi ada can Tuan Pengerusi tengah memancing tengah laut ada bot datang menyeludup arak, menyeludup keretek, menyeludup rokok, Tuan Pengerusi telefon Kastam tangkap. Tuan Pengerusi dapat *reward.*

Ini kerajaan kena hebahkan cerita ini jangan disorok-sorok supaya masyarakat akan bersama-sama dengan kerajaan untuk mengatasi masalah penyeludupan. Baru-baru ini dengan adanya bajet yang baru ini harga rokok naik lagi. Orang macam saya dan Yang Berhormat bagi Sri Gading walaupun marah tetapi beli juga rokok lagi bertambah kuat kita menghisap. Dan untuk maklumat Tuan Pengerusi dengan kenaikan yang baru ini jangkaan kerajaan mendapat cukai sekitar RM1 bilion satu tahun. Satu hari RM3 juta.

Saya telah dimaklumi oleh syarikat-syarikat rokok. Hari ini dia beritahu saya lebih daripada 25% daripada pasaran rokok pada hari ini telah dikuasai oleh rokok-rokok yang diseludupkan. Kalau 25% Tuan Pengerusi, bermakna kita kerugian RM250 juta. Kalau dahulu masih lagi kita dapat kawal dengan adanya *reward* dan saya lihat di dalam Kastam ini *reward* itu bukan banyak sangat. Tiap-tiap tahun kerajaan belanjakan lebih kurang RM10 juta sahaja. Untuk memberi *reward* kepada yang memberi laporan ini Kalau maklumat ini kita dapat dan kita dapat mengatasi masalah penyeludupan ini kerajaan dapat jimat banyak duit. Ini yang kita hendak minta kerajaan kaji balik supaya kerja-kerja penyeludupan ini jangan bermaharajalela pada hari ini.

Hari ini terus terang saya katakan bahawa kerja-kerja pencegahan ini tidak berjalan dengan baik. Kita dapati banyak rokok ikut daripada pasaran rokok 25% dikuasai oleh rokok-rokok yang masih tidak dibayar cukai. Arak pun tinggi juga lebih daripada 30% di pasaran dan barang-barang lain. Saya juga penuh yakin dan percaya kalau ini dihebahkan kepada orang ramai masalah AP palsu apa saja penyeludupan ini orang ramai akan bekerjasama dengan pihak kastam dan juga pihak kerajaan. Lebih-lebih lagi saya apabila cerita dengan orang RELA menunggu ini dan saya dengan penuh yakin dan percaya kalau dia tahu *reward* yang dia bakal dapat, saya kira anggota RELA di seluruh negara akan tidur di kuala-kuala sungai akan tidur di tepi-tepi perairan pantai kita untuk memberi maklumat kepada kerajaan supaya penyeludupan tidak berlaku. Oleh demikian saya berharap pihak kerajaan Kementerian Kewangan hebahkan benda ini bahawa kerajaan ada memberi *reward* untuk maklumat-maklumat yang diberi kepada orang ramai kepada kerajaan sehingga kita dapat menyekat penyeludupan-penyeludupan yang sedang berlaku ini.

Yang kedua Tuan Pengerusi saya hendak bercakap tentang 030300 kawalan dan pemantauan. Saya hendak tanya Kementerian Kewangan, berapakah untung kita dan cukai kita yang kita membenarkan kedai-kedai ekor dengan *specials draw ini* Magnum*,* TOTO, apa lagi saya tidak tahu tuan-tuan lebih tahu, dama chai, ada beli kah? Dama chai. Hari ini oleh kerana ekor Tuan Pengerusi sudah lah hari Rabu hari Sabtu hari minggu membuatkan banyak masalah sosial berlaku di dalam

masyarakat kita. Tidak cukup dengan hari Rabu, tidak cukup dengan hari Sabtu, tidak cukup dengan hari minggu kerajaan beri kebenaran ada *special draw,* Selamat Hari Raya *special draw*, Tahun Baru Cina *special draw* Tahun Baru Cina, Deepavali *special draw* boleh kata tiap-tiap minggu ada *special draw*. Dan apabila banyak-banyak *special draw* ini kita menggalakkan rakyat kita berjudi. Saya penuh yakin dan percaya bukan kata orang Islam, orang Melayu tidak suka benda ini malah masyarakat India dan Cina pun tidak suka kerana Bukit Mertajam pun tidak suka, Ipoh Barat pun tidak suka, itu kali pertama dia mengangguk. Dia mengangguk sokong saya ini.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Eh masa tidak cukup hendak penjelasan juga.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Sedikit sahaja, sedikit sahaja sokonglah. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya rasa ini memang betul kerana Yang Berhormat bagi Bagan telah juga menimbulkan masalah ini banyak kali dalam Dewan ini tetapi mengapa tidak tahu mengapa kerajaan Barisan Nasional katakan ini sudah Islam Hadhari tetapi dia kata tidak apa. Seolah-olah tidak apa dia bagi *special draw* lagi tiap-tiap minggu ada. Jadi satu minggu, empat kali.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya cukup.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Jadi setiap hari empat *company* tiga *company* jadi empat hari 12. Mesti beli kalau satu nombor 12 kali mesti beli RM1.00, RM12.00 mesti beli jadi macam mana? Jadi apakah cadangan Yang Berhormat Jasin? Ini Barisan Nasional punya kerajaan apa hendak buat?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Bukit Mertajam. Saya sudah bagi can janganlah pukul kita balik. Yang sebenarnya yang kerajaan benarkan ialah kehendak orang Cina dan orang bukan Islam. Kalau tidak di*regulate*kan macam ini dia pun buat judi haram juga. Tetapi saya hendak minta ketegasan hari ini saya hendak minta kerana oleh adanya judi-judi macam ini sudah timbul masalah sosial, orang-orang kita sanggup hutang dengan Along kerana hendak beli ekor. Ada banyak cerita yang macam ini. Dan telah timbul........

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Yang Berhormat penjelasan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Eh?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Sedikit sahaja.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Boleh.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Ambil sempena daripada seruan daripada pembangkang yang mewakili orang Cina juga saya cadangkan Yang Berhormat setuju dengan saya supaya kerajaan mengharamkan sahaja semua judi ini. Tidak kiralah untuk orang Cina ke orang India ke haram terus. Memang haram judi ini adalah memang kehendak Islam. Haramkan sahaja. Boleh setuju dengan saya?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Saya setuju Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** DAP sokong tidak, DAP sokong?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Saya setuju kerana benda macam ini Tuan Pengerusi pernah berlaku di negara jiran kita di Indonesia. Dahulu mereka juga ada 4D empat nombor ekor. Hari ini oleh kerana timbulkan masalah sosial di dalam negara itu kerajaan dia mengharamkan semua bentuk-bentuk judi yang ada. Dan saya kira dekat Malaysia pada hari ini banyak di antara orang kita lebih-lebih lagi walaupun di letak di kedai itu haram untuk orang Islam tetapi saya penuh yakin dan percaya pada hari ini kedai-kedai ekor ini lebih daripada 60% dia punya pelanggan orang Melayu dan orang Islam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat gulung Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** JAKIM pun tidak pergi *check* juga bab ini tidak buat kerja ini. Jabatan Agama Islam pun tidak pergi *check* benda ini lagi. Jadi saya berharap supaya kerajaan kalau boleh hari ini kita ambil ketetapan permintaan kita supaya jangan ada *special-special draw* ini dan kalau boleh judi-judi yang ada pada hari ini kita beri masa yang itu kita tutup semua. Supaya kita tidak hendak jadi Malaysia ini sebagai negara judi.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Sekejap bagi jalan sekejap.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Rantau Panjang pula?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Sokong! Sokong, saya sokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Boleh Yang Berhormat setuju kalau saya mengatakan apa Yang Berhormat sebutkan tadi betul-betul hasrat Yang Berhormat untuk mengharamkan semua judi ini. Adakah Yang Berhormat berani kalau kita bawa satu usul di Parlimen ini supaya kerajaan mengharamkan semua judi-judi yang ada di Malaysia ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Apa bawa usul sudah diucap sudah.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ini ucapan akan masuk *Hansard* Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ketinggalan zamanlah.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ini permintaan kita. Permintaan kita dan saya penuh yakin semua ahli-ahli yang hadir ini pun lihat masalah sosial di kawasan masing-masing disebabkan oleh judi ekor ini. Kalau boleh kita minta kerajaan haramkan semua sekali! Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sepanggar.

**3.14 ptg.**

**Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh cuma tiga butiran sahaja. Yang pertama ialah Butiran 04400 Institusi-institusi kewangan ini. Sebenarnya saya telah pun buat permohonan untuk mengadakan satu cawangan bank di Pekan Menggatal dan begitu juga di Pekan Indah Permai. Setakat ini kita tidak ada mendapati balasan sama ada kelulusan telah pun kita peroleh tetapi saya ingin tanyalah sama ada ini dapat dilaksanakan.

Kedua mengenai Butiran 04500 - peningkatan modal berbayar bagi bank. Kita tahu Tuan Pengerusi bahawa pinjaman kita di bank ini memanglah kita alu-alukan supaya kita dapat apa jua yang kita buat kita boleh laksanakan. Tetapi malangnya saya rasa kita tidak dilindungi apa jua yang kita buat. Pelanggan dan pengguna ini tidak diberi perlindungan.

Contohnya sekiranya kita mendapat pinjaman perumahan ada sahaja yang syarat-syarat yang kita sering kali tidak tahu yang akan dimasukkan di dalam syarat-syarat jual beli ataupun pinjaman ini. Contohnya dalam pinjaman bank selalunya peminjam ini akan membayar *fee* guaman walhal kita buat pinjaman ini kita bayar kesemuanya di dalam bunga dan sebagainya semua di dalam telah pun di masuk dalam pinjaman dalam bank ini. Tetapi dalam *fee* guaman ini kita juga akan membayar jadi ini saya rasa tidak begitu memberi perlindungan kepada peminjam ataupun pengguna.

Di United Kingdom, kita difahamkan mereka mempunyai satu akta yang dipanggil *Unfair Contract Terms Act* 1977, dengan izin. *So* saya memohon kepada pihak yang berkenaan agar ini juga kita harus adakan syarat-syarat ini supaya perlindungan ini betul-betul kita dapat bersama perlindungan untuk peminjam-peminjam dalam bank ini.

Begitu juga dengan perusahaan-perusahaan di mana kita adakan contohnya, dalam kontrak-kontrak misalnya dalam kontrak komersial entiti ini di mana saya rasa kita komersial entiti ini telah di *monopolize*kan dengan mereka tanpa memberi perlindungan kepada peminjam-peminjam. Begitu juga saya ingin menyentuh mengenai butiran 05000 Tabung Bantuan Bencana Negara. Kita tahu pada 17 Julai tahun lalu kawasan saya kawasan Sepanggar telah dilanda dengan banjir lumpur. Dan saya difahamkan pihak kerajaan pusat telah pun membayar pampasan kepada orang-orang ataupun *victim* yang telah mendapat bencana ini. Jadi saya mohon saya minta tanya di sini berapa banyak ataupun berapa jumlah kah wang yang telah kita salurkan kepada Kerajaan negeri Sabah untuk membayar pampasan-pampasan ini.

Oleh kerana kita tahu bahawa setakat ini masih ramai lagi yang belum dapat pampasan yang berjumlah RM500 sebuah rumah. Saya juga difahamkan bahawa bila kita bayar pampasan ini pada bulan lalu masih ramai yang belum dapat pembayaran oleh kerana diragui mengenai kedudukan mereka sama ada mereka telah betul-betul diakibatkan bencana ini atau tidak. Tetapi ini saya rasa mudah kita dapat kepastian oleh kerana ketua-ketua kampung dan JKK-JKK ini haruslah diberi tanggungjawab untuk memberi pengesahan mengenai bencana ini.

Akhirnya mengenai Butiran 140000 - Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan untuk golongan pendapatan rendah bagi Sabah dan Sarawak. Saya memohon agar bantuan ini dapat diberi dan betul-betul dapat disalurkan kepada rakyat Sabah dan rakyat Sarawak yang berpendapatan rendah dan bukan disalurkan kepada rakyat yang masih diragui kerakyatan mereka. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

**3.21 ptg.**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam Butiran 021100 iaitu Bantuan Kepada IWK.

Tuan Pengerusi, kita semua tahu bahawa pada 90-an, IWK diswastakan dan pada masa itu, dari permulaan sebanyak RM500 juta telah diagihkan dan diberikan sebagai *soft loan* kepada IWK dan selepas itu diswastakan dan selepas itu diambil alih oleh kerajaan. Tetapi, baru-baru ini juga kita nampak tahun dahulu sebanyak RM150 juta telah diagihkan kepada IWK dan tahun ini dianggarkan sebanyak RM200 juta akan diagihkan kepada IWK. Jadi, soalan saya adalah kenapa wang sebanyak ini diagihkan kepada IWK? Apakah proses dan apakah niat kerajaan supaya ia betul-betul diguna pakai oleh IWK dan bilakah ia akan diperoleh dan apakah makna *soft loan* dan taraf bunga yang diberi kepada IWK?

Adakah betul bahawa IWK ini diswastakan dan akan disenaraikan di Bursa Saham tidak lama lagi? Apabila Akta Air Negara dikuatkuasakan, diketahui bahawa IWK akan memperoleh berjuta-juta ringgit dari tarif-tarif dan semestinya semua penghuni-penghuni ataupun pemilik-pemilik rumah di negara ini dimestikan membayar kepada IWK. Dalam hal ini adakah kerajaan akan mengarahkan bahawa IWK akan mengecualikan semua tunggakan wang yang perlu dibayar oleh penghuni-penghuni atau pemilik-pemilik kepada IWK setakat sebelum dilaksanakan Akta Air Negara ini. Dan juga berapakah tanggungan yang dihutangkan oleh pemilik-pemilik atau penghuni-penghuni yang menggunakan servis IWK setakat ini dan apakah rasional kepada pihak-pihak IWK dibenarkan mencaj kepada servis-servis yang tidak diberi kepada pihak-pihak, pemilik-pemilik atau penghuni-penghuni?

Di antaranya adalah orang-orang yang mempunyai sistem najis automatik di mana tidak ada keperluan untuk menggunakan IWK langsung. Saya difahamkan ada lebih kurang 30% di negara ini di mana tidak ada apa-apa kena mengena dengan IWK. Apakah mereka dipaksa membayar untuk *charge-charge* di mana mereka tidak mendapat apa-apa manfaat?

Selain daripada itu, saya ingin juga berhujah mengenai perjudian-perjudian negara ini. Kawal selia kepada *Totalisator Board* di negara ini adalah Kementerian Kewangan. Saya hendak tanya apakah kawal selia di mana pada baru ini, bulan Februari di mana *Public Accounts Committee* telah mengadakan satu mesyuarat di mana diketahui bahawa *Totalisator Board* di mana Kementerian Kewangan memberi lesen untuk semua perjudian di negara ini kepada satu company bernama Usaha Tegas Sdn. Bhd dan syarikat ini telah untung lebih kurang RM900 juta.

Kenapa kerajaan hanya memberi lesen untuk satu syarikat sahaja? Kenapa ia tidak ditenderkan? Semasa Tun Mahathir menjadi Perdana Menteri, ia mengatakan oleh kerana perjudian adalah bertentangan dengan Agama Islam, lebih baik kita memberi kepada satu syarikat. Tetapi syarikat Usaha Tegas yang saya kata, i dia monopoli dan monopoli itu terlampau hingga berasa untuk promosi aktiviti-aktiviti kuda di seluruh negara iaitu kelab-kelab kuda, semua disekat dan apabila *Totalisator Board* datang memberi keterangan di *Public Accounts Committee* mereka kata ada beberapa kecacatan.

Mereka tidak ada kontrol semua aktiviti-aktiviti para *Turf Club,* Selangor Tuft Club, Penang Tuft Club, di mana berjuta-juta ringgit mereka untung tetapi tidak membayar cukai, tetapi wang ini digunakan untuk sendiri dan beberapa kompelin telah ada tetapi penyiasatan yang penuh tidak dijalankan dan Kementerian Kewangan sedar mengenai perkara ini dan apakah cadangan kerajaan supaya tindakan yang tegas diambil supaya kita ada satu situasi di mana *Totalisator Board* adalah setaraf seperti yang telah dikatakan oleh Perdana Menteri pada tahun 1964, semasa rang undang-undang itu diluluskan di Dewan Rakyat ini. Kita menggunakan *Totalisator Board* sistemnya objektifnya adalah sesama seperti di Australia dan New Zealand tetapi ia telah bertukar, *the whole system has changed,* dengan izin. Apakah kawal selia oleh Kementerian Kewangan?

Selain dari itu Tuan Pengerusi, saya juga ingin hujah dalam 100300 iaitu Panel Kajian Semula Cukai (GST). Tuan Pengerusi, kita semua tahu oleh kerana pilihan raya akan datang setiap tahun GST yang mula-mula patut di implementasikan dua tahu dulu telah ditunda ke tahun ini dan sekarang telah ditunda ke tahun hadapan dan kita ada satu *committee to consider* untuk kaji semula dan saya difahamkan setiap tahun apabila GST diimplementasikan kita akan kutip lebih kurang RM1 bilion dan *committee* ini telah diagihkan sebanyak RM43 juta untuk membuat kajian.

Jadi soalan saya adalah siapakah yang telah dikontrakkan untuk membuat kajian? Seperti di Australia, Curtin University of Technology telah diberi kuasa untuk membuat kajian mengenai GST keseluruhannya mengimplementasikan di seluruh negara itu dan didapati bahawa GST membawa satu sistem regresif dan juga dan dalam kajiannya ada syor-syor tertentu yang telah dibuat, di antaranya adalah penghapusan *duty stem,* mengurangkan cukai pendapatan sendiri, cukai syarikat dan sebagainya. Adakah ini semua merangkumi dalam kajian ini dan bilakah kajian ini akan disediakan dan adakah *report* kajian tersebut akan diberi kepada semua Ahli Parlimen atau *for public consumption.*

Akhir sekali Tuan Pengerusi, ini mengenai perjudian juga. Saya difahamkan setiap minggu sekurang-kurang satu atau dua orang membunuh diri di Genting Highlands. Saya difahamkan. Ini adalah kerana tidak ada apa-apa tanda yang menunjukkan...., saya bukan seorang kaki judi, saya bukan lagi.

Di beberapa tempat di lain-lain negara Tuan Pengerusi, ada tanda yang akan memberitahu kepada penjudi-penjudi bahawa mereka jika ada apa-apa masalah selepas terlibat dalam perjudian mereka boleh pergi ke kaunseling, boleh pergi ke pihak-pihak yang tertentu untuk mendapat bantuan atau spesifik dalam hal-hal perjudian. Tetapi, di Genting Highlands tidak ada apa-apa sedemikian. Saya difahamkan walaupun kejadian-kejadian berlaku setiap hari, setiap minggu, setiap bulan akan tetapi oleh sebab Genting Highlands ada *the relationship with the press is so good. All these are just kept under the carpet* dan saya difahamkan ini adalah satu tragedi yang patut dapat dielakkan kerana saya rasa ramai di antara keluarga yang pergi ke sana.

Saya rasa ini bukan satu perkara yang tidak diketahui. Saya tidak pernah pergi ke sana untuk berjudi, tetapi saya difahamkan setiap hari kita boleh nampak keluarga-keluarga berkelahi, lawan di

sana kerana isteri menunggu untuk suami dia berjudi, lepas kalah berjudi dia datang pukul isteri dia. Semua ini kejadian yang selalu berlaku di Genting Highlands. Tetapi, apakah tindakan yang diambil supaya perkara-perkara ini dapat diatasi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Rembau.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma nak menyentuh mengenai tiga perkara. Butiran 022100 - Pemberian Kemudahan Asas Kecil. Butiran 022200 - Pemberian Kemudahan Projek Khas dan Butiran 022300 - Penyelenggaraan Aset Awam.

Saya mengucapkan terima kasihlah bagi pihak pengundi kawasan saya kepada pihak kerajaan yang telah mengadakan peruntukan penyelenggaraan aset awam sejak daripada tahun lepas. Pada tahun ini, sebanyak RM1 bilion dan pada tahun hadapan juga RM1 bilion. Jadi, dengan adanya kemudahan ini, banyak balai raya dan juga sekolah dan juga masjid sudah dapat kita baiki dan ceriakan.

Sebab, untuk makluman Tuan Pengerusi, sebenarnya balai raya luar bandar ini bukan sahaja untuk mesyuarat, tetapi kita juga guna untuk tuisyen dan kadang-kadang kita gunakan untuk kegiatan ekonomi seperti mengadakan makan ringan dan sebagainya. Cuma kalau boleh saya minta penjelasan, berapakah jumlah projek yang telah dilaksanakan dan juga peruntukan mengikut negeri. Berapakah projek yang telah siap, yang belum siap dan yang tak sempat dilaksanakan. Kemudian dari segi pemberian kemudahan asas kecil tadi iaitu di bawah PIAM dan PIAS, saya juga berharap pihak kerajaan dapat memberikan angka-angka mengikut negeri dan mengikut projek dan jumlah dia, serta berapa yang siap dan berapa yang belum siap? Berapakah kontraktor yang telah mendapat kerja-kerja berkenaan? Selain daripada itu, saya juga ingin mendapatkan penjelasan mengenai pemberian kemudahan projek khas. Apakah yang dikategorikan sebagai projek khas itu tadi?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Berapakah jumlahnya, apakah projek-projek yang boleh termasuk dalamnya? Dan dalam masa yang sama, saya juga hendak mencadangkan kepada pihak kerajaan, kalau boleh di bawah kemudahan asas kecil ini termasuk juga jalan-jalan ladang. Sebab sekarang ini banyak tanah terbiar yang ingin diusahakan oleh usahawan-usahawan tani. Selaras dengan usaha kerajaan untuk memartabatkan sektor pertanian. Dalam masa yang sama juga, saya hendak mencadangkan supaya dari segi pemantauan pelaksanaan projek-projek di bawah kategori tadi, dibuat dengan lebih teliti lagi. Kalau boleh, di peringkat daerah sekarang ini, kita ada Majlis Tindakan Daerah. Tetapi Majlis Tindakan Daerah ini dia punya jabatan agak banyak, sampai 30. 20 ke 30 jabatan.

Saya hendak cadangkan, kalau boleh ditubuhkan jawatankuasa kecil pemantauan yang juga melibatkan wakil rakyat dan juga Ahli Parlimen untuk memantau projek-projek yang dilaksanakan tadi secara berkala. Sama ada dua minggu sekali ataupun tiap-tiap minggu. Dan dalam masa yang sama juga, satu masalah yang dihadapi di peringkat daerah ialah bila projek ini turun daripada federal,

daripada pusat, kadang-kadang dia turun sekali gus. Tetapi yang hendak membuat spesifikasi kerja itu, *technician* nya tidak ramai.

Jadi kalau boleh ditambah bilangan kakitangan teknikal supaya dengan cara itu bukan sahaja kualiti projek dilaksanakan, dapat dijamin tetapi juga manfaatnya, *impact* dia kepada rakyat, lebih berkesan lagi. Jadi, seperkara lagi yang saya hendak sentuh ialah soal PUNB, 2290. PUNB ini, saya difahamkan sekarang ini banyak menjalankan banyak projek di bawah PROSPER. Tetapi manfaat ini kepada masyarakat luar bandar tidak begitu sampai.

Jadi, kalau boleh lebih banyak program ini yang membantu peruncit-peruncit di desa ini dipanjangkan ke peringkat luar bandar, supaya dengan itu usaha kerajaan untuk mewujudkan 150,000 usahawan seperti yang disarankan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan akan dapat dicapai. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *[Bangun]*

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** *[Bangun]*

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** *[Bangun]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Empat ya? Baik. Yang Berhormat bagi Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Akan diberi peluang ya, akan diberi peluang.

**3.35 ptg.**

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tiga perkara sahaja, ringkas. Maksud Bekalan 10, Butiran 030100. Tetapi saya hanya ingin hendak bertanya kepada Kementerian Kewangan, adakah Kementerian Kewangan akan membenarkan bank untuk memanjangkan lagi tempoh pinjam H&P, *hire and purchase* untuk membeli kenderaan atau kereta dan sebagainyalah? Dan apakah kesannya untuk jangka masa panjang, kepada keseluruhan rakyat negara kita? Bukan kesan dari segi industri kereta, tetapi kesan kepada rakyat Malaysia yang banyak berhutang, yang menanggung hutang yang lama dan dengan faedah yang tinggi, serta berkemungkinan juga boleh menyebabkan seseorang itu jatuh bankrap kerana nilai hutang yang besar sedangkan harga kereta menjunam.

Kedua ialah tentang Maksud B.10, Butiran 010300. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah pun mengarahkan agensi-agensi berkenaan. Tahniah juga kepada Kementerian Kewangan kerana banyak tender yang telah pun keluar di surat-surat khabar sebagaimana yang diumumkan, diiklankan. Tetapi kebanyakan tender tersebut adalah tender mereka dan bina ataupun dengan izin, *design and build.*

Tetapi persoalannya ialah, kenapa Kementerian Kewangan membenarkan JKR dan agensi lain, membenarkan *design and build* tanpa maklumat yang cukup seperti tidak ada maklumat tentang keadaan tanah, tidak ada maklumat tentang muka bumi seperti data, *survey* dan sebagainya? Dan ini akan menjejaskan harga sebenar serta akan berlaku ketidaktelusan kerana kemungkinan besar akan

berlaku pakat antara agensi pelaksana dengan kontraktor-kontraktor tertentu dan perunding tertentu yang telah pun sudah ada maklumat tersebut. Ataupun mereka boleh berpakat antara satu sama lain, sedangkan pada masa yang sama menafikan kontraktor-kontraktor yang juga ada perunding, tetapi tidak mampu hendak membayar perkhidmatan bagi mendapatkan maklumat asas seperti keadaan tanah dan muka bumi?

Akhir sekali, ialah saya juga ingin bertanya daripada Laporan Audit. Ini Maksud B.10, Butiran 030100. Daripada Laporan Audit yang sempat dibaca, banyak negeri berhutang dengan Kerajaan Pusat. Bagi Johor, tidak terkecuali. Tetapi saya hendak bertanya, berapa pula hutang pusat, hutang Kerajaan Pusat kepada negeri Johor? Berbanding dengan hutang Kerajaan Johor kepada Kerajaan Pusat? Sekian, terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *[Bangun]*

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** *[Bangun]*

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** *[Bangun]*

**Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi tiga, sekarang empat. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh bersedia untuk menjawab pada jam 4.00 petang. Yang Berhormat bagi Pendang.

**3.37 ptg.**

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh Butiran 020200 - Pengurusan Pinjaman, Pasaran Kewangan dan Aktauri. Sebenarnya, penubuhan Bank Islam adalah untuk memberi kemudahan kewangan kepada masyarakat Islam terutamanya. Tetapi apa yang berlaku mutakhir ini adalah tentang perubahan dasar kepada pinjaman *murabahah*. Saya mendapat banyak masalah daripada peminjam-peminjam *murabahah* tentang dasar yang telah diubah oleh CEO Bank Islam yang baru ini.

Sebelum ini mereka telah mengenakan selama 6 bulan ataupun 180 hari, kadar bayaran mengikut tarikh pinjaman yang telah dibuat terhadap bil-bil yang telah diserahkan kepada Bank Islam. Tetapi dengan perubahan dasar yang baru ini, bil-bil yang pertama di dalam pinjaman tersebut. Contohnya begini, dia membeli barangan tersebut pada bulan Januari, kemudian membuat pinjaman pada bulan Mei. Maka dia terpaksa membayar 6 bulan daripada bulan Januari. Maknanya bulan Julai, dia terpaksa membuat bayaran.

Maknanya kalau sebelum ini, dasar yang lama mereka menggunakan tarikh enam bulan adalah daripada tarikh pinjaman. Misalnya, pada bulan lima dia buat pinjaman, maknanya pada bulan dua belas baru dia memberikan bayaran balik terhadap pinjaman yang dibuat. Jadi, dengan dasar yang baru ini menggunakan tarikh bil pembelian barangan pada tarikh yang mula-mula itu, cukup membebankan para peminjam. Maksudnya, jika sekiranya dia membeli RM50,000 pada bulan Januari, maknanya pada bulan Julai, walaupun dia membuat pinjaman pada bulan Mei, dia terpaksa

membayar, hanya dua bulan selepas pinjaman itu dibuat. Jadi, saya harap pihak Bank Negara memerhatikan perkara ini dan mendapat penyelesaian terhadap masalah yang ditimbulkan oleh peminjam-peminjam *murabahah* melalui Bank Islam ini.

Yang keduanya tentang *e-banking*. Walaupun kita menggunakan sistem *streamyx* yang dibekalkan oleh Telekom Malaysia, tetapi kadang-kadang sistem *streamyx* di setengah-setengah tempat terlalu perlahan. Masa maksimum yang diberikan terhadap sesuatu urusan itu adalah 2.4 minit.

Maknanya apabila kita telah mengadakan satu *transaction* melebihi kadar ini *window* ataupun tingkapnya akan ditutup dan kita dapati daripada akaun kita sudah dikurangkan jumlah transaksi tersebut tetapi mereka yang dimasukkan transaksi tersebut tidak mendapat jumlah kewangan tersebut.

Jadi saya ingin tahu ke manakah wang yang telah kurang daripada akaun kita ini pergi kerana walaupun seminggu kita menyemak akaun kita tersebut tetapi transaksi yang telah kita buat tidak sampai kepada akaun yang kita masukkan tersebut. Jadi saya rasa itulah dua kepala yang ingin saya sentuh. Terima kasih.

**3.40 ptg.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 010300 Pengurusan Perolehan Kerajaan, di mana adalah bertanggungjawab untuk memastikan perolehan kerajaan adalah terbaik, paling menguntungkan dan diuruskan dengan cekap, tulus dan saksama. Saya ingin tahu apakah dasar yang sedang dipakai oleh pihak kerajaan berhubung dengan syarikat-syarikat yang boleh mendapat perolehan dari pihak kerajaan sebab baru-baru ini di Negeri Perak, Kerajaan Negeri Perak ada menetapkan bahawa Kerajaan Negeri dan agensi-agensi diwajibkan untuk mendapat perolehan mereka.

Dalam kes ini alat-alat tulis dari syarikat-syarikat yang mempunyai ekuiti 100% bumiputera dan tidak membenarkan perolehan didapati melalui syarikat-syarikat yang tidak mempunyai pegangan seperti ini. Ini satu dasar yang amat memeranjatkan dan saya rasa menyimpang dari dasar yang sedia wujud dan sekiranya dasar ini diamalkan saya rasa ramai akan terjejas oleh dasar yang diamalkan oleh kerajaan. Saya berharap dari segi peringkat kerajaan, dasar ini tidak dipakai.

Walau bagaimanapun, saya akan mengucapkan terima kasih sekiranya penjelasan berhubung dengan ini dapat diberikan oleh pihak kementerian. Mengikut butir-butir yang didapati dalam buku belanjawan ini, kementerian mendapat 350,000 permohonan pendaftaran syarikat dan firma perunding untuk menjadi syarikat-syarikat yang membekal ataupun mendapat perolehan dari pihak kerajaan iaitu pada tahun 2005 dan dianggarkan pada tahun 2006 dan 2007 masing-masing juga mempunyai bilangan yang sama iaitu 355,000 firma ataupun syarikat.

Saya rasa ini satu angka yang amat besar memandangkan di dalam Suruhanjaya Syarikat pun tidak ada begitu banyak syarikat yang didaftarkan sedangkan di dalam butir-butir ini menunjukkan hampir 700,000 syarikat yang memohon berdaftar sebagai syarikat dan firma perunding untuk

membekalkan barang-barang kepada kerajaan ataupun Kementerian Kewangan yang mengurus perolehan kerajaan.

Saya juga ingin membangkitkan Butiran 030200, pelaburan MKE dan penswastaan di mana kementerian bertanggungjawab untuk menentukan kepentingan kewangan kerajaan dan pelaburan kerajaan dalam syarikat-syarikat korporat. Saya ingin membangkitkan satu kes yang saya rasa tidak patut berlaku iaitu Syarikat JKP Sendirian Berhad sebuah syarikat bawah *Finance Ministry Incorporated*. Pada akhir tahun lepas telah memperoleh sebuah bangunan di Jalan MacAlister Pulau Pinang daripada Amanah Capital Berhad. Bangunan itu terletak di Jalan MacAlister yang diberikan nama Menara UMNO Pulau Pinang dan selepas ia diambil alih oleh JKP Sendirian Berhad, sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Kementerian Kewangan *incorporated*. Mengapa bangunan ini yang sepatutnya dimiliki oleh JKP Sendirian Berhad masih dikenali sebagai Menara UMNO. Mengapa satu harta benda yang dimiliki oleh pihak kerajaan ataupun anak-anak syarikat berkaitan kerajaan bolehlah masih dianggap sebagai Menara UMNO Pulau Pinang. Saya berharap Timbalan Menteri dapatlah memberi penjelasan terhadap perkara ini untuk membuktikan ketulusan dan amanah yang diberikan dapat digunakan dengan sebaiknya.

Butiran 050000 – Perkhidmatan Penilaian. Tuan Pengerusi, saya sekali lagi membangkitkan berhubung dengan Penang Outer Ring Road iaitu tanah-tanah di Changkat Delima, Island Glades, Pulau Pinang yang perlu diambil alih untuk projek sedang dalam peringkat pengambilan tanah dan penilaian nilai tanah-tanah yang ingin diambil alih oleh pihak kerajaan. Saya ada membangkitkan tanah-tanah yang dimiliki oleh sebuah Syarikat Song Kota Sendirian Berhad diberi pampasan yang di bawah nilai pasaran sebab mengikut Jabatan Perkhidmatan Penilaian Hartanah memang itulah harga yang perlu diberi kepada syarikat sedangkan tanah-tanah yang terletak bersebelahan tanah yang dimiliki oleh syarikat ini yang juga diambil alih untuk projek ini diberikan nilai RM100 satu kaki persegi berbanding dengan RM50 yang ditawarkan kepada syarikat ini yang juga banyak di bawah nilai pasaran sebanyak RM150 satu kaki persegi. Jadi saya rasa ini berlaku ketidakadilan kepada pemilik-pemilik tanah yang perlu menyerahkan tanah mereka untuk kegunaan awam. Dalam kes ini untuk satu projek jalan raya tetapi jabatan ini tak tahu mengapa boleh memberikan satu penilaian yang jauh lebih rendah dari nilai pasaran.

Saya juga ingin membangkitkan 020500 - Subsidi Gas Cecair, Diesel dan Petrol. Pada masa kerajaan mengumumkan kenaikan harga, kerajaan menyuarakan hasrat untuk menggunakan penjimatan daripada subsidi yang dianggarkan RM4.4 bilion ini untuk tujuan menaik taraf dan membaik pulih sistem pengangkutan awam di negara ini. Saya ingin tahu dan saya melihat dalam butiran 16000 – Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam cuma RM500 juta diperuntukkan di bawah butiran ini. ini jauh lebih rendah dari apa yang dijanjikan oleh pihak kerajaan RM500 juta berbanding dengan RM4.4 bilion.

Jadi saya berharaplah kerajaan yang selalu melaung-laungkan kecekapan, keprihatinan kerajaan terhadap rakyat dapatlah mengotakan janjinya kepada rakyat. Saya ingin tahu dari RM500 juta yang diperuntukkan di bawah Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi butir-butir terhadap bagaimana wang yang diperuntukkan di dalam kumpulan wang ini akan digunakan dan akhirnya mengenai 022100 dan 022000 - Pemberian Kemudahan Asas Kecil dan Pemberian Kemudahan Projek Khas masing-masing diperuntukkan RM1 bilion. Saya rasa peruntukan ini amat besar dan kemungkinan akan digunakan seperti butiran kepala ini untuk kemudahan asas kecil dan projek khas.

Tetapi memandangkan peruntukan ini amat besar, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri juga dapat memberi butir-butir bagaimana peruntukan ini dapat digunakan. Sebab biasanya apabila kita lihat projek khas dan kemudahan kecil, kita dapat membayangkan ini kemungkinan semata-mata menjadi satu tabung politik kepada Barisan Nasional mengaut sokongan di kalangan rakyat jelata melalui projek-projek khas yang selalunya tidak dapat dipantau dengan sebaik-baiknya oleh pihak-pihak yang lain. Jadi, saya berharap kementerian dapat memberi penjelasan terhadap apakah butir sebenarnya di bawah pemberian kemudahan asas kecil dan juga kemudahan projek khas. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, saya benarkan dua Ahli Yang Berhormat dan saya dahulukan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching dan selepas itu Yang Berhormat bagi Batu Kawan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya akan bangkitkan tiga perkara. Perkara pertama adalah mengenai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya telah menerima aduan daripada orang ramai bahawa *the manner with which* Pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri menjalankan operasi mereka atau menjalankan *raids* mereka adalah terlalu kasar dan tidak bersopan-santun. Saya haraplah tabiat ini boleh diperbaikilah kerana memanglah membayar cukai adalah tanggungjawab rakyat Malaysia, tetapi sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri semasa menjalankan *raids* atau menjalankan operasi haruslah bersopan-santun terhadap peniaga-peniaga.

Keduanya adalah juga tentang operasi. Saya juga ada menerima aduan bahawa selepas operasi dijalankan, ada *third party* yang SMS kepada peniaga-peniaga yang di *raid* ini, *offer price for settlement* untuk '*kautim'*. Itu bukan satu sahaja aduan, ada beberapa aduan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, '*kautim'* itu dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, Yang Berhormat faham kah?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat faham, saya juga faham. Itu untuk rundinglah, runding. Kalau awak bayar satu jumlah wang kepada *third party*, boleh selesai perkara ini. Adakah ini benar? Kenapa *raids* atau operasi-operasi Lembaga Hasil Dalam

Negeri, bukankah ia perlu dirahsiakan? Seharusnya dirahsiakan. Kenapa ada *third party* yang *offer settlement price? So,* saya berharaplah agar kementerian boleh meneliti perkara ini.

Ketiganya adalah tentang EPF. Saya baca daripada *The Edge*, September *issue*. Mengenai ada satu cadangan bahawa EPF bercadang untuk membeli 32% *stake of* RHB Bank, yang dimiliki oleh Utama Banking Group. O*ffer price* nya adalah RM1.10 dan Utama Banking Group tidak sudi menjualkan sahamnya di RHB Bank pada harga RM1.10. Oleh itu perkara ini masih dalam perbincangan. Tapi apa yang sangat saya bimbangkan adalah orang yang di belakang Utama Banking Group adalah Ketua Menteri Sarawak, Taib Mahmud. Sebagai seorang *politician* yang begitu berpengaruh, saya takutlah mungkin dia akan mempengaruhi EPF supaya memberi syer Utama Banking Group dalam RHB pada harga yang lebih tinggi daripada yang seharusnya dijualkan. Saya akan *quote* di sini tentang pengaruhnya, "*A season politician, Taib is describe as one of the few people who command the respect of Prime Minister, Datuk Sri Abdullah Badawi and his criticizes Tun Dr. Mahathir. During Mahathir's tenure, Cabinet Ministers and seniors civil servants who faced Mahathir rather meekly. Taib was one of the few who could walk into his office and hold a discussion with Prime Minister...*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini laporan akhbar.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *No, no*. Apa yang dikatakan *quote*, *says a politician who is a former minister*. Itu adalah pengaruhnya. Apa yang saya nak tunjukkan adalah sebagai seorang Ketua Menteri Sarawak, *a large part of 'tides' influence stands from the factor he is the leader of the coalition of political parties that collectively hold 28 seats in Parliament which is more than 10% of the total number.*

Saya berasa bimbang kerana dengan pengaruh yang begitu besar mungkin EPF akan dipengaruhi supaya membeli saham Utama Banking Group dalam RHB Bank pada harga yang lebih tinggi daripada yang seharusnya dibeli oleh EPF. Sekarang *offer price* dari EPF adalah RM1.10 per syer. Dan syernya adalah *fully diluted refers to UBG's 32% interest in RHB Bank that amounts are RM200,260 million share. Its irredeemable, unconvertible and unsecured loans stocks of class A and class B, that amount to RM800,20 million shares in total after the conversion. UBG's interest in RHB Bank is estimated at about RM1 billion shares. So*, apa yang saya kata ini adalah beratus-ratus milion. Saya haraplah EPF semasa, kalau ada apa-apa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh gulung.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya, apa-apa *decision* (keputusan) untuk membeli saham ini janganlah dipengaruhi oleh *political factor in this commercial view.* Terima Kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat lihat kurang sihatlah, boleh pergi jumpa doktor dan balik rehat. Yang Berhormat bagi Batu Kawan dan selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sini, sini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sini, sini, saya tahu tapi keputusan sudah dibuat.

**Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Butiran 010100 – Pengurusan Am. Memang salah satu dari objektifnya adalah untuk mengawal dan mengurangkan perjudian. Berhubung dengan masalah ini, tadi seperti mana disebut oleh Yang Berhormat bagi Jasin dan juga Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, saya memang mempunyai pandangan yang sama. Tuan Pengerusi, saya amat hairan kerana buat masa kini, bila ada taman-taman perumahan baru dibina, tiba-tiba selepas dua, tiga minggu kemudian nampaknya ada cawangan-cawangan baru seperti Magnum, Toto dan Da Ma Cai mula beroperasi di sana. Saya pernah tanya Kementerian Kewangan macam mana perkara ini berlaku. Adakah lesen baru-baru dikeluarkan dan mengikut jawapan dari Kementerian Kewangan memang tiada lesen baru yang dikeluarkan. Maka saya pun pernah cakap dalam Bajet, kalau lesen yang bukan Kementerian Kewangan yang keluarkan, siapa yang keluarkan? Mungkin hantu kot.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan nombor ekor ini iaitu Magnum, Toto dan Da Ma Cai sememangnya membawa banyak masalah kepada kita sebagai wakil rakyat. Khasnya seperti di kawasan saya di perkampungan-perkampungan cina di mana suri rumah-suri rumah, kadang-kadang dia ada tulis sikit-sikitlah. Bila tulis sikit-sikit, polis mari tangkap, bila tangkap, dia dibuang daerah. Tangkap dibuang daerah dan diletak di Simpang Renggam. Di mana di kawasan saya pun pernah berlaku suami isteri, dua-dua sekali dibuang. Ditangkap kedua-dua sekali. Maka tinggal anak di rumah dan anak itu pun cacat. Yang itu ialah masalah dialah. Saya minta Kementerian Kewangan memberi satu penjelasan kepada sayalah dan juga lesen ini seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tadi, yang memang dimonopoli oleh orang-orang yang tertentulah.

Saya pun bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin. Kalau Kementerian Kewangan tidak boleh selesaikan perkara ini, maka kita minta tutup sahajalah. Habis cerita. Senang begitu.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya juga hendak bangkitkan ialah berhubung dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat sentuh tadi pasal Genting Highlands. Genting Highlands ini ada minat sedikitlah. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat memang ramai yang membunuh diri di sana. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, di Genting Highlands memang tempat perjudian di masa dulu ialah di antara Highlands Hotel dengan Genting Hotel. Tetapi kini saya dapati di First World pun dijadikan sebagai satu tempat perjudian. Memang di First World sana dikhaskan sebagai tempat untuk *family entertainment* sahaja. Saya tidak tahu macam mana ia dijadikan sebagai satu tempat perjudian.

Sebagaimana yang dikatakan tadi, salah satu daripada objektif kerajaan ialah untuk mengawal dan mengurangkan perjudian, saya minta kementerian memberi satu penjelasan bagaimana ia boleh berlaku. Kementerian kata kawal perjudian tetapi sebaliknya ditambah. Maka saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mohon menyokong. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, Baiklah. Timbalan Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Pengerusi, saya hendak tanya satu soalan sahaja. Boleh beri 30 saat?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tanya soalan kah?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Rayuan, saya hendak 30 saat sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Mengapa tadi tidak bangun.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sibuklah hari ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sibuk, ya?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, sibuk. 30 saat sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya memang baik hatilah. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor faham, ya?... *[Ketawa]* Lain kali keputusan dibuat oleh Speaker semua beri sokonglah, termasuk Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Baiklah, satu minit.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hanya hendak merujuk kepada surat yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 1 September 2005 yang mana berkenaan dengan perolehan lampu jalan, lampu hiasan dan lampu luar bangunan bagi projek-projek kerajaan yang mana surat pekeliling ini menghendaki semua agensi kerajaan dapat menempah lampu jalan, lampu hiasan dan semua lampu berkenaan dari tiga syarikat sahaja iaitu Amat Sinar Sdn. Bhd. dari Batu Caves, Permintex Electronics Sdn. Bhd. dari Kedah dan juga Muarlite Industries Sdn. Bhd. dari Muar.

Ini adalah satu syarat mandatori. Saya menerima banyak aduan daripada syarikat-syarikat *lighting* - industri lampu, mereka bertanya kenapa kerajaan hanya mengehadkan agensi kerajaan memperoleh lampu daripada tiga syarikat ini sahaja. Tiga syarikat ini pun mereka bukanlah syarikat yang begitu besar. Mereka juga tertanya-tanya, kalaulah syaratnya ialah syarikat bumiputera terdapat banyak juga syarikat bumiputera lain, kenapa hanya pilih yang ini sahaja. Apakah sebabnya? Mereka kata dalam negara kita terdapat lebih kurang seribu pembekal lampu dan juga lebih daripada tiga ribu *manufacturer* yang utama. Jadi mengapa tiga syarikat ini sahaja.

Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu penjelasan yang memuaskan kepada kita di Dewan ini. Adakah arahan ini diteruskan lagi dan apakah sebabnya? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

**3.04 ptg**.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Penghargaan kementerian yang tidak terhingga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu peka dan prihatin dan bersungguh-sungguh untuk mengutarakan pandangan mereka dan isu-isu yang dianggap penting yang merangkumi perbelanjaan di bawah Kementerian Kewangan seperti mana yang dipaparkan.

Yang Berhormat bagi Beluran yang telah memulakan perbahasan ini telah menimbulkan beberapa perkara. Pertamanya ialah dari segi e-perolehan, memang terdapat peruntukan RM3 juta yang dibuat untuk memantapkan lagi sistem e-perolehan ini dan ditanya sama ada tahap pencapaian hari ini memuaskan hati kita atau tidak. Untuk makluman, e-perolehan ini merupakan satu sistem yang sentiasa perlu diperkukuhkan, perlu diperbanyakkan penggunaannya. Kita umpamanya mempunyai 2,679 buah pusat tanggungjawab ataupun *service call centre* di seluruh negara dan buat hari ini sebanyak 971 telah pun menggunakan sistem e-perolehan ini dan jumlah bagi tahun ini ialah RM1.2 bilion yang melalui sistem e-perolehan dan dijangkakan pada tahun hadapan sebanyak 500 buah lagi PTJ ini akan mengambil bahagian.

Proses ini semestinya memakan masa kerana perlunya diberi latihan dan pendedahan kepada pengguna-pengguna e-perolehan ini bukan sahaja kepada syarikat-syarikat yang akan mengambil bahagian tetapi kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di PTJ berkenaan. Maka, kalau kita lihat ada perubahan dan pembaikan, dan masih lagi dimantapkan.

Keduanya ialah isu yang ditimbulkan mengenai pinjaman kereta pada kadar 4% yang ditimbulkan dan disoal sama ada oleh kerana kadar pinjaman yang diberikan oleh syarikat-syarikat kewangan hari ini pun nampaknya semakin dikurangkan bahkan mungkin ada yang memberi tawaran yang kurang daripada 4%. Apakah kerajaan masih lagi mempertahankan kadar 4% ini. Buat masa ini memang kadar ini 4% tetapi perlu diingatkan bahawa kadar 4% ini berdasarkan kepada baki yang ada bukannya 4% *flat.* Kadangkala apabila kita kata kadar faedah iaitu *interest rate*, yang dikenakan ini ia bergantung, ia *monthly rest* kah*, six monthly* dan sebagainya.

Jadi, kalau kita kira pembayaran yang dibuat secara yang ditetapkan, maka semakin lama kadar faedah itu semakin kecil kerana baki yang masih lagi tertunggak itu kecil. Kalau dikira *effective rate* nya, dengan izin adalah jauh kurang dari 4%. Ia dikira lebih dalam lingkungan 2% atau 2.5%. Ini sememangnya agak kompetitif lagilah berbanding dengan yang diberikan oleh institusi kewangan.

Institusi kewangan ini juga kita faham bahawa ia berada dalam suasana *competition* pada hari ini, dengan izin, maka ia akan mencari kaedah, mencari insentif tetapi ini merupakan jangka masa pendek. Ia tidak akan kekalkan kadar faedah yang begitu rendah ini untuk selama-lamanya ataupun untuk jangka masa yang panjang kerana ini akan merugikan mereka.

Tentang soal perumahan rakyat iaitu PPR ini, yang ditimbulkan, yang melibatkan siling RM75 ribu dan sebagainya, saya minta maaf kerana ini sebenarnya berada di bawah Kementerian Perumahan khususnya Jabatan Perumahan Negara. Mungkin bila masanya tiba nanti, mungkin soal yang lebih khusus ini boleh ditimbulkan.

Saya juga ingin...

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Tetapi Jabatan Perumahan Negara berpandukan kepada siling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan bererti Kementerian Kewangan yang meletakkan siling itu. Saya tidak tahu macam mana, tetapi mungkin ...

**Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin:** Mungkin kita boleh bincanglah kalau siling yang menjadikan masalah. Tetapi saya dapati tadi Yang Berhormat sebut bukan sahaja siling, soal pembinaan rumah yang empat tingkat di luar bandar dan sebagainya ini juga merupakan masalah. Mungkin kita boleh ambil perhatian dan bincang antara jabatan.

Satu lagi ialah tentang *fuel surcharge* ini yang ditimbulkan dan banyak perbincangan mengenai tambang kapal terbang MAS, AirAsia dan harga minyak yang turun naik dan sebagainya, apakah surcaj ini akan terus dikekalkan. Pertamanya juga soal ini adalah soal operasi syarikat-syarikat penerbangan ini adalah berada di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan.

Namun begitu, oleh kerana saya tahu sedikit sebanyak tentang masalah tambang ini, memang seperti mana yang dicelah oleh Yang Berhormat bagi Jasin itu, kalau kita hendak terbang ke London umpamanya, kalau melalui Singapura ataupun Brunei mungkin jauh lebih murah daripada penerbangan ke London melalui MAS kita, bahkan katanya Emirates pun boleh menjamin harga yang lebih murah. Tetapi sebenarnya ini adalah merupakan *pricing strategy* syarikat-syarikat. Kita kena faham bahawa syarikat-syarikat penerbangan ini begitu *competitive*, begitu bersaing.

Jadi, bagi Singapore Airlines atau SIA, dia cuba mengambil penumpang-penumpang dari tempat lain sebagai penumpang tambahan. Bermakna ia akan beri insentif kepada penumpang dari Kuala Lumpur. Begitu juga sebenarnya kalau bagi rakyat Singapura, kalau dia datang ke Kuala Lumpur, naik kapal terbang MAS kita ke luar, mungkin jauh lebih murah daripada SIA. Memang strateginya begitu, ia hendak ambil daripada pasaran lain. Pasarannya dikira sudah agak *captive*, tidak ada pilihan banyak, jadi soal *pricing* ini memang agak rumit sedikit. Pelbagai permutasi.

Bahkan saya diberitahu bahawa kalau ada 200 penumpang dalam sebuah kapal terbang, besar kemungkinan 200 orang ini membayar tambang yang berbeza-beza. Ada perubahan, bergantung kepada tiket di mana beli, bila beli, *booking* berapa orang dan sebagainya. Jadi, kita tidak boleh mengatakan bahawa MAS ini semestinya mengenakan bayaran yang lebih mahal daripada syarikat-syarikat lain dan banyak lagi, bergantung kepada masalah-masalah yang berhubung kait dengan penerbangan.

Buat masa ini surcaj ini juga bukan ditetapkan oleh MAS, bahkan ia ditetapkan oleh lima syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa, termasuklah Singapore Airlines dan sebagainya dan kita cuma mengikuti surcaj tersebut supaya kita juga tidak ketinggalan atau kerugian, memandangkan harga kenaikan minyak yang begitu tinggi.....

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Yang Berhormat! Sedikit sahaja.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Yang Berhormat, duduklah dahulu banyak.....

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Surcaj.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Sekejap, surcaj ini masih dikira sedang berada dalam lingkungan, iaitu *range* nya dan mungkin kalau sudah terkeluar daripada *range* tersebut, dari segi harga minyak dan sebagainya, sudah pastinya ia akan dikaji semula. Ini kerana ia merupakan bukan

sahaja amalan MAS tetapi amalan syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa yang lain, yang berada dalam keadaan persaingan seperti ini. Masing-masing kalau boleh ingin mengurangkan harga penerbangan mereka. *Okaey*, Yang Berhormat. Tidak sudah, cukup.

Yang Berhormat bagi Serdang ada menimbulkan beberapa masalah, isu yang agak penting tetapi dia sudah tidak ada di sini. Pertamanya, dari segi masalah peti keselamatan. Memang kita dapati semasa cuti Hari Raya baru-baru ini berlaku pemecahan bank, *bank break-in* yang tidak disangka-sangka. Di koreknya lubang daripada bangunan tingkap tiga, kalau tidak silap saya dan turun ke bawah sehinggalah dapat memecah *strong room* dan mengambil peti-peti ini. Ia melibatkan kerugian.

Ini sebenarnya dalam perbincangan antara pihak bank dan juga pelanggan-pelanggan. Saya difahamkan bahawa pelanggan-pelanggan secara kolektif sedang berhubung. Memang dinyatakan oleh Yang Berhormat sendiri bahawa dalam kes-kes sebelum ini, sudah ada presiden umpamanya, mahkamah telah menentukan, oleh kerana berlakunya masalah seperti ini kadang kala bank terpaksa membayar kerugian tersebut.

Kita masih menyerahkan kepada pihak bank, dan Bank Negara serta pelanggan untuk menentukan keadaan ini dan saya rasa kita mempunyai ruang-ruang dan saluran-saluran yang mencukupi supaya masalah ini dapat diselesaikan dengan baiknya. Kita diminta oleh Yang Berhormat tadi, mengapa kes ini masih berlaku, sudah lama, sudah banyak kali. Memanglah saya nampak kes-kes jenayah ini - memang tidak ada seseorang yang ingin, yang mahu kepada kes ini berlaku.

Apa juga tindakan, apa juga langkah-langkah yang diambil, ia masih berlaku. Pembunuhan masih berlaku, walaupun kawalan kita semakin rapi, rompakan pun berlaku, *hijacking*. Apa lagi yang kita tidak buat? Dari segi *hijacking* ini, kawalan dan sebagainya masih juga berlaku. Jadi, begitu jugalah, saya rasa dengan pecahan bank ini dan sebagainya. Bukan kita merasakan ianya tidak penting untuk dikawal tetapi di samping kawalan-kawalan, pengetatan dan sebagainya maka ianya masih berlaku.

Saya dimaklumkan bahawa masa cuti baru-baru ini, tindakan khusus diambil untuk memperketat kawalan ATM-ATM supaya tidak berlaku masalah. *Alhamdulillah*, secara keseluruhannya tidak ada masalah di situ. Tiba-tiba apa yang berlaku ialah masalah lain pula iaitu peti simpanan ini.

Soal Indah Water dan juga Alam Flora, ini banyak ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi. Sememangnya memang peruntukan diberi, kadang kala melalui Kementerian Kewangan, kadang kala melalui kementerian-kementerian yang bertanggungjawab seperti Alam Flora melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Indah Water ini melalui Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

Sebenarnya peruntukan sebanyak RM150 juta yang diberikan ini dan tahun depan dijangka RM200 juta ialah untuk menampung kerugian seperti mana yang termaktub dalam perjanjian penswastaan. Jadi, ini merupakan tanggungjawab kerajaan yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan,

ditetapkan dalam perjanjian penswastaan dan kita hanya mengikuti perjanjian tersebut seperti mana yang dikehendaki olehnya.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, saya nampak Yang Berhormat, saya masuk tadi dia tidak ada, baru masuk sebab dia ingat saya tidak hendak jawab soalannya. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, pertamanya saya hendak nyatakan bahawa isu-isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ini adalah isu-isu penting. *[Disampuk]* Isu-isu nasional, isu-isu *competitiveness*, persaingan antarabangsa, memang penting tetapi soalnya ini adalah merupakan soal-soal dasar... *[Disorak]* Soal-soal yang tidak seharusnya saya sentuh dalam jawapan ini.

Bukan saya menidakkan perkara-perkara ini tetapi tidak perlulah saya jawab di sini kerana semuanya adalah perkara-perkara yang sememangnya menjadi hasrat dan cita-cita kerajaan kita supaya negara kita terus menjadi negara yang kompetitif, yang bersaing penuh untuk kita mencapai Visi Nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan. Tanpa persaingan ini kita tidak boleh. Cuma soal Yang Berhormat dok bandingkan Indonesia dengan Malaysia, malulah kita Yang Berhormat, Indonesia pun hendak lawan kita.

Jadi, memanglah ada sekali-sekala adalah lebihnya Indonesia, bukan kita hendak menafikan. Ada masanya Indonesia pun negara juga, orang juga.... *[Disorak]* Yang Berhormat ingat, Yang Berhormat sahaja kah orang, yang lain pun orang juga, jadi dia pun hendak juga sedikit sebanyak kelebihan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan, Indonesia.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Hantam sama dia.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Beri penjelasan. Memanglah tidak patut kita di satu keadaan di mana Indonesia pun boleh kejar. Semalam dalam masa soal jawab, ada satu soalan, kenapa kita mengiktiraf ijazah-ijazah, universiti-universiti Indonesia? Dan, Setiausaha Parlimen kata, oleh kerana taraf ijazah-ijazah universiti setaraf dengan Malaysia, bukankah ini menujukan sudah kejar. Malu kepada Malaysia, Malaysia sepatutnya setaraf dengan *first university in the world,* Oxbridge, Harvard, tetapi sekarang boleh dikejar oleh Indonesia. Kalau kita tidak berjaga-jaga dan berwaspada, bukan sahaja dalam *good governance*, bukan sahaja FDI, Indonesia pun akan kejar, sebab itu patutlah kita berwaspada.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Barangkali Yang Berhormat sudah lupa ataupun tidak begitu peka dengan konsep *prosper thy neighbour*. Ada pernah dengar Yang Berhormat? *Prosper thy neighbour* ini bukannya *beggar thy neighbour* seperti mana Yang Berhormat mungkin lebih arif, iaitu kita harus bekerjasama. Kita harus bergembira melihat rakan-rakan kita berjaya, kita harus bergembira melihat rakyat Indonesia yang beratus juta yang merupakan rumpun bangsa kita juga berjaya. Mengapa kita harus pergi ....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Jangan putar belit, jangan putar belit. Penjelasan.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Jangan kita..... *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kita tidak mundur tetapi negara kita maju.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Ya, kita bersama mereka.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Okay*, penjelasan.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Bukan sahaja secara fizikal tetapi secara hati, jiwa, sanubari kita.... *[Dewan riuh seketika]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Bubuh, bubuh!... *[Dewan riuh seketika] [Tepuk]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Okay*, penjelasan. Baik..

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Ya, *okay*.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan, saya bersetuju *prosper thy neighbour* bukan *bagger thy neighbour*. Saya mahu lihat kemakmuran dalam Indonesia bahawa rakyat di Indonesia pun saya tidak mahu menggunakan serumpun tetapi semua jiran kita bahawa mereka pun boleh dapat menikmati kekayaan, kesejahteraan, betul. Bukan *beggar thy neighbour* tetapi sungguhpun begitu tidak bererti bahawa kita tidak memperbaiki kedudukan kita dalam persaingan bahawa kita mundur, kita mahu Indonesia kaya bukan bererti kita perlu mundur supaya Indonesia boleh setaraf dengan Malaysia.

Yang pertama bahawa kita perlulah ada *excellence advantage*, jangan hilang itu kalau begitu adakah itu bererti bahawa kalau kita mahu tengok kemajuan di Indonesia kita berhenti daripada kemajuan kita sendiri, kita tunggu.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Yang Berhormat…., kita tidak pernah…..

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jawab sekalilah Yang Berhormat, boleh jawab sekali? Jawab sekali, jawab sekali.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Tidak payah…, tidak payah. Tunggu, tunggu, tunggu, tunggu. Jangan, jangan Bung, jangan kacau saya...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Ketawa] [Kembali duduk] [Dewan riuh seketika]*

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Kita tidak pernah menyatakan bahawa kita terpaksa berhenti, kita terpaksa berundur ke belakang untuk memimpin rakan kita bersama. Yang Berhormat yang sekian lama dalam Dewan ini mungkin mengetahui semasa saya kecil-kecil dahulu kalau kita lihat dalam bidang pendidikan pelajaran sekolah menengah, guru-guru sains yang kita ada untuk mengajar pelajar-pelajar kita di sekolah-sekolah menengah dahulu adalah guru-guru dari Indonesia. Kalau kita ingat itu sebagai kelebihan mereka, kemunduran kita maka ini salah kerana sekian lama 20 tahun sejak masa itu 30 tahun masa itu, tidak bererti kita lebih mundur daripada Indonesia.

Walaupun mereka datang menjadi guru-guru kita, walaupun kita pergi belajar bidang-bidang perubatan dan pergigian dengan mereka tidak semestinya kita mundur. Kita bersama Yang Berhormat

dalam era globalisasi ini kita harus bersama, kita bersama untuk menegakkan pertamanya negara kita, keduanya *region* kita, rantau kita. Jadi apa salahnya yang baik Indonesia kita akui dia lebih baik dan kadang-kadang dia baik, masa-masa kita baik bukan sahaja dengan Indonesia, dengan China, ada China yang baik ada juga kita yang baik. Jadi janganlah kita kalau ada masalahnya apabila kita tengok satu benda sahaja dan tabie' pembangkang ini bila tengok yang satu lagi yang itulah yang dia hebohnya. Oh, kita sudah runtuhlah, kita sudah kurang lagi, *integrity index* kita sudah turun tetapi kalau *index* yang Malaysia naik, dia tidak pernah sebut....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Dia tidak pernah sebut, memang saya di sini tidak hendak mempertahankan bahawa kita ini sudah hebat semuanya. Tetapi tidak, kita masih mempunyai ruang tetapi janganlah kita terlalu membandingkan diri kita dengan jiran-jiran kita sehingga boleh mengecilkan hati mereka. Tidak akanlah Indonesia masuk sedikit pelaburan asing yang kita nampak lebih sedikit daripada... Oh! Ini kita sudah teruk, kita sudah ke belakang. Jangan bersifat begitu, pelabur asing ini Yang Berhormat, dia ada pelabur asing yang baru masuk. Dia ada pelaburan asing yang sudah sekian lama berada di negara kita dan negara kita ini yang berjaya menarik pelaburan asing yang sekian banyak, sekian lama bertahun-tahun, dia ada komponennya yang dipanggil *reinvestment*.

Pelaburan ini yang dipusingkan semula daripada keuntungan-keuntungan dan ini juga sebahagian daripada pelaburan asing dan kalau kita kira bukan sahaja yang baru masuk itu, yang ada yang dilaburkan semula dan kalau kita kira campur-campur inilah yang memberi kekuatan kepada kita kerana kita sudah mempunyai pelaburan asing yang sekian lama, yang sekian banyak. Berpuluh-puluh tahun maka sudah tentulah *reinvestment* kita ini, jauh lebih besar daripada negara-negara yang baru dapat menerima pelaburan asing ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, harap…, saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada niat jahat apabila dalam jawapan beliau, bererti…, bermaksud bahawa saya mahu Indonesia terus mundur. Amaran saya bukan sahaja tuju sebut sahaja Indonesia, saya kata Thailand pun saya ada kata, Vietnam pun mereka maju dan tentu kita suka hati bahawa mereka maju tetapi bukan atas bahawa kemunduran Malaysia dan kalau sikap Yang Berhormat ada ditunjukkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah itu bererti apabila Indonesia, atau Thailand atau Vietnam sudah kejar dan lebih depan daripada Malaysia kita patut *celebrate*, sangat gembira bahawa Indonesia sudah kejar, bukankah itu satu sikap yang mentaliti dan yang tidak baik demi kepentingan Malaysia. Bukan kita mahu Indonesia mundur atau Thailand atau Vietnam tetapi kita patutlah untuk kebaikan negara terus di depan lebih depan pun.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Ipoh Timor saya rasa, bagi saya jangan mempunyai niat jahat. Tetapi Yang Berhormat pula mengatakan apakah saya hendak *celebrate* kita *celebrate* apabila

negara-negara lain bersama kita, seolah-olah saya ini apa? Yang Berhormat boleh ada niat jahat yang menuduh saya mempunyai sikap yang sedemikian.

Bagi saya Yang Berhormat kata, jangan ada niat jahat. Memang saya tidak ada niat jahat Yang Berhormat, memang saya tidak ada niat jahat. Kalau Yang Berhormat betul-betul ingin mencari kebaikan di kalangan kekalutan Yang Berhormat juga harus menyebut negara kita baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengumumkan melalui jawatankuasa kabinet pelaburan, berapa bilion? RM14 bilion kah kalau tidak silap saya diumumkan. Dalam mesyuarat pertama dalam jawatankuasa kabinet sudah meluluskan RM14 bilion pelaburan di negara kita, tidak disebutkan pun, kita sebut yang baik. Kalau kita hendak...........

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tidak beri masa mana boleh sebut, beri cukup masalah! Tuan Pengerusi ada tetapi dia tidak beri.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Tidak apalah Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak apa*… [Dewan riuh seketika]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat…

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Saya rasa kita…, dia kata…

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat jangan tolak tanggungjawab!

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Tidak apalah Yang Berhormat, saya rasa kita sudah banyak boleh saya teruskan kepada soal-soal lain yang …

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Kinabatangan, sahabat saya dari Kinabatangan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sudah habis? Sudah habis kah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah habis!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Apa pasal pula mengenai klon AP Kastam?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Boleh, tetapi sebab kita sudah lama Yang Berhormat, orang lain pun hendak juga saya jawab, saya takut nanti masa sudah habis, kasihan kawan-kawan kita. Klon AP ini memang klon AP Yang Berhormat menuduh bahawa siapa Yang Berhormat senator kita sudah bersalah, saya dengar tadi? Bersalah, sebenarnya yang dibuat oleh Yang Berhormat ialah penafian, dia tidak terlibat, soal Yang Berhormat hendak baca dia punya *statement* itu ialah soal Yang Berhormatlah saya tidak mahu campur tetapi yang saya hendak sebutkan ini masih lagi dalam siasatan. Jangan kita lebih laju daripada lajak. Dia kena ada peraturannya dalam undang-undang Yang Berhormat, saya bimbang Yang Berhormat ini kalau tengok orang salah ini sudah hendak tangkap barangkali. Jadi kalau mungkin jadi menteri kah apa kah, mati kita di bawah oleh Yang Berhormat ini...

**Beberapa Ahli:** Betul, betul!

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Ini sudah menjadi Ketua Pembangkang pun terlalu laju, biarkan kita bagi ruang kepada penyiasatan penyelidikan. Yang Berhormat tahu, soal AP ini siapa yang

hendak memberi perlindungan kepada sesiapa tidak ada faedahnya, tidak ada *interest* nya baik dari segi kastam, Kementerian Kewangan atau kerajaan untuk melindungi sesiapa, tidak ada faedah. Orang yang dia *suspect* pun bukannya orang-orang yang perlu kepada perlindungan. Jadi, *there is no basis for them to be protected, for them to be given undue consideration,* dengan izin...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Minta penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ini masih dalam siasatan tetapi sudah heboh-hebohkan dalam surat khabar, sudah habis, kastam sudah habis siasatan, sudah tamat, mana? Adakah ini menunjukkan bahawa kastam sudah cakap bohong apabila kastam cakap bulan Oktober sudah habis siasatan, semua sudah selesai semenjak bulan Februari, habis adakah sekarang masih dalam siasatan atau adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri diberi maklumat yang silap?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Yang Berhormat, bila penyiasatan sesuatu badan selesai, bukan semestinya bermakna dia sudah boleh dakwa bawa ke mahkamah, kita ada sistem perundangan kita, kita ada sistem kerajaan kita, kita ada penasihat undang-undang kita, kita ada AG kita, nanti kalau pengarah kastam ambil terus pergi mahkamah nanti cakap Pengarah Kastam laju sangat pula. Marah pula kepada Pengarah Kastam, bercakap dengan media pun sudah kena marah. Jadi biarlah.........

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Adakah imuniti? Adakah imuniti, saya bukan Ahli Parlimen Jasin. Saya mahu tanya adakah imuniti?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Tak apalah itu dah cukup, dia tahulah tu, Yang Berhormat dia dah tahu, bila masa tiba dia tahu maknanya sudah selesailah isu ini. Maka Yang Berhormat Kinabatangan, sahabat saya yang saya kasihi. Tentang bank ini memang dah lama Yang Berhormat sebut. Yang Berhormat sebut pada saya ni, ha Yang Berhormat Bintulu minta maaf jangan bising ya. Saya yang Bintulu tadi Yang Berhormat, Bintulu bila dia mahu gorengkan telur Timbalan Menteri, dia ingat dia berlawak, dia berjenaka tapi saya tidak memaafkan kerana mahu goreng telur Timbalan Menteri. Jadi dia kena minta maaf dengan saya kemudian.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Takut tak ada benda dah.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Jadi bank ini memang, saya barangkali di kalangan Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen ini Yang Berhormat bagi Kinabatangan yang sampai ke Kinabatangan melalui jalan di tengah-tengah hujan. Dan saya sempat pulang ke Kuala Lumpur sebelum banjir besar, dua tiga hari selepas saya pulang, banjir besar. Saya sudah tahu banjir besar nak datang, saya balik ke Kuala Lumpur.

Saya lihat memang perlu kepada kemudahan ini dan saya sudah beritahu kalau Yang Berhormat bagi Kinabatangan ingin tahu tiga minggu yang lepas, seorang penolong naib presiden Maybank, Encik Spencer datang ke pejabat saya untuk urusan. Saya minta Encik Spencer tolonglah cari jalan supaya bagaimana untuk menubuhkan perkhidmatan perbankan di Kinabatangan. Saudara

Bung mungkin merasakan saya tidak mengambil berat, mungkin melihat sebagai saya tidak berfikir tentang masalah itu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sabar Dato', sabar.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Tetapi sebenarnya kita ambil berat. Tapi masalah bank ini, dia pun unit perniagaan. Dia kata macam mana Dato', Kinabatangan ni bandar pun tidak ada. Memang ramai, memang kawasan luas....

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Kepong jangan ketawa ya, ini antara saya dengan saudara saya sahaja.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia silap, ada pekan, ada kota, jangan bilang tidak ada. Suruh dia turun, baru dia tahu.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** *Okay* ada, minta maaf. Ada, tetapi mungkin dari segi *feasibility study,* saya kira, carilah kaedah. Mungkin kalau tidak boleh buat *full flash branch,* mungkin *mini branch* pun sudah mencukupi. Mungkin boleh diadakan mereka-mereka datang memberikan perkhidmatan daripada cawangan-cawangan yang berhampiran kah, sebagai permulaan. Maka ini saya haraplah, satu hari nanti sebelum terlalu lewat ianya akan dapat dilakukan. Yang BSN Sandakan, dua cawangan itu memang betullah tapi dua cawangan yang duduknya dua kilometer berasingan dan setiap cawangan dia ada tiga kaunter, tiga *tellers*.

[Tuan Pengerusi (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Dan apa yang dilakukan, dia cantumkan, dia memperbesarkan satu cawangan itu, sekarang mempunyai tujuh *tellers*. Jadi memanglah dari segi maklumat yang diberikan, setiap *teller*, satu *teller*, dia melayan 150 orang pelanggan setiap hari, maknanya *okay* lah tu. Cuma barangkali musim-musim perayaan kah, akhir bulan hendak ambil duit mungkin lebih sikitlah panjang *line* dia tu. Yang Berhormat bagi Kinabatangan sebut sampai ke jalan, sampai ke luar.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Kena diselidiklah, kawasannya tidak strategik, dia berhampiran, berhadapan dengan jalan raya. Dan jalan raya ini apabila tentera ambil gaji di sana, Kerajaan Persekutuan ambil di sana, polis ambil di sana, orang ramai pun di sana, jadi memang tidak elok dilihat. Hari-hari jalan raya kita dipenuhi orang menunggu hendak ambil duit di Bank Simpanan Nasional. Pindah kawasanlah. Bank ini pun untung juga. Janganlah buat rakyat susah, nanti kerajaan kita susah pula.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** *Okay*, Yang Berhormat. Saya akan minta pegawai-pegawai yang ada ini, BSN ya. Kita minta ambil perhatian kalau boleh diperkemas lagi cawangan di Sandakan itu baik dipindahkan ataupun cari kaedah yang boleh memberi perkhidmatan yang lebih baik dan lumayan kepada pelanggan-pelanggan kita.

Yang Berhormat Bintulu, nanti Yang Berhormat kena minta maaf...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Pengerusi, yang satu lagi. Apa tindakan kepada pegawai-pegawai bukan sahaja kastam di bawah kementerian, kalau ada kes siasat, jangan panggil *press conference.* Apa tindakan?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** *Okay*, memang saya dalam bermesyuarat dengan pegawai-pegawai kementerian tadi, dalam usaha menyediakan jawapan yang terbaik pada hari ini telah menimbulkan masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ini.

Dan mereka akan membawa kepada ketua pengarah dan pengarah supaya kebimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat ini diambil kira dan kalau boleh apa-apa kes penyiasatan janganlah terlalu awal terdedah kepada pandangan umum kerana ia akan menimbulkan berbagai-bagai prasangka yang kadang kala mungkin boleh menjadi tidak baik kepada mereka yang terlibat, terlalu awal. Mungkin dia tidak bersalah, tiba-tiba dengan pendedahan yang sedemikian dan sebagainya. Jadi kita sudah ambil tindakan segera tapi saya lupa hendak cakap dengan Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Bintulu, di dalam *servis chargers* dengan izin, memang kita dengan Yang Berhormat Menteri sudah pun mengumumkan penarikan balik beberapa caj perkhidmatan. Satunya yang mana mempunyai baki dalam simpanan, simpanan kecil-kecil janganlah dipotong. Setengahnya RM10 enam bulan, setengahnya RM10 sebulan, memang itu sudah dipersetujui. Bagi pelanggan yang masuk ke bank untuk menunaikan cek yang dahulunya dikatakan kena bayar RM2, ini pun sudah dipersetujui supaya ditarik balik.

Tidak ada bank lagi yang seharusnya mengenakan caj perkhidmatan seperti itu. Ini dipersetujui dalam mesyuarat antara Menteri Kewangan serta timbalan-timbalan dan pemimpin-pemimpin bank daripada Kuala Lumpur, semua sudah ada. Jadi kalau Yang Berhormat kata ada lagi di luar bandar yang mengatakan dia tidak ada arahan dan sebagainya, saya sangat-sangat ingin melihat - bank mana, cawangan mana supaya kita dapat mengambil tindakan segera. Mengapakah persetujuan yang dibuat di antara dalam mesyuarat bersama Menteri Kewangan dan seterusnya diumumkan dalam Dewan yang mulia ini tidak dilaksanakan. Begitu jugalah dengan caj yang dikenakan tentang tukar duit dan sebagainya.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Saya bagi ruang, saya akan bagi ruang kepada Yang Berhormat. Saya hendak cakap satu prinsip yang kita persetujui dalam mengenakan caj-caj perkhidmatan ini. Iaitu kita jangan mengenakan caj perkhidmatan kepada orang-orang awam yang kecil-kecil ini yang perlukan perkhidmatan, *basic services*. Jangan umpamanya oleh kerana kita membina ATM-ATM, maka orang datang hendak *cash* duit melalui kaunter, kita caj, tidak boleh. Kalau pun kita ada pilihan lain, alternatif *services*, kita tidak boleh yang *basic* yang kalau kita umpamanya jalan tol dengan jalan lama, jalan lama kita kekalkan, jangan ditolkan. Jadi ini yang dipersetujui.

Tetapi dalam urusan korporat, urusan perniagaan, kita perlu longgarkan kerana kita tidak boleh mengawal bank-bank ini secara ketat. Mereka ingin bersaing, mereka ingin mendapat keuntungan,

memberi perkhidmatan yang lebih baik. Mereka melabur beratus-ratus juta dalam sistem ICT dan sebagainya, jadi itu kita tidak dapat kawal. Yang saya boleh memberi pandangan ialah sekiranya ada bank-bank yang terlalu mengenakan caj-caj yang berlebihan, cari bank lain, banyak bank-bank lain terutama sekali di bandar-bandar. Kalau di luar bandar, memanglah tidak ada pilihan, kalau di luar bandar pun kadang kala tidak ada urusan yang canggih-canggih, OD dan sebagainya. OD-OD ini pun yang kira orang perniagaan, orang yang boleh membuat pilihan sama ada mahu mendapat perkhidmatan itu ataupun tidak.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya harap Timbalan Menteri faham, tadi kata kita bukan mahu goreng Timbalan Menteri punya telur. Tapi tadi saya kata, kalau Ahli Parlimen hari-hari mahu kena goreng, kita sudah bahas banyak kali. Kita pun sudah setuju jadi kita pergi melawat, turun padang, tempat ramai orang awam. Dia terus marah kita sebagai ahli politik, dia cakap kita bohong, apa ini kerajaan Barisan Nasional, dalam pilihan raya janji macam-macam tapi apa keputusan sudah buat, pun cakap satu, bikin satu. Tadi saya cakap, kalau saya sudah kena goreng, kita sama-sama gorenglah kan? Itu sahaja, bukan mahu goreng sengaja saja. Fasal kita sama-sama orang politik. Yang Berhormat Timbalan Menteri, harap kita fahamlah tapi ampun tuanku.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengenai caj-caj ini. Tak tahulah, ini ada berlaku dalam kita punya bandar lagi. Macam RHB ini masih lagi berlaku. Tadi *you* mahu tahu mana-mana *branch* saya boleh bagi tahu. Tapi Maybank pun ada berlaku lagi. Tadi saya cakap *coin* ini, syiling ini. Duit 1,000 biji RM10, kurang daripada itu RM5. Masih lagi. Ada orang pergi cawangan itu tanya kenapa ada caj lagi. Dia cakap ibu pejabat tak ada turun arahan. Kita masih lagi gagal. Jadi di sini juga saya mahu itu keperluan. Satu masalah lagi tadi saya tak sempat, silap tak sampaikan.

Sekarang perkhidmatan daripada bank ini, kalau kita ada masalah tulis surat kepada bank ataupun orang *borrower* ada masalah mengenai *loan* itu, nak tulis surat kepada bank, bank ambil tahun-tahun, bulan-bulan tak jawab. Tapi dia punya faedah masih jalan. Jadi saya mahu tanya ini, siapa bertanggungjawab itu faedah. Tapi bank sepatutnya boleh selesai dua minggu, tapi dia enam bulan pun tak mahu jawab. Cari pegawai, pegawai tiada, pegawai *meeting*. Minta telefon balik pun tiada. Ini saya semua cakap *individual*, bukan korporat punya masalah. Ini *individual*. Itulah, saya harap. Saya ada ini semua. Nanti saya bagi sama Timbalan Menteri. Saya minta penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih. Mengenai maklumat-maklumat lanjut tentang berlakunya perkara-perkara yang tidak seharusnya berlaku ini kita akan ambil tindakan. Kita akan *follow up* dan cuba menyelesaikan masalah ini. Saya diberitahu tentang *coin* ini oleh Maybank

sendiri. Sekiranya *coins* yang dibawa ini untuk dimasukkan ke dalam akaun mereka, tidak ada caj. Masuk akaun depositlah.

Tapi kalau dia nak mai tukar, dia bawa banyak nak tukar, ini memakan masa dia nak bilang dan sebagainya. Itu pun kita bagi RM100 ke bawah, jangan. Sebab ini orang-orang kecil datang nak tukar duit RM100 *coin*. Tapi yang besar-besar itu dia kena, bolehlah kita benarkan. Tapi kalau nak masuk deposit dalam akaun itu, kalau kena caj, Yang Berhormat bagi tahu saya Maybank cawangan mana supaya kita dapat ambil tindakan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pasal ini *coins* ini, semua daripada itu *hawkers stall* semua, penjaja-penjaja semua. Dia orang datang bukan susah nak kira, masuk mesin sudah habis. Senang sahaja kerja. Kalau macam itu, saya fikir kita Ahli Parlimen pun boleh tubuh satu - tolong kira *coin* sahaja. Caj RM10. Tiap-tiap hari berapa ramai orang mari? *So* saya haraplah Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah ambil satu tindakan yang serius. Ini semua daripada penjaja-penjaja itu. Orang ramai, dia orang guna *coin* itu. Duit raya itu belakang kiralah.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Ok, terima kasih. Kita teruskan ke Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Beberapa isu secara ringkaslah saya sebut, sebab takut terlambat. *Procurement* komputer ini - kalau PC-PC memang kita ada jabatan-jabatan yang buat secara *leasing* dia sewa beli ke. Tak melibatkan *capital outlay.* Tetapi kalau komputer ini melibatkan pembentukan sistem, dan semestinya kita tak boleh nak sewalah itu. Sistem ini adalah perlu menjadi hak milik syarikat tersebut.

Kad kredit. Kad kredit Yang Berhormat, kita kena faham juga bahawa ianya bukan sahaja sebagai satu bentuk pinjaman. Kad kredit ini adalah juga satu bentuk ,*means of payment*. *Payment system,* macam *e-cash* lah. Kita tak payah dok bawa duit banyak nak beli barang. Dan kemudian dirompaklah, ditarik *hand bag* dan sebagainya. Oleh itu kita tidak terlalu menyekat tentang kad kredit ini. Dengan syarat ia memenuhilah syarat-syarat yang ditetapkan. Pendapatan, gaji dia dan sebagainya. Dan sebenarnya banyak di kalangan pengguna kad kredit ini yang bakinya dibayar serta-merta. Dia guna sebagai *charge card.* Maknanya ini pengguna sendiri, apabila dia guna *charge card,* kad kredit. Jadi tak perlu dia bayar *interest* dan tidak ada jumlah yang tertunggak lagi.

Mungkin ada sedikit, tetapi saya difahamkan - ini kad kredit, masalah ini, soalan Parlimen ini boleh dikatakan tiap-tiap kali ada. Ia bukannya merupakan masalah besar dan kita mesti melihatnya sebagai satu kemudahan, satu alat moden yang seharusnya kita biarkan berada dalam sistem kita, jangan kita terlalu kawal. Tentang LHDN, Lembaga Hasil Dalam Negeri, untuk mengutip hutang-hutang PTPTN ini, memang peruntukan sudah pun dibuat. Peruntukan sudah dibuat dalam Akta PTPTN untuk membolehkan LHDN mengutip hutang. Bahkan saya dimaklumkan sebanyak RM135 juta yang telah dikutip hutang PTPTN ini, 22 peratusnya ialah melalui LHDN. Jadi mungkinlah kalau nak perbanyakan kah. Tapi sekarang bukan mandatori lagilah. Kalau nak mandatori itu saya rasa kerajaan kena pertimbangkanlah. Sama ada ini semestinya merupakan yang terbaik.

Yang Berhormat bagi Jerai menyebut tentang syarikat milik kerajaan GLC dan mengutarakan sekali lagi kebimbangan tentang peranan yang dimainkan oleh GLC, khususnya untuk menepati tanggungjawab sosial. Memang sebenarnya ini juga merupakan pada peringkat dasarnya memang merupakan dasar kerajaan. Tidak boleh lari, sehingga baru-baru ini dikeluarkan satu buku mengenai tanggungjawab sosial GLC ini yang dinamakan 'Buku Perak atau *Silver Book.* GLC sekarang ini, Khazanah mengeluarkan berbagai-bagai buku untuk sebagai *guide line* kepada perjalanan GLC untuk berjalan dengan lebih baik, lebih licin *corporate governance* nya, peranan lembaga pengarahnya dan sebagainya.

Tetapi mungkin kita merasa barangkali setengah kita merasa kekurangan dari segi pelaksanaan. Apa yang nak saya tekan di sini dari segi dasar dan pelaksanaan, ini dua perkara. Dasar memang kita tidak ada waswas, tidak ada curiga. Dan pelaksanaan pun sebenarnya kalau kita lihat syarikat-syarikat besar dari segi tanggungjawab sosial memberi biasiswa, menjalankan universiti-universiti. UNITEN, Universiti Multimedia. Ini semua adalah peranan GLC. Saya ingat masa di TNB dulu, perbelanjaan hampir RM1 bilion untuk universiti dan ini tidak ada yang dibelanjakan oleh kerajaan.

Ini semua merupakan tanggungjawab sosial dan penajaan sukan, bola. Dulu Tenaga kita taja Dunhill dan bila Dunhill tarik diri FA Cup kah, apa kah, kita buat. Tapi kalau masih ada tindakan dan pelaksanaan yang dirasakan tidak menepati dasar GLC ini, maka saya rasa kita sewajarnya membangkitkan. Bawa, menulis surat, memberitahu Kementerian Kewangan dan insya-Allah kita akan mengambil.., kerana di samping dasar dan pelaksanaan, kita lihat GLC ini juga pada masa yang sama kita perlu mereka ini berjalan sebagai satu entiti yang tidak membebankan kerajaan. Yang boleh mendatangkan keuntungan pada masa yang sama janganlah pula terlalu mengabaikan tanggungjawab sosial.

Jadi kadang-kadang dia punya *balance* itu tak semestinya *equilibrium*lah *all the time,* dengan izin. Kadang-kadang dia lebih sedikit kepada terlalu prihatin dan kadang-kadang tidak ataupun kurang prihatin. Yang Berhormat bagi Tebrau..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat terlupa satu. Berkenaan dengan zakat Yang Berhormat. GLC kepada membayar zakat.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** *Okay*, sebenarnya saya tidak berapa tangkap tadi tidak apa tetapi kita boleh, saya tahu macam Tenaga Nasional semasa saya Pengerusi dahulu, kita pergi bagi zakat kepada semua majlis agama, saya sendiri pernah pergi ke negeri-negeri berjumpa sultan serah kepada majlis agama, memang dia ada, bagi tetapi melalui majlis-majlis agama dan melalui kadang-kadang dia buat program macam bulan Ramadhan di masjid-masjid, bagi bantuan kepada orang miskin dan sebagainya. Soal yang selebihnya itu mungkinlah kalau ada apa cadangan lain barangkali kita boleh beri kepada mereka.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Maksud saya minta Tuan Pengerusi, maksud saya ialah setiap GLC ini daripada hasil keuntungan mereka itu, mereka harus membayar zakat sebelum diisytiharkan keuntungan bersih. Macam sekarang kita sedia maklum, kalau dia bayar zakat 2.5% dia pula dikecualikan daripada cukai. Jadi bermaknanya duit itu balik kepada rakyat juga cuma saya hendakkan keberkatan kita sebagai sebuah negara Islam. Jadi syarikat-syarikat ini harus, kesemua saya faham TNB pun baru-baru ini buat program dalam kawasan saya pada bulan Ramadhan saya berterima kasih.

Tetapi ada syarikat-syarikat GLC yang tidak ataupun terlupa untuk menunaikan zakat ini. Jadi kalau boleh biarlah ia menjadi satu peraturan kepada syarikat-syarikat GLC untuk mengeluarkan zakat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat kita ambil perhatian dan bawa cadangan Yang Berhormat ini kepada menteri untuk pertimbangan selanjutnya. Seterusnya Yang Berhormat bagi Tebrau mengenai peranan SME. Yang Berhormat bagi Tebrau menyatakan kekecewaan sedikit kerana di Johor umpamanya ada satu cawangan SME sahaja. Sebenarnya ini bukan sahaja di Johorlah boleh dikatakan di seluruh negara pada masa ini SME Bank tidak mempunyai cawangan yang mencukupi kerana dia baru. Dia ditubuhkan pada 30 Oktober 2005, baru setahun.

Jadi sekarang dia ada 16 cawangan dan akan ditingkatkan dan cadangan supaya ada pegawai-pegawai yang fasih bahasa-bahasa lain juga, sekarang ini jumlahnya agak kecil dan kita akan membawa ke tengah cadangan ini supaya SME peka dan cuba dalam pengambilan kakitangan baru, pegawai baru, mungkin sedikit keutamaan boleh diberi kepada soal menyediakan pegawai-pegawai yang boleh memberi khidmat dalam *multilingual,* dengan izin.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ada menimbulkan pertamanya mengenai GLC ini, Yang Berhormat berasa kesal dengan tindakan Telekom menamatkan perkhidmatan *call centre* dan juga saya ingin menyatakan di sini walaupun Kementerian Kewangan merupakan *shareholders* kepada syarikat-syarikat ini tetapi operasi syarikat-syarikat GLC ini adalah di bawah naungan kementerian-kementerian berkenaan. Umpamanya Telekom dan TNB ini berada di bawah pengawalan (KETAK), Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi. MAS umpamanya berada di bawah kementerian Yang Berhormat kita yang ada pada hari ini.

Jadi soal urusan umpamanya tadi ada soal tambang, tiket dan sebagainya sebenarnya di bawah pengawalan kementerian berkenaan. Jadi saya harap soal *call centre,* soal operasi syarikat-syarikat GLC ini tidak perlulah ditujukan kepada *shareholders. Shareholders* ini lebih merupakan soal-soal besar, soal-soal pokok, pelantikan Lembaga Pengarah, pelantikan CEO tetapi soal operasi ini boleh ditimbulkan kepada kementerian berkenaan. Tentang pemantau kerajaan mengenai syarikat-syarikat dan tindak tanduk syarikat ini umpamanya disebut tadi oleh Yang Berhormat, apa syarikat tadi

Yang Berhormat? Yang menimbulkan masalah penjualan saham kepada syarikat-syarikat asing yang bagi Yang Berhormat kegiatannya mempunyai kepentingan negara.

Memang kita faham, cuma saya hendak sebut di sini bahawa kita berada dalam suasana di mana kita diminta untuk mengamalkan dasar ketelusan, dasar jangan terlalu campur tangan dalam pasaran. Kadangkala berlaku sesuatu urus niaga yang dikendalikan melalui pasaran dan di sini yang dipersoalkan sama ada di mana, bila kerajaan ataupun Kementerian Kewangan perlu campur tangan. Kadangkala benda ini *not that straight forward*. Kalau kita terlalu campur tangan nanti dia kata oh Malaysia ingin membangun pasaran modalnya, ingin menarik pelaburan asingnya tetapi sedikit-sedikit tidak boleh, itu tidak boleh, ini mesti mendapat kelulusan dan sebagainya.

Jadi *that is a balance* yang kita perlu lakukan dan ini saya hendak sebut supaya jangan kita mengambil mudah bahawa semuanya boleh kita campur tangan, semuanya kita ganggu-gugat perjalanan pasaran. Jadi memanglah terletak kepada kebijaksanaan kerajaan juga untuk melihat dan membuat keputusan di manakah yang perlu diambil kerana beberapa perkara yang berlaku baru-baru ini sebenarnya merupakan urusan perniagaan, semata-mata dibuat atas dasar pasaran. Kerajaan membiarkan kerana dirasakan pada masa itu barangkali bahawa ianya tidak seharusnya memberi satu gambaran bahawa *government* terlalu mengacau perjalanan pasaran. Jadi itu jawapan saya Yang Berhormat, ada *follow-up*?

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak membangkitkan masalah yang dikatakan kementerian perlu apa yang dikatakan Yang Berhormat tadi terlalu campur tangan dan saya juga boleh menerima hujah bahawa tidak semua perkara kerajaan boleh campur tangan dengan kita menidakkan kebebasan yang diberikan. Tetapi apa yang saya bangkitkan adalah sesuatu yang telah diputuskan oleh di peringkat dasar Kementerian Kewangan sendiri. Contoh tentang dasar FIC, Foreign Investment Committee, ini perlu dijaga dan syarikat-syarikat GLC kerajaan syarikat yang berkepentingan negara.

Sebagai contoh kalau Telekom sebagai contoh, yang walaupun 5% dimiliki syernya oleh syarikat asing tetapi kita perlu sedar Telekom sebagai contoh, Pantai Holdings sebagai contoh yang melibatkan tentang maklumat kesihatan ini melibatkan pemimpin negara, rahsia negara. Ini yang saya bangkitkan bukan perkara kecil. Jadi oleh itu saya mengharapkan supaya dalam perbahasan saya tadi saya minta pihak kementerian tidak terlepas pandang. Walaupun ada hujahnya mungkin itu perilaku, mungkin menantu Perdana Menteri saya tidak ingin melanjutkan penuduhan itu tetapi janganlah itu kalau ianya dilakukan oleh individu tertentu maka ianya menjadi suatu hujah.

Jadi maksud saya apa yang telah menjadi prinsip dan dasar kerajaan dalam FIC perlu dipatuhi kerana ini kepentingan negara bukan kepentingan individu. Saya mohon penjelasan.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya FIC bukannya merupakan agensi Kementerian Kewangan. FIC dipengerusikan oleh Ketua Pengarah EPU dan diduduki oleh wakil daripada Kementerian Kewangan, Bank Negara, GLC. Jadi ianya bebas,

ianya tidak merupakan di bawah kawalan Kementerian Kewangan. Keduanya saya oleh kerana ia bebas Kementerian Kewangan, saya masih merasakan bahawa tidak ada sesuatu yang dilepas pandang oleh FIC kerana memang kerja dia FIC ini memang sebelum sesuatu dia mesti kena dapat kelulusan FIC dan dia ada syarat-syarat sesetengah itu tidak perlu datang kalau jumlahnya terlalu kecil dan sebagainya.

Yang ketiganya saya faham kalau Yang Berhormat agak bimbang dengan urusan perniagaan yang melibatkan maklumat pemimpin-pemimpin yang agak sensitif dan sebagainya. Cuma saya juga bimbang kalau kita terlalu menganggap bahawa kalaupun Telekom, syarikat yang mempunyai kepentingan negara tetapi kalau rakyat asing saya yakin lebih banyak daripada 5% sudah pun dimiliki oleh rakyat asing melalui saham, apa yang susahnya?

Apakah dia boleh bawa Telekom lari daripada tempat kita ataupun apa sangat sensitifnya Telekom? Ia bukan semestinya apabila memegang 5% saham akan menjadi CEO, akan menjadi *chairman*. Jadi saya bimbang takut-takut kita pada satu masa ingin membangunkan pasaran modal, ingin melihat syarikat kita diantarabangsakan baik dari segi urus niaga mahupun dari segi pengurusan dan kepakaran, tiba-tiba kita pada masa yang sama pula tidak hendak itu, asing ini, tidak boleh campur tangan, tidak boleh ambil. Saya bimbang, saya cukup-cukup bimbang. Jadi memang saya memahami kebimbangan Yang Berhormat tentang soal-soal sensitif dan sebagainya, soal syarikat-syarikat yang memiliki *concession* negara.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Puchong.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** *Concession* negara mungkin kerana mengapa harus kita bagi *concession* kepada syarikat yang dimiliki oleh orang asing? Tetapi kalau selain daripada itu, syarikat besar, syarikat gergasi yang sedikit-sedikit hendak dimiliki oleh saham, kita pun hendak beli yang orang. Kalau syarikat orang, kita hendak beli, kita hendak pergi melabur di negeri orang. Tiba-tiba kita lain. Jadi *we cannot have two rules. We can have only one rule* yang boleh memberi manfaat kepada semua. Yang Berhormat bagi Puchong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memang menyokong apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kerajaan tidak sepatutnya terlalu campur tangan mengenai urusan urus niaga yang berlaku iaitu kita sekarang ini ialah *borderless world, globalize world.* Saya bagi contoh, kalau syarikat orang lain boleh datang ke Malaysia dan beli sedikit saham, kalau kita terlalu memberikan satu gambaran bahawa kita ini tidak mengalu-alukan mereka, maka ini akan menyebabkan satu masalah dari segi pembangunan pasaran modal kita. Itu memang betul.

Saya menyokong penuh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bagi sebagai contoh ialah bagaimana syarikat kita membeli sektor-sektor atau syarikat-syarikat yang strategik juga di luar negara.

Saya bagi contoh Wessex Treatment Water di UK, syarikat air yang dimiliki oleh orang Malaysia. Satu bank perniagaan di Indonesia adalah dibeli oleh Khazanah Holdings kita. Bank ini adalah satu sektor yang strategik juga. Bagaimana dengan satu *investment banking group* di Singapura, GK Goh telah dimiliki oleh CIMB Group kita.

Ini ialah satu cara kita di mana orang boleh beli di syarikat kita, pada masa yang sama syarikat kita juga boleh memberikan syarat-syarat tertentu di dalam sektor-sektor strategik. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa adakah kerajaan ini, kita mesti ada satu dasar yang konsisten yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa kita mesti mempunyai satu ruang dan peluang yang jelas, dasar yang jelas bahawa kita ini ialah satu ekonomi yang terbuka yang sentiasa mengalu-alukan pelabur dan peniaga dari luar supaya kita ini adalah *multilevel kind of business dealing*. Apakah penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa apa yang saya sebutkan tadi begitu jelas dan kalau apa yang dikatakan saya ini tidak lari daripada dasar kerajaan iaitu kita masih bergantung besar sebagai sebuah negara yang begitu terbuka di dunia ini, bukan sahaja dalam bidang perdagangan antarabangsa tetapi sebuah negara yang banyak menerima faedah daripada pelaburan asing sejak dahulu lagi. Jadi tidak ada sebab mengapa kita harus mencari atau memakai satu dasar, mengambil satu dasar yang boleh mengganggu soal-soal urusan perniagaan di negara kita.

Satu lagi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan juga ditimbulkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat yang lain ialah tentang subsidi petroleum ini. Jadi saya boleh menyatakan di sini bahawa walaupun hari ini kita lihat harga *crude oil* sudah pun turun sedikit kepada USD59 berbanding dengan dalam bulan Februari dahulu semasa kita mengambil tindakan iaitu *crude oil* berada pada USD61. Bermakna kalau dilihat daripada USD61 hingga USD58 ini, sudah turun sedikitlah. Memanglah.

Tetapi ingat, pada masa itu kita sudah mempunyai atau menanggung subsidi dan juga pengecualian cukai petroleum ini sebanyak RM17 bilion. Jadi bermakna kalaulah sedikit sahaja pengurangan harga minyak ini, ia tidak menghapuskan RM17 bilion itu. Subsidi masih ada. Jumlahnya mungkin kurang sedikit. Jadi soalnya sama ada oleh kerana harga dunia sekarang sudah turun sedikit, maka kita perlu mengkaji dan sebagainya, saya rasa buat sampai akhir tahun ini memang kerajaan tidak bercadanglah, saya boleh beri jaminan.

Tetapi soal Yang Berhormat bagi Kubang Kerian meminta saya memberi jaminan selepas Januari atau selepas Disember ini, saya tidak bolehlah bagi jaminan sebagai seorang timbalan menteri macam saya ini, manalah boleh saya hendak bagi jaminan. Yang Berhormat pun minta jaminan ini dalam masa sekejap tadi. Hendak telefon bos saya pun tidak sempat. Jadi saya harap Yang Berhormat fahamlah. Jadi jawapan saya hari ini bahawa subsidi masih ada, masih dikenakan.

Kita adalah praktikal. Kita lihat kalau harga sudah turun, kerajaan mana apatah lagi Kerajaan Barisan Nasional yang ingin membebankan rakyat? Kalau kita boleh turunkan harga minyak hari ini tanpa merugikan kerajaan, saya rasa hari ini juga kerajaan buat. Apabila kerajaan lambat sedikit membuat tindakan kerana keadaannya masih belum mengizinkan. Saya tidak nampak bahawa kerajaan begitu tidak peka dan tidak prihatin dengan apa yang berlaku.

Tentang Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin yang Yang Berhormat sebut tadi sebanyak RM200 juta memanglah. Sebenarnya Yang Berhormat sebut tadi kepala lain. Kalau pasal biasiswa pinjaman, ia kepala lain, kepala 020000. Yang Berhormat sebut Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin ini, KWAPM ini RM200 juta untuk yuran am, yuran sekolah, uniform sekolah yang kita bagi bantuan kepada semua pelajar miskin, bukan semualah, kebanyakannya di seluruh Malaysia setiap tahun. Jadi Kumpulan Wang Tabung Pinjaman Pelajaran itu lain, yang itu untuk biasiswa, untuk pinjaman.

Namun begitu, soal Yang Berhormat minta jaminan sama ada pelajar miskin akan dapat belajar sampai peringkat Ph.D dan sebagainya, saya rasa kalau boleh saya memberi jaminan peribadi, saya sendiri seorang anak nelayan miskin, dapat belajar sehingga Ph.D. Semuanya ditanggung oleh Kerajaan Barisan Nasional dan saya cukup berterima kasih. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sudah memberi satu kenyataan dasar iaitu pelajar-pelajar Ph.D sebagai usaha untuk mantapkan pembangunan modal insan negara, setahun dia hendak seribu orang. Ini yang belajar sehingga ke peringkat Ph.D. Jadi saya rasa ini satu janji atau satu kenyataan dasar yang cukup jelas.

Yang Berhormat bagi Puchong menyebut tentang 30% keperluan untuk diagihkan kepada pelabur bumiputera sebelum satu-satu syarikat disenaraikan pada masa Initial Public Offer (IPO). Ini kadang kala disalahtafsirkan. Saya ingin membuat kenyataan sejelas-jelasnya di sini bahawa keperluan ini hanyalah satu keperluan *one-off.* Bermakna kepada IPO sahaja. Kalau bumiputera yang memegang saham 30% ini dijualnya 20%, maka 20% itu tidak perlu diganti balik, *deem to have complied*, dengan izin.

Tetapi kalau syarikat ini mengeluarkan modal kemudiannya, biasanya selepas tiga tahun melalui *right issue* ke, *special issue* ke, maka dia hanya perlu menepati 30% daripada jumlah modal baru. Bermakna kalau dia hendak keluar modal baru RM10 juta, dia kena *issue*, cari pelabur bumiputera RM30 juta, itu sahaja. Sudah tidak perlu lagi yang dulu itu. Yang dulu itu sudah kira *deem to have complied*. Jadi sebenarnya tidaklah begitu membebankan.

Keduanya soal MITI, ICA. Sebenarnya ini di bawah bidang kuasa MITI dari dahulu lagilah kerana MITI mentadbir Akta Perindustrian, Industrial Coordination Act. Akta ICA dikendalikan oleh MITI, jadi MITI..., ini mungkin sebab syarikat-syarikat yang ingin senarai yang banyak terlibat dengan MITI. Memang MITI masih lagi menentukan pelabur-pelabur yang ingin mendapat saham bumiputera.

Yang Berhormat bagi Petrajaya tadi tentang tiket penerbangan AirAsia, *fuel charge* dan sebagainya saya sudah sebut tadi. Yang Berhormat bagi Bera masih ada di sini, tentang *e-banking.*

Kecuaian ataupun kehilangan wang melalui *e-banking,* saya boleh menyatakan di sini bahawa memang kita dengar ada kes-kes mengenai kecuaian dan di sini *to be fair* barangkali kita kena lihat kecuaiannya di belah mana. Kalau di belah pengguna maka pengguna menanggung risiko tetapi kalau kecuaian di sebelah bank maka bank perlu menanggung tanggungan ini. Dan kalau kita hendak kata dua-dua kata menuduh satu sama lain maka kita ada *Banking Mediation Bureau* yang dipengerusikan biasanya oleh seseorang yang berpengetahuan biasanya bekas hakim mahkamah dan sebagainya. Maka dia boleh menentukan dan akhirnya kalau masih lagi tidak lagi berpuas hati kita boleh pergi mahkamah dan mahkamah boleh menentukan.

Kita tidak boleh mengambil sikap *ex-ante,* dengan izin, awal-awal lagi bahawa apa saja berlaku kita salahkan bank. Saya rasa itu tidak adil. Kita ada proses dia, *due process* dan sebab itulah kita ada Bank Negara, kita ada kadang kala benda-benda macam ini Bank Negara boleh tentukan terus dia tengok melalui kajian dia, melalui laporan yang dia dapat dia boleh tentukan dan Bank Negara boleh minta bank supaya membayar balik. Itu tidak sampai ke *Banking Mediation Bureau* pun. Jadi saya rasa kita ada saluran-saluran dan saya yakin Bank Negara dan juga bank-bank akan melihat dan mengkaji apakah kaedah-kaedah, perubahan-perubahan yang mesti dibuat untuk mengambil kira supaya ciri-ciri keselamatan ini dimantapkan lagi baik melalui *double* 'autofikasi' kah, ataupun ciri-ciri lain.

Saya begitu yakin ia akan di ambil kira. Cuma kalau hendak tanya saya sekarang minta maaflah saya tidak tahu *offhand* buat masa sekarang kedudukan hal ini tetapi saya yakin bahawa semua hal ini akan diambil kira sama ada hendak guna langkah-langkah yang boleh menjamin keselamatan yang lebih baik. Tentang *Personal Data Protection Act* ini....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bera

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Pengerusi saya cuma hendak tanya mengenai sejauh mana pihak pengguna pihak penyimpan tahu hak mereka dari segi apabila mereka menghadapi masalah. Tadi Yang Berhormat ada sebut tentang *Banking Mediation Bureau* misalnya. Sejauh mana perkara ini diketahui oleh pengguna. Mungkin pihak bank tahu, tetapi kalau pengguna tidak tahu tidak boleh diselesaikan perkara ini. Sebab itu saya cadangkan tadi supaya pendidikan, *information* lebih banyak diberi kepada pengguna mengenai hak mereka supaya apabila timbul masalah mereka tahu ke mana hendak diarahkan aduan dan sebagainya.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu bahawa maklumat itu penting dan kita di Kementerian Kewangan beberapa kali sudah meminta.., dia ada Persatuan Bank-bank Malaysia. Ini juga persatuan yang boleh memberi berbagai-bagai penjelasan, *press realize* supaya pengguna tahu supaya orang awam tahu. Begitu juga dengan soal bank *chargers* ini kita minta you jelaskanlah jangan samar-samar jadi pelanggan tidak tahu bank mana yang kenakan bank mana yang tidak kenakan. You jelaskan apa yang tidak dikenakan *chargers* dan apa yang dikenakan.

Begitu juga ini *Banking Mediation Bureau* sudah lama, sejak saya di Bank Negara dahulu pun sudah ada memang perkara ini sudah lama. Barangkali ramai yang sudah tahu tetapi barangkali ramai juga pelanggan-pelanggan, pengguna-pengguna yang tidak tahu dan ini seharusnya merupakan tanggungjawab Bank Negara juga seharusnya mengheboh-hebohkan dari semasa ke semasa mungkin dirasakan sudah dilancarkan dahulu sudah dirasmikan apa lagi hendak dihebohkan. Tetapi mungkin dari semasa ke semasa perlu diperingatkan kepada orang awam bahawa wujud kemudahan-kemudahan ini yang boleh mengambil kira kepentingan mereka dan sekiranya mereka ada apa-apa masalah boleh.

Saya yakin bahawa *mediation bureau* ini adalah satu *bureau* yang begitu *fair* kerana tidak ada sebab mengapa dia perlu menjaga kepentingan mana-mana pihak. Jadi *is a fair bureau to make judgment on this issue,* dengan izin.

Soal pembelian arang batu TNB, ini juga selari dengan apa yang saya sebut tadi GLC ini sebenarnya ada perkara-perkara yang berbentuk operasi. Walaupun saya tahu sedikit sebanyak Yang Berhormat sebagai bekas Pengerusi TNB tetapi saya rasa macam tidak selesa dan tidak kena dalam ucapan saya, ucapan penggulungan saya untuk merangkumi perkara-perkara di luar bidang kementerian saya. Kalau Yang Berhormat hendak di luar secara peribadi mungkin saya boleh bagi pandangan. Tetapi secara rasmi begini saya bimbang takut-takut nanti kementerian yang bertanggungjawab tidak senang mengapa ianya harus di jawab oleh seorang timbalan menteri dari jabatan atau dari kementerian yang lain.

Jadi saya minta ampun Yang Berhormat kerana mungkin boleh ditimbulkan bila Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi memberi jawapan nanti.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat Datuk, tadi Yang Berhormat ada sebut sedikit tentang Data Protection Act tadi tetapi terus Yang Berhormat Datuk *skip* kepada isu lain.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Saya hendak kata ini satu cadangan yang mungkin berguna cuma kadangkala memanglah kita dalam sebuah negara kita yang masih membangun masih banyak benda yang kena buat kadang-kadang benda-benda ini kita rasa tidak berapa *urgent* kerana bila sebuah negara menjadi semakin maju dan sebagainya perkara-perkara ini menjadi semakin sensitif. Jadi saya hendak katakan bahawa benda ini setahu saya tidak adalah dalam jangka masa terdekat akan dilaksanakan oleh kerajaan tetapi tidak bermakna ia tidak berguna. Barangkali kalau boleh Yang Berhormat teruskan untuk mencadangkan perkara ini mungkin satu masa ia menjadi sesuatu yang *urgent.*

Yang Berhormat bagi Jasin, saya hendak sebut tentang satu perkara dia ada sebut tadi tentang *reward.* Sebenarnya setahu saya *reward* yang diberikan kepada mereka-mereka yang melaporkan tentang kegiatan-kegiatan penyeludupan dan sebagainya masih ada sistem *reward*. Yang Berhormat bagi Jasin saya bimbang tadi cara dia bercakap seolah-olah ia dihapuskan semuanya. Ia dihapuskan terhadap pemberian *reward* kepada kakitangan kastam. Saya ingat dalam Dewan yang

mulia ini pada dua tiga tahun yang lalu kita pernah ia pernah menjadi isu mengapakah pegawai-pegawai kastam yang menjalankan tugas dan tanggungjawab hariannya untuk membanteras penyeludupan perlu diberi *reward* lagi.

Ini juga soal sampai ke peringkat Kabinet. Dan akhirnya kita kata tidak payahlah *reward* dia cari kerja dia itu. Dan hari ini saya bimbang ada pula kita kata mengapa tidak bagi *reward* kepada mereka. Saya tidak yakin bahawa *reward* kepada pegawai kastam ini menentukan sama ada pegawai kastam ini betul-betul hendak membanteras penyeludupan ataupun mengambil sikap tidak endah. Saya tidak yakin dan jadi saya buat masa ini merasakan *reward* ini untuk orang awam masih perlu dikekalkan tetapi untuk kakitangan kastam tidaklah perlu diberikan semula.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri saya hendak mohon jawapan dari segi hak penjamin tadi.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** *Okay,* terima kasih Yang Berhormat sebut tentang masalah penjamin tadi. Memang kita tahu ramai penjamin-penjamin yang tidak sepatutnya terpaksa mengalami pelbagai masalah bahkan ramai yang bankrap. Saya tahu rakan saya sendiri seorang rakan politik di tempat saya sendiri pun *bankrupt* kerana penjamin kadangkala tidak tahu pun bila hukuman ini dijatuhkan.

Yang kita lakukan di Bank Negara memberi arahan kepada bank-bank ialah supaya peminjam itu didahulukan. Bermakna kalau penjamin merasakan tindakan sedang diambil ke atas mereka, manakala tindakan tidak diambil kepada peminjam maka dia boleh membawa kes ini. Dan bank-bank semasa saya dahulu lagi pun di Bank Negara saya ingat saya sudah beri penjelasan supaya tindakan perlu diambil terhadap peminjam dahulu. Tetapi kalau peminjam itu sudah diambil tindakan bankrap tidak dapat juga selesai maka penjamin tidak boleh ada pilihanlah, dia pun kena jugalah, dia kena juga.

Jadi kadang kala tidak dapat dikesannya peminjam ini selepas beberapa tahun maka dia akan carilah penjamin tetapi kalau penjamin tahu peminjam ini di mana boleh bawa maka ini diberi kelonggaran. Itu setahu saya dasarnya walaupun tidak ada akta baru yang menjelaskannya tetapi sebagai dasarnya itulah yang telah dibuat. Dan saya rasa kalau ada apa-apa yang selain daripada itu maka kita boleh buat sebagai satu *complain* lah dan saya akan memberi janji untuk membawa *complain* tersebut kepada Bank Negara kerana saya tahu itulah dasar yang telah dibuat sejak dahulu lagi. Terima kasih.

Tentang Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, Indah Water tadi saya sudah sebut sudah pampasan yang diberikan ialah kerana perjanjian penswastaan. Dia ada satu-satu *trash hold* yang perlu ditepati. *Below that, below which* kerajaan kena bayarlah pampasan, *that was the agreement. And then,* penswastaan ini dasar-dasarnya kita tahu adalah di bawah urusan Jawatankuasa Penswastaan yang dipengerusikan oleh EPU jadi tidak juga oleh Kementerian Kewangan.

Tentang perjudian banyak tadi dok timbul soal perjudian. Sebenarnya tadi saya...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sedikit.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Ya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya ada tanya mengenai penjelasan sedikit caj-caj tertunggak kepada IWK adakah ia akan dihapuskan? Kerana sebelum ini lebih kurang tiga tahun dahulu ada satu sistem di mana kerajaan telah menghapuskan caj-caj yang tertunggak. Dan saya difahamkan baru-baru ini banyak, mungkin ribu-ribu orang telah terima surat-surat daripada peguam-peguam mengatakan pembayaran telah dibuat tetapi apakah ia akan dihapuskan?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Saya tidak dapat memberi jawapan Yang Berhormat minta maaf kalau boleh kita akan, sebab ini juga merupakan perkara di bawah operasi yang melibatkan kementerian. IWK ini Kementerian Perumahan ke? Ataupun - saya pun tidak pasti kena *check* dan mungkin mereka lebih mengetahuilah apa yang patut dilakukannya. Jadi kalau boleh Yang Berhormat nanti tanya bila Menteri hadir.

Tentang perjudian tentang usaha tegas saya tadi dok bercakap dengan Yang Berhormat bagi Raub rakan saya Timbalan Menteri Kewangan. Sebab sebenarnya beliau yang menjaga urusan perjudian ini. Saya pun tidak mahu menjaga perjudian dan saya pun tidak penah pergi Genting pun tidak pernah, dok main mesin pun tidak pernah jadi saya pun tidak tahulah. Tetapi mengikut beliau saya tanya adakah kita bagi lesen dia kata lesen ini *guarantee* nya tidak ada lagi sudah. Apa yang ada mungkin perubahan-perubahan tempat lesen-lesen yang lama. Ataupun syarikat ini bertukar hak milik tangan yang dahulu diberi. Ini yang menjaganya, Yang Berhormat bagi Raub ini jadi saya hanya mengulangi janji dia dan inilah sefahaman sayanya pada pemahaman saya lesen-lesen perjudian baru ini tidak ada diberikan.

**Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Ya, Yang Berhormat bagi Batu Kawan.

**Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi seperti saya kata terdapat banyak cawangan-cawangan yang baru di taman-taman perumahan. Kalau tidak ada lesen yang baru yang diberikan, macam mana terdapat cawangan yang baru? Maka kalau boleh saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau boleh pihak kementerian beri saya satu senarai semua cawangan baru yang dibuka dan juga cawangan lama yang telah ditutup.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Kalau boleh ada untuk membolehkan soalan Yang Berhormat ini diberi jawapan bertulis.

**Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]:** Ya, cantik.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Kalau boleh Yang Berhormat ajukan sedikit apa yang maklumat Yang Berhormat hendak dan saya minta supaya jawapan bertulis dapat diberikan kepada Yang Berhormat. Saya ingin ringkaskan kerana masanya tidak begitu mengizinkan dan kalau ada apa-apa lagi kita boleh, Yang Berhormat bagi Pendang ada menimbulkan...

**Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]:** Sedikit, sedikit lagi. Yang Berhormat tadi ada tanya fasal Genting Highlands, di mana buat masa ini hotel, First World Hotel turut dijadikan sebagai tempat perjudian, yang itu belum dijawab lagi.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Saya sudah jawab sudah saya tidak pernah pergi Genting Highlands.... *[Ketawa]* Saya pun tidak tahulah First World di mana, *second world* di mana. Jadi kalau Yang Berhormat hendak benda-benda ini benda-benda perjudian apa saya rasa kita minta jawapan bertulislah. Sebab saya memang buta huruf tentang perjudian ini.

**Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]:** Kalau begitu Yang Berhormat lain kali minta Timbalan Menteri yang lagi satu jawab senang.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Tetapi takut dia tidak boleh jawab yang lain-lain. Dia boleh jawab yang perjudian sahaja.... *[Ketawa]*

**Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]:** Ohh! Susah ini....

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Tidak apalah Yang Berhormat sabar sahaja, sabar sahaja.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi sedikit sahaja.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ada apa lagi?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ya, mengenai *Totalisator Board.*

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Ha?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Totalisator Board.*

iaitu berkaitan dengan perjudian juga. Tidak ada apa-apa jawapan.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Ya, sebab tidak ada soalan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya ada bangkitkan dalam penghujahan saya.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Tidak dengar.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Lembaga, *Totalisator Board..*.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Oh Lembaga....

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Totalisator Board.*.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** *Totalisator Board*?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Totalisator Board.*.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Oh! Saya pun tidak tahu itu pun saya minta akan jawab bertulislah saya pun tidak tahu. Ya, *okay*. Yang perjudian ini kita minta pegawai kita jawab bertulis. Yang Berhormat bagi Pendang tentang Bank Islam, dasar pinjaman *Murabahah*, perubahan sedikit berlaku. Ini pun kita akan mencari sebabnya dalam masa yang singkat tidak tahu ini perkara yang begitu perinci begitu *detail* sekali bersama juga dengan soal e-banking yang *window* tutup kalau lebih daripada dua setengah minit. Cuma saya boleh beri jaminanlah kalau *window* tutup pun, kalau duit itu tidak seperti mana yang diingini oleh pengguna ia akan dapat pampasan balik - ganti rugi cuma mungkin masa sedikit. Kadang-kadang kita pun buat ATM ini kadang-kadang dia tunjuk duit itu sudah

potong akaun kita, tetapi duit tidak keluar ada juga kan? Tetapi bila kita pergi ke bank dia ada rekod-rekod dia. Jadi jangan bimbang sangat soal itu.

Yang Berhormat bagi Tanjong ada menyebut tentang perolehan kerajaan seperti negeri Perak. Dia begini perolehan kerajaan ini Yang Berhormat, kalau yang kecil-kecil yang RM100,000 ke bawah yang RM20,000 ke bawah yang boleh diberi secara sama ada undi ataupun sebut harga dan sebagainya, memang diutamakan diberi keutamaan kepada bumilah. Ini kecil-kecil ini syarikat-syarikat kecil, tetapi syarikat-syarikat besar setahu saya masih lagi mengamalkan definisi syarikat bumiputera yang besar yang boleh mengambil tender yang boleh memasuki perolehan yang besar-besar ini memang masih tertakluk kepada dasar kerajaan. Syarikat-syarikat ini yang majoritinya dimiliki oleh bumiputera adalah dikira syarikat bumiputera. Cuma yang kecil-kecil itu biasalah itu.

Soal JKP Sdn. Bhd. memperoleh sebuah banglo di Penang bangunan masih dikenali bangunan UMNO, ini barangkali ini cat lama yang saya rasa mungkin tidak dicat baru atau tidak diturunkan ke. Saya yakin bahawa UMNO tidak akan mengatakan bangunan yang dimiliki oleh syarikat lain sebagai bangunan dia sendiri. Ini mungkin *a matter of* penyelarasan yang. Tentang Penang Outer Ring Road, tanah-tanah pengambilan mengapa diambil pada harga yang rendah penilaian.

Saya agak tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat ini kerana dalam satu dua mesyuarat yang lepas di luar mesyuarat kerajaan saya boleh *quote* dekat ini saya harap tidak ada masalah, "Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis telah menyuarakan bahawa dia tidak faham mengapa di Perlis Jabatan Penilaian ini mengenakan penilaian yang begitu tinggi kepada tanah dia lebih daripada harga pasaran". Kerana barangkali di Perlis tanah-tanah jadi dia kata lebih tinggi daripada Kedah lebih tinggi daripada tempat lain. Saya hendak sebut ini kerana Yang Berhormat kata lebih rendah daripada pasaran ada pula orang kata lebih tinggi daripada pasaran.

Jadi bermakna barangkali Jabatan Penilaian ini memang dia mempunyai asas-asas dia. Kita tidak bolehlah hendak katakan dia salah, ada asas-asas dia. Jadi, kalau Yang Berhormat tidak berapa yakin, boleh tulis surat kepada saya kah, Ketua Pengarah Penilaian, kita tengok bagaimanakah asas-asasnya mengapakah harga itu ditetapkan sedemikian rupa. Kita tahu pengambilan tanah ini, kalau tidak puas hati juga, akhirnya kita boleh pergi mahkamah. Mahkamah akan menentukan kadar yang paling sesuai yang paling adil untuk semua pihak. Akhirnya ini Tabung Pengangkutan Awam Yang Berhormat bagi Tanjong juga sebut apa sudah jadi RM4.4 bilion. Memang saya setuju dengan Yang Berhormat. Dahulu kita rasakan bahawa kita apabila naikkan harga petrol ini kita boleh selamatkan RM4.4 bilion pada masa tersebut dan oleh kerana kita hendak menunjukkan bahawa kerajaan ini bukannya hendak ambil duit itu, duit ini akan dimasukkan dalam tabung.

Tetapi, Yang Berhormat tahu lepas itu harga minyak melambung-lambung naik bukan sahaja yang RM4.4 bilion tidak dapat kita selamatkan, subsidi pun semakin besar. Ini hakikatnya tidak perlu kita sembunyi-sembunyi. Tetapi oleh kerana kerajaan sudah membuat komitmen untuk mewujudkan

tabung sedemikian, maka dibagi juga RM500 juta dan akan ditambah, saya yakin ini akan ditambah bila perlu dan bila mengizinkan. Jadi, soal di mana RM4.4 bilion ini sama ada sudah dilesapkan atau tidak, tidak timbul. Soalnya dijangkakan harga minyak tidak naik, dia naik begitu mendadak sehingga *the saving* dengan izin, RM4.4 bilion itu tidak dapat. Jadi....

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, saya ada bangkit mengenai perkara GST.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** GST?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ya.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Apa yang, Yang Berhormat bangkitkan?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya bangkit, apakah....

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Mungkin masa itu saya keluar bilik air.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** ..... Sekarang.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Apa dia?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan, saya ada bangkitkan mengenai pengagihan sebanyak lebih RM43 juta untuk penilaian dikatakan panel kajian semula. Apa kajian yang telah dibuat kerana dari apa yang saya baca di Australia, Curtin University of Technology pun telah membuat satu kajian dan tidak sampai RM43 juta dan kenapa ini perlu dan kenapa ia ditangguhkan dari tahun dahulu ke tahun ini dan ditunda pula ke tahun hadapan dan adakah *stamp duty* dan lain-lain *tax* akan dihapuskan jika GST akan diimplementasikan dan setakat manakah kajian itu, setakat sekarang?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Ya, GST memang ditangguhkan dan kerajaan masih tidak meletakkan tarikh yang akan betul-betul dilaksanakan dan implikasi-implikasinya dari segi perbelanjaan, saya tidak dapat *off hand,* ini kalau perlu kalau Yang Berhormat hendak juga, kita boleh buat jawapan bertulis, dengan *detail* nya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Saya hendak cuba habiskan Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching ada menyebut LHDN perlu mesra rakyat, mesra peniaga, saya setuju. Operasi LHDN lepas itu ada *third party* yang memberi tawaran, ini saya rasa saya pasti tidak ada kena mengena dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri, tidak ada kena mengena dengan kerajaan. kalau ada, mungkin ada pihak-pihak yang cuba menangguk di air keruh, yang cuba mencari kesempatan, ini biasa. Kalau tidak ada apa pun, dia pandai-pandai dia tahu, dia pergi buat cerita dan sebagainya. Tentang, EPF hendak beli saham ini, EPF *is a major share holder of* RHB sebenarnya sudah menjadi *major share holder.*

Cuma kurang daripada Utama Group. Jadi, tidak luar biasa kadang-kadang di antara dua *major shareholder* ini ada tawar-menawar. Tetapi, soal yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching sama ada oleh kerana Utama Group ini mempunyai pengaruh yang berlebihan, saya rasa tidak timbul kerana jelas bukti tawaran yang dibuatkan oleh EPF itu tidak diterima. Kalaulah ada

pengaruh, mesti dia bagi tawaran yang cukup baik dan cukup *best* yang tidak boleh ditolak. Jadi, oleh kerana ianya ditolak buat masa ini tidak dapat, maka bermakna pengaruh luar itu tidak ada.

Jadi, saya sudah jawab semua, Yang Berhormat bagi Batu Kawan pun sudah jawab. Tuan Pengerusi saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang bertanya memberi pandangan, lebih-lebih lagi mereka yang masih lagi berada di dalam Dewan ini kerana begitu prihatin dan memberi sokongan penuh kepada Kementerian Kewangan.

Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,937,536,800 untuk Maksud B.10; RM18,199,910,900 untuk Maksud B.11 dan RM4,143,060,000 untuk Maksud B.12 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM1,937,536,800 untuk Maksud B.10; M18,199,910,900 untuk Maksud B.11 dan RM4,143,060,000 untuk Maksud B.12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,459,000,000 untuk Maksud P.10; dan RM2,000,000,000 untuk Maksud P.70 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM2,459,000,000 untuk Maksud P.10 dan RM2,000,000,000 untuk Maksud P.70 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi Rabu esok, 8 November 2006.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.36 petang.***

**06 November 2006**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. " Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. " Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - *Senator*
8. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. **" Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO**
12. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO

14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO

15. “ Menteri Pelajaran, Dato’ Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO

19. “ Menteri Pengangkutan, **Dato’ Sri** Chan Kong Choy, P.N.B.S.,S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S.(Selayang) – MCA.

20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - *Senator*

21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO

22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO

23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP

24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO

25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO

26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M.,D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO

27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, **Dato’ Seri** Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO

28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO

29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS

**30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA**

31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO

32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

**TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. " Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. " Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. " Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. " Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. " Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. " Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. " Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA

19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO

20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO

21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC

22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC

23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA

24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO

25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO

26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA

27. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP

28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS

29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA

30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN

31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO

32. ” Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO

33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO

34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO

35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO

36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO

37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS

38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO

39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Abdul Rahman bin Suliman - *Senator*

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO

2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO

3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC

4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP

5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA

6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO

7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB

8. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO

9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO

10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC

11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, **Datin Paduka** Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA

12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO

13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA

14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA

15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*

16. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

**AHLI-AHLI**

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato’ Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. Yang Berhormat Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ **Datuk Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO**
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO

21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato’ Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ **Datuk** Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ **Datuk** Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP

53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS

54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS

55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO

56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO

57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC

58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS

59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP

60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN

61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN

62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP

63. “ **Datuk Seri** Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB

64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA

65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP

66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP

67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA

68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA

69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO

70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP

71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO

72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO

73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO

74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO

75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO

76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO

77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO

78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO

79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO

80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS

81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO

82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO

83. Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO

84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO

85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ **Dato’** Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP

115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA

116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP

117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP

118. Yang Berhormat Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB

119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO

120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN

121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO

122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO

123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB

124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA

125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO

126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA

127. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA

128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

**DEWAN RAKYAT**

**Ketua Pentadbir Parlimen**
Haji Kamaruddin Mohamed Baria

**Setiausaha Dewan Rakyat**
Datuk Mahmood bin Adam

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**
Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS**
**PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Hajah Supiah binti Dewak
Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Haji Amran
Ab. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Zaida Zuriani binti Mohd Zamli
Azmir bin Mohd Salleh
Norhasani binti Yaacob
Nurul Shahida binti Haji Ahmad